Bil. 34

Selasa
24 Oktober 2017

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 5)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 22)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017 (Halaman 23)

Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017 (Halaman 37)

Diterbitkan oleh:
SEKSYEN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2017

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. (Pekan) – UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N,, S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., S.P.M.P. [Bentong] – MCA
4. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., [Segamat] - MIC
5. " Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. " Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
7. " Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
8. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
9. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
10. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, S.S.A.P., D.P.M.T. [Kemaman] – UMNO
11. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
13. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., S.S.D.K., D.N.S. [Jerai] – UMNO
14. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] – PBRS
15. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S., P.G.B.K. [Selangau] – PRS

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar] – PBB

18. " Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya] – PBB

19. " Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP

20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO

21. " Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO

22. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO

23. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, P.J.N., K.M.M. – *Senator*

24. " Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] – UMNO

25. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO

26. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB

27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA

28. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO

29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB

30. " Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO

31. " Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, S.P.D.K. – *Senator*

32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

33. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA

34. " Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] – UMNO

35. " Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC

2. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO

4. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO

5. " Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D., S.S.A.P. [Mambong] – PBB

6. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. – *Senator*

7. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA

8. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO

9. " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, D.G.P.N., D.M.P.N. [Balik Pulau] – UMNO

10. " Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO

11. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO

12. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, D.S.S.A., D.S.P.N. – *Senator*

13. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO

14. " Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N., P.J.N. [Ledang] – UMNO

15. " Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC

16. " Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO

17. " Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS

18. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO

19. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB

20. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO

21. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., S.S.A.P. [Kubang Pasu] – UMNO

22. " Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO

23. " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO

24. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, D.I.M.P. – *Senator*

25. " Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*

26. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

27. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman] - PRS

29. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Nogeh anak Gumbek, D.I.M.P. [Mas Gading] – SPDP

30. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., P.P.T. – *Senator*

31. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO

32. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB

33. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS

2. " Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO

3. " Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO

4. " Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO

5. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kalabakan] – UMNO

6. " Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C., D.S.A.P. [Paya Besar] – UMNO

7. " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO

8. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO

9. " Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] – PBB

10. " Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO

11. " Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO

12. " Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO

13. " Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB

14. " Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO

15. " Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., D.A., P.N.B.S. [Betong] – PBB

16. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO

17. " Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO

18. " Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP

19. " Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO

20. " Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

21. " Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] – UMNO

22. Yang Berhormat Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K., J.M.N. [Ranau] – UPKO
23. " Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah, J.S.M. [Limbang] - PBB
24. " Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. " Dato' Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. " Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P., S.S.A.P., S.U.N.S., S.S.N.S. [Kuala Pilah] – UMNO
27. " Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. " Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] – UMNO
29. " Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] – UMNO
30. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] – PBS
31. " Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N., P.G.B.K. [Julau] – PRS
32. " Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] – UMNO
33. " Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. " Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] – MCA
35. " Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. " Datuk Liang Teck Meng, P.J.N. [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. " Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] – PBS
38. " Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. " Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. " Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
41. " Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – UMNO
42. " Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. " Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] – UMNO
44. " Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S., J.B.K. [Mukah] – PBB
45. " Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] – UMNO
46. " Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – UMNO
47. " Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman, P.J.N. [Tanjong Manis] - PBB
49. " Dato' Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
50. " Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. " Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K,. A.M.K. [Pendang] – UMNO
52. " Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K., S.M.W. [Cameron Highlands] – MIC
53. " Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. " Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. " Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. " Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO

57. Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
58. " Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. " Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. " Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO
61. " Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S., S.P.M.P., A.N.S., J.P. [Tampin] – UMNO
62. " Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
63. " Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu] – SPDP
64. " Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. " Dato' Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. " Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S., P.J.N. [Lubok Antu] – PRS
67. " Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. [Saratok] – SPDP
68. " Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. " Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kuala Langat]
2. " Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. " Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. " Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. " Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. " Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. " Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. " Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. " Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. " Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal]
14. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. " Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak]
17. " Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. " Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. " Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. " Tuan R. Sivarasa [Subang]

22. Yang Berhormat Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. " Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. " Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. " Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. " Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. " Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. " Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. " Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. " Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. " Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. " Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. " Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. " Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. " Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz, D.I.M.P. [Raub]
16. " Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. " Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. " Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. " Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. " Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. " Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. " Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. " Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. " Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. " Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. " Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. " Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. " Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. " Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. " Tuan Teo Kok Seong [Rasah]

31. Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. " Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. " Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
34. " Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. " Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. " Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. " Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. " Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. " Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. " Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. " Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. " Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. " Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
9. " Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. " Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. " Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. " Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli, P.J.C., J.P. [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. " Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. " Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. " Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. " Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. " Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P., S.P.M.S. [Bandar Tun Razak]
2. " Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
2. " Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian bt. Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Noor Afiza binti Mohd Fadzi
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juarah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT KETIGA

Selasa, 24 Oktober 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mohon maaf kerana lewat dua minit ada panggilan ke *washroom* tadi saya, saya minta maaf. *[Dewan ketawa]* Silakan Yang Berhormat Paya Besar kemukakan soalan dalam masa satu minit.

1. Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail [Paya Besar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan susulan penahanan oleh PDRM ke atas tujuh orang pengikut *Abu Sayyaf Group* yang bekerja sebagai pengawal keselamatan dan dikatakan telah berbai'ah dengan Daish baru-baru ini, menunjukkan bahawa masih terdapat kelemahan daripada segi kawalan keselamatan di sempadan negara dan mudah dibolosi. Bagaimanakah kerajaan menangani isu ini?

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, kami amat bertoleransi waktu dua minit itu atas panggilan yang tidak dapat dielakkan. *[Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tindakan *offensive* Kerajaan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran di negaranya telah meningkatkan risiko untuk kumpulan-kumpulan pengganas yang diburu menyelusup masuk ke negara ini khususnya ke Sabah.

Sehubungan itu, kerajaan telah pun mengarahkan semua agensi penguat kuasa terutamanya yang bersempadan dengan Filipina untuk meningkatkan tahap kawalan keselamatan di lokasi berkenaan. Hasil daripada usaha yang dijalankan termasuk melalui pengumpulan maklumat perisikan dengan negara-negara jiran, pihak polis telah berjaya menahan tujuh orang pengikut Abu Sayyaf atau ASG yang berselindung sebagai pengawal keselamatan.

Kesemua mereka masih di dalam siasatan pihak polis dan saya tidak bercadang untuk mendedahkan maklumat lanjut berhubung dengan perkara itu. Kerajaan juga dari semasa ke semasa akan terus mempertingkatkan usaha mengesan individu yang terlibat dengan kumpulan pengganas Daesh di negara ini. Ke arah itu PDRM telah meningkatkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) di dalam mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap pemilik laman-laman web dan akaun media sosial yang terlibat dengan kegiatan penyebaran fahaman kumpulan militan Daesh.

Pada masa yang sama, saya dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah mempengerusikan secara bersama beberapa kali Mesyuarat Lembaga Penasihat untuk mengendalikan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) dan terakhir pada 29 September

2017. Mesyuarat berkenaan bertujuan untuk menambah baik kawalan keselamatan di Pantai Timur agar risiko ancaman keselamatan dapat diminimumkan dan dibanteras sebaik mungkin.

Ia secara tidak langsung dapat mengelakkan berlakunya penyeludupan masuk elemen-elemen kumpulan pengganas Abu Sayyaf ke negara kita.

Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Minta Yang Amat Berhormat Menteri nyatakan sama ada Kementerian Dalam Negeri akan mengkaji semula prosedur pengambilan pengawal keselamatan berikutan terdapat kes membabitkan pengawal keselamatan disyaki anggota *Abu Sayyaf Group* dan mohon kerja menggunakan dokumen pengenalan diri palsu. Terima kasih.

■1010

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, pihak KDN khususnya Bahagian Keselamatan yang mengeluarkan permit syarikat-syarikat kawalan persendirian memang telah memperketat prosedur pengambilan pengawal-pengawal keselamatan ini. Pihak polis telah melakukan *screening* dengan izin, kepada setiap pengawal keselamatan yang diambil itu bagi mengelakkan apa yang berlaku di Sabah untuk tidak berlaku di tempat-tempat lain. KDN juga amat bertegas, mana-mana syarikat yang mengambil pekerja-pekerja tanpa dokumen ertinya bukan warganegara atau mempunyai dokumen palsu atau ada unsur-unsur yang mempunyai elemen jenayah apatah lagi dalam soal keselamatan maka syarikat itu akan terbatal tanpa adanya amaran akhir yang diberikan kepada mereka.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Baru-baru ini *Oktoberfest* telah dibatalkan atas aligasi bahawa kumpulan ekstremis mengugut dan ini adalah sebabnya dibatalkan. Adakah orang-orang yang telah dikenal pasti dan tindakan akan diambil terhadap mereka? Berapa orang yang telah dikenal pasti dan adakah benar bahawa ini semua adalah kerana kerajaan tidak ada *political will* untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sekali lagi tidak ada kena-mengena dengan soalan asal. Walau bagaimanapun, kita ketahui bahawa pihak polis telah menahan tiga orang yang merancang untuk melakukan serangan terhadap pesta berkenaan. Maklumat-maklumat yang lain sedang kita kumpulkan dan pihak polis telah mengenal pasti individu-individu berkenaan. Oleh sebab itu, Ketua Polis Negara telah memberikan amaran lebih awal supaya dibatalkan pesta berkenaan dan ini bukan budaya kita. Saya harap Yang Berhormat faham bahawa pihak polis buta warna. *We are really colour blind,* dengan izin dan apa yang dilakukan adalah untuk tindakan kebaikan bersama.

2. Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan kementerian terhadap KPJ Damansara memandangkan terbukti berlaku kecuaian dalam kes kematian isteri kepada Komander Dr. Tan Khai Poh (B) di hospital berkenaan.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan dalam sidang Parlimen sebelum ini tentang soalan yang sama. Tindakan yang telah diambil oleh kementerian dalam mengendalikan aduan berkenaan adalah seperti berikut.

Pertama, mengarahkan pihak hospital untuk mengendalikan aduan tersebut selaras dengan seksyen 36 Akta 586 di mana hospital swasta perlu mengendalikan aduan mana-mana pesakit mengikut pelan mekanisme ketidakpuasan hati bagi pesakit hospital tersebut. Bagi kes berkenaan pihak hospital telah menjalankan siasatan dalaman dan telah mengemukakan maklum balas secara bertulis termasuk salinan laporan perubatan pesakit kepada pihak pengadu.

Kedua, menyemak rekod perubatan pesakit yang dikemukakan oleh pihak hospital kepada pihak kementerian dan mendapati aduan yang dikemukakan oleh pengadu adalah tidak tepat.

Ketiga, pegawai-pegawai kementerian telah mengadakan pertemuan dan memberi penjelasan kepada pengadu pada 6 Februari tahun ini berkaitan hasil semakan rekod perubatan yang berkenaan.

Keempat, kementerian telah mengadakan lawatan verifikasi ke atas aduan pengadu serta penjelasan pihak hospital terhadap perkhidmatan ICU dan isu-isu lain yang diadukan pada 14 Mac tahun ini dan berdasarkan lawatan verifikasi tersebut didapati bahawa aduan yang dikemukakan adalah tidak berasas. Oleh yang demikian tiada tindakan yang bersifat punitif boleh diambil di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta.

Walau bagaimanapun satu siasatan telah dilakukan oleh Majlis Perubatan Malaysia kerana ada satu aduan telah dikemukakan terhadap Dr. Chong Yip Boon responden kepada majlis. Aduan adalah berkenaan ketidakpuasan hati pengadu terhadap rawatan yang diberikan oleh responden kepada mendiang isteri pengadu sehingga didakwa telah menyebabkan kematian. Aduan tersebut telah dipanjangkan oleh Yang di-Pertua Majlis kepada Jawatankuasa Penyiasat (JPP) yang seterusnya telah membuat siasatan ke atas kes tersebut dan hasil siasatan JPP telah mendapati tiada asas mencukupi untuk menyokong pertuduhan dan mengesyorkan kepada majlis agar tiada tindakan dikenakan ke atas responden.

Syor ini telah dikemukakan kepada Majlis Perubatan Malaysia dan majlis telah bersetuju dengan syor JPP untuk tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap responden dan keputusan majlis telah dimaklumkan kepada pengadu melalui surat bertarikh 4 Oktober 2017.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua, berpandukan siasatan oleh *Preliminary Investigation Committee* kedua oleh Datuk Dr. Haji Megat Burhainuddin bin Megat Abdul Rahman mendapati beberapa isu yang sepatutnya dilihat oleh kementerian dengan izin, *the complainant further alleged that he had demanded to know why the deceased was not brought to the Intensive Care Unit (ICU) and treated as an emergency case but was informed that there was no staff manning the ICU at the material time.* Saya minta kementerian lihat perkara ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Ini ialah apa yang telah diadu tetapi di dalam jawapan saya, saya telah memberitahu bahawa siasatan telah dilakukan di tiga peringkat. Satu di peringkat hospital sendiri di mana mereka diwajibkan melakukan siasatan bila ada apa-apa aduan atau ketidakpuasan yang diterima oleh mana-mana pesakit. Kedua, oleh Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Amalan Perubatan. Ketiga, oleh Majlis Perubatan Malaysia terhadap apa yang dilakukan oleh doktor. Asas daripada semua siasatan ini telah terbukti layanan yang diberi ialah selaras dengan layanan yang biasa diberi. Doktor yang telah menjaga beliau telah menjalankan tugas mereka mengikut tatacara profesionalisme mereka. Oleh itu, tiada tindakan yang telah diambil. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berapakah jumlah dan apakah kes-kes yang banyak berlaku kecuaian yang melibatkan hospital-hospital swasta yang wujud macam cendawan tumbuh akhir-akhir ini? Apakah perancangan kerajaan untuk menangani kes ini di masa akan datang? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Butiran tentang jumlah aduan atau kes-kes ini saya ada di dalam kementerian dan maklumat itu boleh diberi kepada Yang Berhormat. Akan tetapi secara am sistem yang ada ialah kawalan terhadap hospital swasta ialah melalui Bahagian Amalan Perubatan di bawah Kementerian Kesihatan dan isu-isu berkaitan dengan tingkah laku seorang doktor sebagai profesional ialah di bawah kawalan Majlis Perubatan Malaysia.

Melalui isu ini malah di bawah Bahagian Amalan Perubatan kerana semua hospital diberi lesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta dan mereka wajib melakukan beberapa perkara untuk menjamin mutu dan kualiti perkhidmatan yang telah diberi. Kita menerima laporan daripada pihak hospital swasta tentang kes-kes yang ada di dalam hospital ini termasuk kematian yang berlaku dan sebagainya. Dengan mengambil kira perkara itu kementerian seberapa bolehnya cuba untuk menentukan bahawa mutu perkhidmatan kesihatan ini terjaga di dalam hospital swasta. Kalau ada aduan yang diberi memang kita akan melantik jawatankuasa siasatan yang akan menjalankan siasatan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Terima kasih.

■1020

3. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah jangka panjang dan pendek yang dilakukan oleh kementerian dalam pengurusan sekolah kurang murid di seluruh negara sekali gus mampu mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan mengelakkan pembaziran perbelanjaan kerajaan dalam pengurusan sekolah kurang murid.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis yang telah mengemukakan soalan berkaitan dengan sekolah kurang murid atau dikenali sebagai SKM.

Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan istilah sekolah kurang murid (SKM) untuk sekolah rendah yang mempunyai *enrolment* 150 pelajar ke bawah. Berdasarkan kepada data 31

Mac 2017, terdapat 2,996 buah sekolah rendah yang dikenali sebagai SKM. Sekolah kebangsaan sebanyak 2,058 buah sekolah. Sekolah jenis kebangsaan Cina sebanyak 578 buah sekolah dan sekolah jenis kebangsaan Tamil sebanyak 360 buah sekolah.

Tinjauan analisis kos pengoperasian SKM mendapati kos pengoperasian sekolah yang mempunyai *enrolment* murid 150 dan ke bawah adalah tinggi iaitu RM67,130.65 per murid untuk setahun berbanding dengan hanya RM5,321.84 per murid setahun untuk sekolah biasa. Kerajaan membelanjakan lebih daripada RM2 bilion setahun untuk mengendalikan operasi dan pelaksanaan di sekolah-sekolah kurang murid yang saya sebut tadi sebanyak 2,996 buah sekolah.

Kementerian sedang melaksanakan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid iaitu penggredan semula sekolah kurang murid, kelas bercantum bawah daripada 30 murid, penempatan guru pemulihan dan pelaksanaan norma guru kelas bercantum. Manakala strategi jangka panjang ialah penggabungan sekolah dalam radius lima kilometer satu aliran. Maksudnya, kalau di kawasan itu mempunyai SRJKC yang lebih daripada dua atau tiga buah atau SJKT yang lebih dari dua atau tiga buah sekolah.

Kekal asas keperluan. Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid sehingga kini berdasarkan kriteria utama penggabungan sekolah sama aliran dan tidak menimbulkan implikasi penambahan bilik darjah atau perjawatan. Suka saya sebut di sini bahawa walau bagaimanapun, dasar Kementerian Pendidikan adalah jelas iaitu sekolah tidak akan ditutup atau tidak akan disuraikan pelajar-pelajar itu sehinggalah atas persetujuan ibu bapa dan masyarakat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Soalan tambahan saya. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Menteri Pendidikan kerana menyatakan tidak akan berlaku penutupan kepada sekolah-sekolah SKM atau sekolah kurang murid. Akan tetapi dalam soal ini, ada beberapa faktor yang mungkin perlu dibaiki seperti kemudahan-kemudahan seperti pusat sumber, makmal komputer, bengkel, kemudahan serta mungkin dari segi kantin sendiri kita mempunyai masalah untuk mereka berniaga kerana kurang kemudahan. Jadi, pihak Menteri boleh nyatakan, apakah langkah yang perlu diambil dalam hal ini?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih. Sukalah saya menyebut di sini, daripada 2,996 buah sekolah, murid dari 101 hingga 150 murid, sekolahnya adalah sebanyak 909 buah; 51 murid ke 100 murid adalah sebanyak 1,195 buah; 21 murid ke 50 murid adalah sebanyak 716 buah sekolah; 11 murid ke 20 murid— maknanya kurang daripada 20 murid— mempunyai 132 buah sekolah; dan kurang dari 10 murid— sekolah itu kurang dari 10 murid— mempunyai 44 buah sekolah. Kurang daripada 10 murid ini pun guru mesti dihantar minimum tujuh orang ke sekolah itu. Jadi maknanya, ada sekolah hanya ada lima murid tetapi gurunya ada tujuh orang.

Proses yang keduanya, *contractual* tender pembersihan sekolah setiap tahun mesti dimasukkan dalam kontrak. Keduanya, kawalan keselamatan ataupun *security guard* di sekolah dimasukkan juga sebagai *contractual* tahunan. Jadi, ada dua kontrak yang terpaksa diberi kepada sekolah walaupun sekolah itu mempunyai sekolah kurang murid. Jadi, kerajaan menentukan bahawa ada dua kontrak dibuat, walaupun sekolah kurang murid, dan guru cukup di sekolah itu berdasarkan kepada yang saya sebut tadi sama ada tujuh guru hinggalah ke 11 orang guru. Jadi bermakna, tidak timbul masalah.

Dalam hal yang berkaitan, apabila kita buat hal yang berkaitan itu, juga saya tegaskan di sini bahawa bagi sekolah-sekolah masyarakat Orang Asli, tidak ada hal yang berkait dengan kelas bercantum ataupun penggabungan sekolah. Kelas bercantum maksudnya Tahun 2 dan Tahun 3 bercantum, Tahun 4 dan Tahun 5 bercantum— yang tidak bercantum hanya Tahun 1 dan Tahun 6— untuk mengurangkan jumlah guru yang banyak di sekolah itu. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bilangan yang dicantum atau yang digabungkan dan apakah masalahnya?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Bagi yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Kepong, bercantum kelas ini maksudnya kalau ada 30 pelajar di sekolah itu, jumlah pelajar Tahun 2 dan Tahun 3 boleh dicantumkan, Tahun 4 dan Tahun 5 boleh dicantumkan. Tahun 1 dan Tahun 6 tidak dicantumkan. Jadi, tujuan percantuman ini untuk menggabungkan lebih ramai murid di sekolah. Kalau dalam kelas itu hanya ada dua orang sahaja pada Tahun 3 dan Tahun 4 pun dua orang, kalau digabung baru jadi empat orang dalam satu kelas. Itu cantum dalam sekolah.

Keduanya, yang disebut tadi ialah penggabungan sekolah. Penggabungan sekolah ini kalau boleh— atas persetujuan ibu bapa juga— radiusnya dalam lebih kurang lima kilometer, kita cantumkan. Cadangan ini ada juga timbul daripada pimpinan daripada Sarawak yang minta kalau boleh kita cantumkan sekolah yang berdekatan. Radius lima kilometer, empat buah sekolah itu kita

cantumkan menjadi satu buah sekolah dan semua guru daripada situ dikumpulkan dalam satu kompaun sekolah. Jadi, daripada gabungan itu, mungkin murid sekolah itu dapat digabungkan sehingga 200 pelajar. Jadi, ini cadangannya. Kepada radius yang lebih jauh, ada juga dicadangkan supaya asrama desa diwujudkan untuk membolehkan pelajar-pelajar ini tinggal di asrama berdekatan dengan sekolah. Ini membolehkan sistem pengajaran dan pembelajaran itu lebih baik.

Pada kerajaan, Yang Berhormat Kepong, walaupun 2,996 buah sekolah ini, pada pandangan kewangannya besar ditanggung tetapi kerajaan telah mengambil keputusan bahawa dalam jangka panjang barangkali kita boleh bergabung ataupun mencantumkan kelas. Akan tetapi, sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kementerian Pendidikan mempunyai tanggungjawab yang jelas iaitu kita memberi pendidikan kepada seluruh rakyat Malaysia walaupun sekolah kurang murid itu banyak dalam negara ini tetapi peruntukan masih diberi juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah, Yang Berhormat, tamatlah sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

■1030

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dewan ingin mengalu-alukan rombongan pelajar-pelajar dan guru-guru Sekolah Menengah Padang Saujana, Parlimen Jerantut ke Dewan yang mulia ini.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta Menteri Kewangan menyatakan justifikasi kerajaan terhadap liberalisasi kadar tarif insurans motor baharu serta langkah bagi memastikan penanggung insurans memberikan liputan atau kualiti kemudahan yang baik sesuai dengan premium yang dikenakan.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, liberalisasi kadar tarif insurans adalah reformasi untuk memastikan industri insurans negara ini sentiasa berdaya saing, efisien dan dapat menawarkan khidmat berkualiti kepada para pengguna. Kerajaan telah melaksanakan polisi liberalisasi insurans motor dengan beberapa objektif utama iaitu:

(i) menyelaraskan subsidi bersilang (*cross subsidies*) yang ketara pada masa ini di mana sesetengah pemegang polisi membayar premium yang lebih mahal daripada yang sepatutnya bagi menyokong pemandu dan kenderaan yang berisiko tinggi;

(ii) menghasilkan cara penentuan premium yang lebih saksama dengan mengambil kira faktor risiko yang lebih menyeluruh;

(iii) membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful untuk menyediakan pelbagai produk yang inovatif dengan harga yang berpatutan dan berbeza; dan

(iv) menggalakkan orang ramai untuk memandu secara berhemah melalui pengenalan ciri produk baru yang mengaitkan harga premium dengan tabiat memandu, misalnya *insurance telematic* dan mewujudkan industri insurans dan takaful yang mampan dan berdaya saing.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang kita tahu bahawa dengan pengenalan liberalisasi insurans ini, kita dapat lihat bahawa apa yang ditentukan adalah mengikut risiko. Kalau risikonya rendah, maknanya harganya rendah. Kalau risikonya tinggi, contoh kalaulah mereka yang tinggal di kawasan yang terdedah kepada jenayah kecurian dan sebagainya dan juga mereka yang tidak ada pengalaman memandu, jadi adakah ia terbuka kepada pihak insurans untuk menetapkan harga yang lebih tinggi dalam keadaan-keadaan tersebut. Saya hendak tahu sama ada setakat ini, ada apa-apa aduan atau tidak

syarikat-syarikat insurans yang telah menetapkan harga yang agak tinggi. Jadi, saya perlu tahu perkara macam ini untuk rakyat kita faham. Adakah sama ada terdapat apa-apa skim tak hendak membantu terutama golongan B40? Itu yang sangat penting sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan produk-produk yang diperkenalkan di bawah persekitaran liberalisasi ini, langkah-langkah telah diambil oleh pihak Bank Negara untuk memastikan bahawa pihak pengendali insurans dalam negara tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga. Mereka mesti mempunyai basis atau mempunyai asas untuk menaikkan kadar premium. Setakat hari ini, mana-mana *insurance company* yang ingin menaikkan harga lebih daripada 10 peratus, dia kena minta kelulusan pihak Bank Negara. Kalau mereka ingin menurunkan harga, kita bagi fleksibiliti kepada mereka untuk menurunkan harga.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya apabila kita mengendalikan sistem ini, dia sebenarnya dapat memanfaatkan banyak rakyat Malaysia terutamanya kalau dulu kita tengok insurans ini, kita kena beli komprehensif ataupun *third party. There is no other choice.* Kalau *you* hendak komprehensif, *then in between of that* kita tidak ada. Akan tetapi pada hari ini oleh sebab kita *liberalize* dari segi kadar premium yang dicaj oleh insurans *company,* maka kita ada wujud banyak produk-produk baru yang keluar hari ini ialah kita boleh ambil *third party plus only fire.* Makna kita tidak bayar komprehensif punya premium.

Kemudian, kita ada juga produk yang mana kita panggil '*gap cover*'*.* Contohnya kalau kereta kita ini *value*nya RM50,000 tetapi hutang dekat bank masih ada RM70,000, jadi kita masih boleh beli insurans *cover* walaupun kereta itu ialah RM50,000, kita boleh *insured the difference between the loan* yang kita masih ada dengan *value* kereta. Maka kalau apa-apa terjadi pada kereta kita, bermakna insurans akan *cover loan* kita yang tinggi daripada harga *value*.

Kedua, dari segi *agreed value policy*. Kadang-kadang kita pakai kereta yang sentimental kepada kita tetapi harga kereta itu mungkin *value* RM30,000, tetapi kita hendak nilainya RM50,000. Kita boleh beli insurans RM50,000 dan kita *agreed* dengan insurans *companies* supaya kalau *anything happened to the car, I want to put the value at RM50,000.*

Ketiga, kita juga ada *telematic* sistem ataupun *device* yang kita boleh letak dalam kereta dan kemudian apabila kita *renew* kita punya insurans, *device* ini boleh tunjuk kita punya *scoring. Scoring* bagaimana kita memandu, berapa banyak *mileage* kita dan sebagainya, yang ini juga akan menjadi faktor pengiraan kadar premium.

Keempat, baru-baru ini ada juga insurans *company* yang telah mengemukakan kepada pihak Bank Negara yang dia beri panggil *Smart Driver* iaitu kalau kita ada tiga atau empat biji kereta, kita jarang pakai kereta yang kita tak bawa, tetapi kita boleh beli insurans dan insurans premium itu di-*calculate how many hours that you drive on that car.* Kalau dulu kita tak boleh buat ini kerana kita tidak ada liberalisasi dari segi insurans.

So these are among the benefits, faedah yang dapat dinikmati oleh rakyat secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, *third party insurance cover* masih ada. Itu *compulsory,* bermakna semua insurans *company* dimestikan dan diwajibkan menjual *third party. So* kalau ada B40 yang naik motor tak ada duit hendak beli, dia masih boleh beli *third party cover* yang masih dikontrol ataupun di*cover* oleh pihak Bank Negara. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan mempunyai agensi-agensi atau jabatan tertentu untuk memantau syarikat-syarikat insurans yang agak liat ataupun susah untuk membayar pampasan kepada pihak yang menuntut insurans ini walaupun kadang-kadang telah diputuskan oleh mahkamah mereka perlu membayar *certain* amaun kepada plaintif sehingga kadang-kadang dia *appeal* pula kepada mahkamah yang lebih tinggi dan ini menyusahkan rakyat. Adakah kerajaan ada mekanisme untuk pemantauan ini? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, dia ada beberapa prosedur atau cara apabila kita berdepan dengan *claim* yang mana banyak kali kalau kita dapat masalah daripada insurans *company* tidak mahu bayar *claim.* Pertama dari segi pihak Bank Negara, kita telah mewajibkan kepada semua insurans *company* mesti mewujudkan satu *department* khas untuk setiap pelanggan datang kepada syarikat tersebut kalau mereka mempunyai sebarang masalah dari segi insurans *company* atau *claim* dan apa sahaja yang berkenaan dengan insurans. Kalau pelanggan itu membeli insurans kepada syarikat 'A' contohnya, dia mesti ada satu *desk officer full time* untuk *engage on the policy orders.* Kalau masalah-masalah itu tidak boleh selesai, kita ada lagi satu jabatan yang dikendalikan oleh pihak Bank Negara dipanggil *Ombudsman for Financial Services* (OFS). Ini di mana Bank Negara akan mengendalikan kes-kes *claim* yang ada *dispute* yang boleh

diselesaikan– RM250,000 ke bawah, *you can come to this place*, dia akan selesaikan. Selalunya kita tak pernah dengar masalah isu-isu yang berbangkit dari segi untuk membayar *claim.*

Ketiga, kalau katakan kes-kes yang melibatkan lebih daripada RM250,000 dan dia pergi ke mahkamah dan menyebabkan *millions of dollars* punya *claim* ini, yang ini dia kena *go through* proses mahkamah. Akan tetapi setakat *retail claim* ini, saya ingat kita tidak ada masalah seperti yang biasa kita berdepan dengan kes-kes sebelum ini. Terima kasih.

2. **Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) bilangan kes yang telah dibawa ke Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak sehingga kini; dan

(b) perincian hubungan di antara mangsa dan pemangsa mengikut pecahan kaum dan apakah jenis maklumat jenayah seksual kanak-kanak yang diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi dan mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan lisan nombor 37 pada tarikh 31 Oktober 2017 oleh Yang Berhormat Tanjong yang turut menyentuh isu yang sama.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak yang pertama di negara dan juga di Asia Tenggara telah pun bermula operasi pada 22 Jun 2017 di Putrajaya. Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak ini adalah untuk mendengar dan membicarakan kes-kes bagi kesalahan yang diperuntukkan dalam Akta 792 dan juga kesalahan jenayah seksual di bawah undang-undang lain yang melibatkan mangsa kanak-kanak. Untuk maklumat, Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak ini di Putrajaya dikendalikan oleh seorang Hakim Mahkamah Sesyen Gred JUSA C.

Pada peringkat permulaan, Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak ini ditubuhkan di Putrajaya untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah, jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam Daerah Shah Alam, Petaling Jaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak ini telah dilengkapi dengan sistem *Court Recording Transcription* (CRT), sistem audio visual dan bilik saksi kanak-kanak dan bilik menunggu saksi kanak-kanak. Prasarana khusus ini amat penting demi membantu prosiding perbicaraan di mahkamah khas tersebut. Kemudahan yang telah disediakan ini dapat memastikan perbicaraan dan pendengaran kes dijalankan dengan cepat dan berkesan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sejak ditubuhkan pada 22 Jun 2017 sehingga 8 September 2017, sebanyak 293 kes telah didaftarkan di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 248 kes atau 80 peratus telah dilupuskan dalam tempoh tiga bulan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa dengan adanya Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak ini, pihak pendakwaan, pihak mahkamah dan pihak peguam dapat bekerjasama untuk memastikan kes kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak dijalankan tanpa apa-apa penangguhan. Hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini juga adalah selari dengan Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.02/2017 yang menetapkan kes jenayah di Mahkamah Rendah diselesaikan atau dilupuskan dalam tempoh 12 bulan.

Suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pada 27 September 2017, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak ini diperluaskan secara berperingkat di seluruh negeri di Malaysia. Sebagai permulaan, ia akan dilaksanakan di Negeri Sarawak, Selangor dan Johor dan pelaksanaan secara berperingkat berdasarkan dengan statistik bilangan kes yang banyak.

Di samping itu, satu jawatankuasa kerja bagi menyediakan garis panduan khas untuk mengendalikan kes-kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak telah ditubuhkan bagi merangka *special standard operating procedure* (SOP) atau satu garis panduan khas untuk mengendalikan kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan telah mengadakan mesyuarat yang pertama pada 29 September 2017. Jawatankuasa kerja tersebut terbahagi kepada dua iaitu jawatankuasa kerja induk dan jawatankuasa kerja kecil. Jawatankuasa kerja itu juga akan melibatkan semua pihak yang berkepentingan.

Selain daripada itu, program latihan perundangan turut akan dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara, mahkamah dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan secara berterusan. Pegawai perundangan dan kehakiman yang dilantik untuk mengendalikan kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak akan dilatih oleh tenaga pengajar daripada kalangan pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai pakar daripada pelbagai bidang yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 16 Akta 792 memperuntukkan mengenai hukuman yang dikenakan terhadap orang yang menyalahgunakan perhubungan amanah memandangkan kesalahan jenayah seksual tersebut dilakukan kebanyakannya oleh orang yang dikenali oleh kanak-kanak dan terdiri daripada anggota keluarga dan orang yang mempunyai hubungan yang rapat dengan kanak-kanak tersebut.

Perincian mengenai mangsa dan pemangsa (orang kena tuduh) bagi kes antara 22 Jun 2017 hingga 8 September 2017 dari segi hubungan adalah seperti berikut;

BILANGAN KES	HUBUNGAN
1	Bapa
3	Bapa tiri
10	Orang luar

Manakala perincian mengenai pemangsa (orang kena tuduh) mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut;

BILANGAN KES	KAUM
3	Melayu
3	Cina
3	India
5	Warga asing

Untuk maklumat, perkiraan ini dibuat berdasarkan individu dan bukan pertuduhan untuk tempoh masa tersebut.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini tiada apa-apa maklumat jenayah seksual kanak-kanak yang diletakkan atau diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Namun begitu, seksyen 15 Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan sekatan ke atas apa-apa laporan berita, penyiaran atau penyampaian yang membolehkan mana-mana kanak-kanak yang terlibat dikenal pasti dalam apa-apa perkara atau prosiding sama ada sebagai seorang mangsa, pesalah ataupun saksi. Sekian, terima kasih.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Saya ingin mengucapkan syabas di atas kesungguhan Menteri dan pasukan Menteri untuk merealisasikan akta ini menjadi Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak sebab sebelum ini memang tak ada akta yang kukuh untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak. Namun saya ada satu soalan di sini berkaitan dengan apa yang Menteri jawab tadi sebab mengikut laporan daripada Bukit Aman, ada statistik atau data berhubung dengan jenayah seksual kanak-kanak yang memang diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we only know what we know, we don't know what we don't know.*

Saya bertanya soalan ini kerana saya khuatir ada butiran atau maklumat yang penting berhubung dengan perlindungan kanak-kanak. Mungkin pemangsa adalah seorang yang terkenal, mungkin pemangsa adalah seorang yang berjawatan tinggi atau memegang jawatan tinggi dalam kerajaan pun ataupun dalam pihak penguat kuasa. Jadi, saya khuatir sekiranya ada maklumat seperti ini yang diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi, so ia akan membenarkan seorang itu dilindungi oleh Akta Rahsia Rasmi ini sehinggalah tindakan diambil terhadap jenayah yang telah dilakukan.

Kedua, saya juga ingin tahu, tahun ini Yang Berhormat Menteri melawat Amerika Syarikat *on an official working visit* untuk dengan izin, *to combat sexual crimes*. Saya ingin tahu, sejauh

manakah inisiatif oleh kerajaan untuk *engage* dengan Kerajaan Amerika Syarikat dalam usaha terutama sekali dalam *dark web* sebab kita lihat internet sekarang ini dengan WhatsApp, WeChat digunakan oleh kanak-kanak dan juga oleh pemangsa untuk mencari mangsa mereka. Jadi buat masa ini, tiada pelaburan yang baik oleh kerajaan terhadap teknologi. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *there is no proper investment into the technology part of detecting all these pedophiles on the dark web.*

Jadi saya ingin tahu apakah ...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Siap tanya soalan pula.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: ...inisiatif oleh pihak kerajaan. Saya dah tanya tadi apakah inisiatif dan saya sekali lagi ucapkan terima kasih di atas inisiatif dan kesungguhan Menteri dan kami semua di sini menyambut baik inisiatif ..

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kenyataan kah soalan ini?

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: ...dan menyambut semua usaha oleh kerajaan terutama sekali untuk membendung jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan saya pada soalan pertama Yang Berhormat tadi. Berkenaan dengan Akta Rahsia Rasmi yang dinyatakan oleh laporan yang diberi kepada Polis Diraja Malaysia, saya tidak dapat menjawab sebab bukan dalam bidang kuasa saya tetapi saya akan memaklumkan kepada kementerian yang berlainan tentang soalan itu. Akan tetapi bagi pihak mahkamah, tidak ada apa-apa diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi yang saya sebut tadi kecuali di bawah seksyen 15 Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan sekatan ke atas apa-apa laporan, penyiaran, penyampaian yang membolehkan mana-mana kanak-kanak terlibat dikenal pasti dalam apa-apa perkara ataupun prosiding sama ada sebagai seorang mangsa, pesalah ataupun saksi.

Jawapan kepada soalan kedua daripada Yang Berhormat berkenaan dengan lawatan ke Amerika Syarikat dan bekerjasama dengan Kerajaan Amerika Syarikat, saya akan memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas segala inisiatif yang dibuat.

Jadinya soalan tambahan saya adalah, apakah sebenarnya punca utama kes-kes jenayah seksual kepada kanak-kanak yang mungkin telah direkodkan oleh pihak kementerian Yang Berhormat dan juga sejauh manakah modul bantuan psikologi yang diberikan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa ini sebenarnya berkesan dalam memulihkan mental kanak-kanak tersebut? Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat juga tanya saya tentang dua soalan. Yang Berhormat tanya tentang punca mengapa melakukan sedemikian. Saya tak tahulah Yang Berhormat tetapi jawapan saya setakat ini, mungkin kerana nafsulah yang menyebabkan perkara ini berlaku.

Keduanya, berkenaan dengan daripada segi psikologi. Sebenarnya ia dalam bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bukan di bawah bidang kuasa mahkamah tetapi hakim boleh mengarahkan seperti Yang Berhormat tahu baru-baru ini keadaan mana seorang bapa telah melakukan jenayah seksual terhadap anak beliau yang mana mahkamah akan menjatuhkan hukuman dan juga menetapkan supaya yang dituduh itu dikenakan kaunseling di penjara. Itu setakat yang kita tahu daripada segi hukuman yang diberi oleh hakim.

■1050

Akan tetapi sejauh manakah keberkesanan terhadap kanak-kanak tersebut dari segi psikologi dan sebagainya saya tidak dapat menjawablah. Itu di bawah kementerian yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

3. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah keberkesanan program pembangunan tenaga pengajar "*Technical and Vocational Education and Training*" (TVET) yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengajaran tenaga pengajar di institusi TVET.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan nombor tiga, saya ingin mengucapkan dan mengalu-alukan kedatangan tiga rombongan di sini. Satu, ketua-ketua masyarakat dari kawasan Parlimen Serian seramai 22 orang. *[Tepuk]* Kedua, delegasi daripada SMJK Seg Hwa Segamat, Johor. Ketiga, delegasi dari Perfect Tourism and Management Centre Sdn Bhd Wangsa Maju. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Pusat Latihan Pengajar Lanjutan (CIAST) di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia berperanan sebagai pusat kecemerlangan latihan pengajar kemahiran di Malaysia telah melaksanakan Program Pembangunan Kemahiran (PPK) di dalam merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti latihan kemahiran kepada tenaga pengajar Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) mulai tahun 2011 dengan tujuan membangun tenaga pengajar TVET.

Seramai 21,010 orang tenaga pengajar telah dilatih sehingga tahun 2016 yang melibatkan 14 agensi TVET dengan peruntukan melebihi RM48.5 juta telah berjaya meningkatkan pengetahuan tenaga pengajar serta kemahiran mereka di dalam bidang kemahiran masing-masing. Di samping itu, peningkatan kualiti penyampaian pengajaran dan terdapat perubahan sikap positif telah ditunjukkan oleh tenaga pengajar yang mengikuti program-program ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada *traces* tadi yang telah dilaksanakan didapati terdapat peningkatan terhadap kebolehpekerjaan pelajar yang mana pihak industri telah mengakui bahawa pelajar-pelajar yang dihasilkan daripada institusi TVET berjaya memenuhi keperluan industri semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu panjang. Beberapa program pembangunan tenaga pengajar Technical and Vocational Educational Training (TVET) telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi meningkatkan kualiti pengajaran tenaga pengajar di institusi TVET sedia ada iaitu:

(i) Program Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula Tenaga Pengajar (*reskilling*). Program *reskilling* dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran tenaga pengajar sedia ada di semua agensi TVET awam. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan kepada *training needs analysis* yang diperoleh dari sistem daftar pengajar berpusat secara elektronik atau *e-profiling*. Pada tahun 2016 sebanyak 566 kursus telah dilaksanakan oleh 12 agensi TVET di bawah pelbagai tujuh kementerian dan dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia. Seramai 10,515 orang tenaga pengajar telah dilatih yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM50,015 juta. Manakala sehingga bulan Oktober tahun ini sebanyak 505 kursus telah ditawarkan yang melibatkan seramai 1,100 orang tenaga pengajar dengan perbelanjaan sebanyak RM11.4 juta.

(ii) Sistem *e-profiling* pengajar TVET. *Profiling* pengajar TVET adalah satu projek di mana data kompetensi pengajar TVET yang melibatkan 15 agensi di bawah tujuh kementerian dikumpulkan dalam satu pangkalan dasar berpusat untuk dibandingkan dengan senarai semak keupayaan (*ability checklist*) untuk mendapatkan jurang kompetensi para pengajar. Jurang kompetensi yang dikenal pasti akan di analisa untuk tujuan perancangan. Pelaksanaan latihan yang bersesuaian bagi menutup jurang kompetensi tersebut. Sehubungan dengan itu sistem data berpusat pengajar secara elektronik telah dibangunkan dan dinamakan sebagai sistem *e-profiling*.

(iii) Peningkatan kemahiran fasilitator. Program ini bertujuan untuk melatih tenaga pengajar TVET sebagai fasilitator bagi Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS), Pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) dan Pembangunan Sosial dan Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran bagi pusat bertauliah sektor awam dan

swasta yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia.

(iv) Program Latihan Sangkutan Industri (LSI), Latihan Sangkutan Industri merupakan satu program penempatan pengajar kemahiran Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) untuk menjalani latihan industri secara terancang dan diselia oleh pegawai yang bertanggungjawab di industri. Program ini mendedahkan pengajar-pengajar kepada persekitaran kerja-kerja sebenar di industri yang mengikuti arus pembangunan teknologi yang canggih dan terkini. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan kemahiran, pengalaman dan keyakinan diri pengajar malah dapat mengurangkan jurang kemahiran di antara institusi dengan industri. Sekian terima kasih.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Terima kasih...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas tadi dan saya mengambil kesempatan dan mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian atas usaha dalam pembangunan dan peningkatan tenaga pengajar latihan kemahiran di Malaysia.

Sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika pelancaran TVET di Pusat Latihan Teknologi Tinggi Shah Alam menjelang tahun 2025, Malaysia perlu mempunyai 20,000 tenaga pengajar profesional 40,000 tenaga pakar TVET. Soalan tambahan saya ialah Yang Berhormat apakah platform kementerian sediakan untuk menerapkan golongan yang berpengalaman berpuluh tahun dalam aspek-aspek TVET tetapi tidak mempunyai pensijilan bagi meningkatkan kemahiran kualiti dan dedahan graduan TVET.

Adakah kementerian bercadang menjadikan usaha sama dengan negara luar untuk membawa masuk tenaga pengajar asing bagi menambah baik mutu bagi meningkatkan pengajaran TVET. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama pelancaran TVET Malaysia yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 September 2017 iaitu diadakan di ADTEC Shah Alam telah mengambil langkah dalam mana semua kementerian yang ada sangkut paut dengan latihan atau Technical and Vocational Education Training akan disatukan dalam mana semua data-data dari ketujuh-tujuh kementerian ini akan disatukan. Ianya kementerian kita telah diamanahkan untuk menerajui TVET ini.

■1100

Mengenai soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Alor Gajah— terima kasih— dalam pada itu, kita sebenarnya telah memperkenalkan satu program yang dipanggil sebagai *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) yang sedang berjalan dan setakat ini tidak kurang dari 1,000 orang yang tidak mempunyai kelulusan akademik malahan berpengalaman telah pun diiktiraf ataupun diberi diploma. Dalam perkara ini, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, satu konvokesyen akan diadakan di negeri Sarawak sendiri pada penghujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sama ada kita akan membawa pakar-pakar dari luar untuk membantu kita dalam perkara ini, soalannya telah saya nyatakan tadi iaitu mengenai *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL), sebenarnya kita telah bekerjasama dengan beberapa institusi-institusi TVET di seluruh dunia termasuk di Australia dan juga di khususnya di United Kingdom. Dalam pada ini, *Cardiff and Vale College* adalah antara satu-satu kolej yang telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk bersama-sama dengan kita agar perkataan '*technical and vocational education training'* ini akan menjadi satu usaha yang akan memartabatkan TVET di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya hargai usaha dan keutamaan untuk menjadikan TVET ini sebagai perkara utama memacu pertumbuhan negara. Pertanyaan saya lebih kepada perancangan kerajaan, kerana sekarang ini di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan itu memerlukan kelayakan TVET. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memang berpatutan.

Hanya saya mahu menyatakan dari segi isu mengkalibrasikan semua usaha, kerana sekarang ini pada masa yang sama di sektor pekerjaan, cabaran utama yang kita hadapi adalah

lambakan pekerja asing di mana Yang Berhormat sendiri berkali-kali membawakan isu ini. Daripada tahun 2000 sehingga 2013, lebih 152 peratus kenaikan pekerja asing berkemahiran rendah. Maka tentu akan ada cabaran, tentangan kepada usaha untuk memastikan warganegara Malaysia sendiri menerusi kelayakan TVET dapat memasuki sektor pekerjaan.

Maka persoalan saya, bagaimanakah kita mampu untuk menyatukan usaha semua kementerian bila masa Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan dalam sektor pembuatan akan diperkenalkan kemungkinan mengambil lebih 100 peratus semua pekerja asing? Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat kerana saya sokong benar cadangan yang dibangkitkan tetapi seolah-olah tidak ada kalibrasi ataupun penyatuan dalam keputusan yang diambil berkait dengan pengambilan pekerja asing. Mohon jawapan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Banyak yang perlu saya jelaskan di sini.

Pertama, dari segi bilangan pekerja asing yang ada di negara kita sekarang. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2015, jumlah pekerja asing di negara kita adalah 2.1 juta iaitu mereka yang dianggap sebagai *documented* atau *legal foreign workers*. Akan tetapi pada tahun ini, iaitu setakat hari ini, jumlah pekerja asing yang ada di negara kita telah berkurangan dari 2.1 juta orang dalam tahun 2015 kepada hanya 1.758 juta. Ini bererti, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkataan 'longgokan' itu tidak betul kerana sebenarnya kita kekurangan 300,000 pekerja asing.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, tentang syarikat-syarikat yang perlu mengaji 100 peratus pekerja asing. Ya, memang benar, kerana perkataan 3D iaitu *dirty*, *difficult*, *demeaning*, *dangerous*— *so it becomes four now*— adalah satu pekerjaan yang kurang diminati oleh rakyat tempatan. Maka mahu tidak mahu, kita kena ambil pekerja-pekerja asing. Dalam pada itu, walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa ada tempat-tempat di mana pekerja 100 peratus hendaklah terdiri daripada pekerja asing tetapi kerajaan telah menegaskan bahawa *supervisor* di *level* ini mestilah orang-orang tempatan, anak-anak rakyat Malaysia. Jadi tentang 1.5 juta pekerjaan baru yang bakal diwujudkan dalam Rancangan Malaysia, ya, memang benar dan daripada jumlah itu, 60 peratus akan memerlukan pekerja yang mahir.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini kerana ini berbalik kepada persoalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Alor Gajah tadi iaitu mengenai perkataan '*technical and vocational education and training'* (TVET). Saya dengan bangga, Tuan Yang di-Pertua, memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa *WorldSkills Competition* baru sahaja tamat di Abu Dhabi, *United Arab Emirates* yang telah disertai oleh 1,233 orang peserta dari 56 buah negara. Saya amat berbangga dan ingin menyampaikan, sama-sama berkongsi kebanggaan saya sebagai Menteri Sumber Manusia, kerana buat kali yang kedua— kali pertama kita berjaya menggondol atau membawa balik sebuah pingat walaupun gangsa iaitu di pertandingan di *WorldSkills Competition* yang telah diadakan di Sao Paulo dua tahun yang lalu tetapi kali ini di Abu Dhabi, wira-wira kita— saya panggil mereka sebagai wira-wira negara— telah membawa balik dua pingat gangsa dan sembilan *medallion of excellence.*

Ini bererti Tuan Yang di-Pertua, ini saya boleh katakan membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia, *we are on the right track.* Bukan senang untuk bertanding dengan 1,233 orang peserta dari seluruh negara. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil kerajaan dan polisi Kerajaan Malaysia mengenai isu pelarian Rohingya yang sedang berada di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya.

Kerajaan Malaysia bersimpati di atas apa yang berlaku kepada etnik Rohingya yang ditindas dengan kejam dan dinafikan hak kewarganegaraan oleh Kerajaan Myanmar. Gelombang keganasan yang terbaru terhadap etnik Rohingya sejak 25 Ogos 2017 sehingga hari ini menyebabkan kira-kira lebih 500,000 orang etnik Rohingya terpaksa melarikan diri ke Bangladesh bagi mendapatkan perlindungan.

Sebagaimana yang semua sedia maklum, dari segi polisi, Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian termasuklah bagi etnik Rohingya memandangkan Malaysia bukanlah negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1991 dan Protokol 1997. Di kalangan

negara ASEAN, hanya Filipina dan *Cambodia* yang merupakan negara pihak kepada konvensyen dan protokol tersebut.

Pada asalnya, Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) yang memberikan status pelarian dan mengeluarkan kad UNHCR adalah bertanggungjawab bagi menguruskan hal ehwal pelarian seperti sara hidup, kesihatan, tempat tinggal, keselamatan, makanan dan pendidikan dalam tempoh tinggal sementara di Malaysia dan seterusnya menguruskan segera penghantaran pelarian termasuk etnik Rohingya kepada negara ketiga atau pulang ke negara asal.

Perlu ditegaskan bahawa kad UNHCR dikeluarkan oleh pihak UNHCR bukanlah suatu dokumen perjalanan yang sah dan bukanlah merupakan suatu permit bekerja, pasport antarabangsa atau lesen memandu untuk pelarian ini termasuk etnik Rohingya untuk bekerja di Malaysia.

■1110

Terdapat juga kad UNHCR yang dikeluarkan kepada warga asing dari seluruh dunia oleh UNHCR. Secara prinsipnya, segala perbelanjaan mereka di sini adalah ditanggung oleh UNHCR. Ini termasuklah penghantaran pelarian Rohingya bagi penempatan ke luar negara dan negara ketiga yang ditanggung oleh UNHCR dan International Organization for Migration. Namun demikian, atas dasar kemanusiaan kerajaan Malaysia membenarkan pelarian yang telah diberikan status perlindungan antarabangsa oleh UNHCR untuk tinggal sementara waktu di Malaysia sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Ini termasuklah etnik Rohingya yang telah diberikan status pelarian oleh UNHCR. Malaysia terpaksa menanggung pelarian ini kerana pihak UNHCR gagal memberikan perlindungan yang sepatutnya.

Langkah yang telah diambil dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menguruskan etnik Rohingya yang diberikan kad UNHCR ini, antaranya adalah seperti berikut:

(i) mewujudkan satu pasukan petugas bersama (*joint task force*) antara kerajaan dengan UNHCR yang diselaraskan oleh Kementerian Dalam Negeri bagi menangani isu-isu semasa berkaitan pelarian termasuk etnik Rohingya seperti pendidikan, kesihatan, sara hidup, penghantaran pulang ke negara asal, penempatan ke negara ketiga, semakan semula status bagi pengesahan kelayakan status pelarian, tahap keselamatan kad UNHCR dan sebagainya;

(ii) melaksanakan projek perintis kebenaran bekerja untuk pemegang kad UNHCR etnik Rohingya di sektor perkilangan dan perladangan untuk tempoh tiga tahun. Projek perintis ini memberi ruang kepada etnik Rohingya yang memegang kad UNHCR untuk menyara kehidupan melalui pekerjaan yang sah dan sekali gus dapat mengekang mereka daripada terlibat dengan aktiviti jenayah dan sosial;

(iii) melaksanakan Proof of Concept Project Tracking Refugees Information System (TRIS) bagi pendaftaran maklumat biometrik ke atas semua pelarian termasuk pelarian Rohingya bagi memastikan kerajaan mempunyai semua maklumat biometrik tersebut untuk tujuan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. Pihak UNHCR akan memberikan kerjasama kepada kerajaan bagi pelaksanaan projek tersebut;

(iv) bekerjasama dengan kerajaan asing yang telah mengatakan kesediaan untuk membantu kerajaan Malaysia untuk menguruskan isu pelarian termasuk pelarian etnik Rohingya melalui bantuan kewangan untuk peningkatan kesihatan, pendidikan dan kemahiran pelarian etnik Rohingya yang berada di Malaysia; dan

(v) meneruskan pemberian beberapa kemudahan yang selama ini diberikan kepada semua pelarian yang memegang kad UNHCR termasuk Rohingya. Kemudahan tersebut ialah potongan harga caj di hospital dan klinik kerajaan sebanyak 50 peratus berbanding dengan warga asing yang lain dan membenarkan akses kepada pendidikan asas bagi anak-anak pelarian etnik Rohingya di pusat-pusat pembelajaran swasta.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan atas langkah-langkah

yang di ambil untuk menangani masalah pelarian Rohingya ini. Namun begitu, sebagai salah satu anggota ASEAN, Malaysia adalah komited kepada polisi *non-interference* dalam hal-hal dalaman iaitu dasar tidak campur tangan. Akan tetapi, atas dasar demokrasi dan perikemanusiaan adalah jelas seperti dalam isu pelarian etnik Rohingya ini, prinsip ini adalah susah untuk dipertahankan. Langkah perlu diambil seperti mana yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia untuk menangani masalah ini dan ia adalah jelas bercanggah dengan prinsip *non-interference*.

Jadi saya nampak jelas Kerajaan Malaysia kini sanggup mengambil pendirian yang berlainan dan bercanggah dengan prinsip *non-interference* of ASEAN. Dalam isu demokrasi dan juga *human rights* seperti dalam kes ini.

Jadi soalan saya, adakah pendirian ini yang mana kami sanggup mengambil langkah yang bertentangan dengan prinsip *non-interference* juga akan terpakai di dalam kes-kes pelarian yang lain bukan sahaja dalam kes Rohingya ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, seperti yang kerajaan telah jelaskan, *non-interference* ini adalah negara dia. Akan tetapi ini masalah dia kejar orang dia datang ke negara lain. Kita masalahnya sebab orang Rohingya ini datang ke Malaysia, kalau dia hendak melakukan sesuatu di negara dia kita– *statement* kita berlainan. Sekarang kita terpaksa menanggung kos dan juga lain-lain lagi di atas kekejaman yang dilakukan oleh kerajaan mereka. Sekarang ini kalau dia melakukan di negara dia tidak apa. Sekarang dia kejar keluar. Sekarang dia kejar keluar, datang ke Bangladesh dengan Malaysia. Negara lain tidak banyak yang menerima.

Jadi kita kena keluarkan kenyataan berhubung dengan perkara ini iaitu di atas dasar kemanusiaan. Malaysia bagi perhatian dan pada masa yang sama kita juga memperjuangkan nasib orang Rohingya yang telah dikejami. Kita tidak boleh jawab perkataan itu seolah-olah kalau orang datang dalam keadaan mereka diseksa dengan kejam dan dibunuh oleh negara yang berkenaan. ..oh kita tidak *interfere*. Memang kita tidak *interfere* negara dia tetapi sekarang ini masalahnya dibawa ke negara kita. Kalau masalah itu berada di negara dia itu cerita lain. Akan tetapi sekarang ini kerajaan melihat bahawa oleh sebab masalah ini telah dibawa kepada negara kita, jadi kita kena keluarkan kenyataan.

Kenyataan kerajaan itu yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Luar itulah kenyataan rasmi kerajaan. Di atas dasar perikemanusiaan. Malah kerajaan juga telah mengumumkan bahawa kita akan bina hospital sementara di negara Bangladesh untuk membantu orang-orang Rohingya yang dikejami. Kita kena ingat bahawa kemanusiaan itu nombor satu dalam kehidupan. Kalau kita tidak ada sifat ini, maka kita bukan lagi manusia lah. Terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini berkenaan dengan keganasan. Di Malaysia terdapat lebih kurang 56,000 pelarian etnik Rohingya yang ada memegang kad UNHCR. Yang membimbangkan ialah ada laporan yang mengatakan bahawa ISIS menawarkan USD2,000 serta makanan kepada kem pelarian di Lebanon dan Jordan. Perkara ini boleh berlaku kepada pelarian Rohingya di Malaysia. Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan pelarian etnik Rohingya ini tidak terlibat dalam kegiatan keganasan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Nombor satu saya hendak ingin mengatakan bahawa di sini bahawa, mereka tidak terlibat dengan apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi. Akan tetapi saya hendak perbetulkan angka Yang Berhormat. Sekarang ini kita ada 62,153 orang Rohingya yang mendapat kad UNHCR. Seluruh Myanmar 132,719 orang. Jadi UNHCR ini bukan sahaja keluarkan kad kepada Rohingya tetapi kepada orang lain daripada Myanmar. Kita – kalau itu tanya saya, saya tidak faham. Tetapi walau bagaimanapun, daripada Myanmar sahaja 132,719 orang dan orang Rohingya hanya 62,153 orang.

Kita sentiasa memastikan supaya tahap keselamatan negara ini berada di tahap yang terbaik. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, apa Yang Berhormat telah sebutkan itu *insya-Allah* tidak akan berlaku di negara ini. Walau bagaimanapun, kita mengambil langkah yang sewajarnya supaya tidak berlaku.

5. Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Perdana Menteri menyatakan dalam era dunia kini bergerak pantas menerusi era pendigitalan dan aplikasi serta IOT, adakah terdapat perancangan masa hadapan Tabung Haji untuk menyediakan atau membekalkan para Jemaah kita dengan kelengkapan aplikasi yang akan memudahkan urusan Jemaah dan pengurusan Tabung Haji sendiri sewaktu berada di Tanah suci.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Tabung Haji telah mula merancang dan menggunakan teknologi aplikasi *mobile* untuk kemudahan para pendeposit. Aplikasi THiJARI telah diperkenalkan kepada para pendeposit pada 10 Julai 2017 dan telah dimuat turun oleh 37,760 pengguna sehingga 13 Oktober 2017.

Bagi para pendeposit, selain dapat membuat semakan baki akaun dan pindahan simpanan, mereka juga boleh melakukan urusan pendaftaran haji, menyemak tawaran haji dan menyemak jadual penerbangan carta haji dengan aplikasi TH ataupun dipanggil Aplikasi THiJARI.

■1120

Aplikasi ini juga turut memuatkan maklumat mengenai perjalanan haji serta persoalan dan panduan berkaitan ibadah haji. Bagi pengurusan haji, Tabung Haji telah mula menggunakan Aplikasi Haj Mobiliti sejak tahun 2015. Musim Haji 1436 Hijrah, aplikasi ini mengandungi beberapa modul pengurusan maklumat yang membantu operasi haji di Tanah Suci, termasuk carian dan sebaran maklumat, laporan pergerakan bas dan kiraan jemaah. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan tadi dan bagi pihak rakyat kita memberikan ucapan tahniahlah kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, khususnya di Bahagian Tabung Haji, Organisasi Tabung Haji yang telah menunjukkan satu prestasi kerja yang cukup baik, yang cukup cemerlang, kerana dengan ramainya peserta-peserta haji nampaknya Tabung Haji mengambil pendekatan untuk lebih dekat dengan era pendigitalan ini, menggunakan *WhatApps* dan sebagainya.

Oleh kerana itu, sebagai negara *role model* negara Islam yang baik, adakah terdapat juga perancangan pihak Tabung Haji dan kerajaan dalam berkongsi ilmu, pengalaman dan juga kaedah pengurusan yang terbaik kini yang sudah ada, yang baik ini, sekali gus akan membantu pula membangun sistem pengurusan haji yang terancang ke negara-negara jiran, seperti Kemboja dan beberapa negara jiran ASEAN yang lain. Maknanya diikuti kerja yang cemerlang pada hari ini untuk disebarkan ke negara-negara ASEAN yang lain. Diharap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dan juga termasuk selaku, merangkap bukan termasuk, merangkap Tuan Yang Terutama di Kemboja. Jadi tentunya, Yang Berhormat dan juga Tuan Yang Terutama dapat melihat sumbangan daripada Tabung Haji dan termasuk cadangan tadi untuk dikembangkan kepada negara-negara rantau dunia sebenarnya, bukan hanya sekadar di peringkat ASEAN, bahkan di dunia.

Yang Berhormat, kalau dapat saya katakan, bukan hanya sekadar kita mengembangkan pengalaman yang kita lalui dalam Tabung Haji, banyak negara-negara yang telah pun meminta dan juga datang ke Tabung Haji sendiri untuk mendapat pengajaran ataupun mendapat maklumat-maklumat yang boleh diguna samakan oleh mereka.

Bahkan yang tertarik untuk saya sebutkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada negara, macam Bosnia dia datang kepada kita, dia sendiri bukan hanya sekadar hendak mewujudkan Tabung Haji seumpama kita, dia juga mencadangkan untuk supaya nama yang bakal digunakan pakai di peringkat mereka juga, adalah merupakan nama atas nama 'Tabung Haji' juga. Cuma saya naik risau sikit, saya bagi pandangan, saya kata kalau pakai nama Tabung Haji, esok di Mekah nanti besok orang boleh keliru. Ini Tabung Haji mana pulak kan? Sebab dia menggunakan nama. Sebab saya tanya kan bahasa Bosnia tabung itu apa? Tabung lain bahasa Bosnia, saya tidak ingat dah Tuan Yang di-Pertua. Cuma dalam bahasa Bosnia tabung itu dalam bahasa dia lain. Akan tetapi tidak, dia hendak pakai perkataan 'Tabung'. Cuma saya bimbang sikit, kalau ada masalah-masalah yang *surrender* dekat *airport* dengan izin, ataupun di Makkah, di Madinah, hilang sebagainya, orang sebut Tabung Haji juga yang hilang. Tetapi yang hilang Tabung Haji Bosnia.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sekadar itu. Bahkan Kerajaan Arab Saudi, pada setiap saban tahun dalam pertemuan dia, biasanya dalam musim haji, Hari Raya yang pertama itu dia akan adakan satu majlis khusus, semua dunia, pemimpin-pemimpin yang datang untuk menunaikan haji akan dijemput untuk berada di istana dia dekat dengan Mina, Istana Kerajaan Arab Saudi, di mana kebiasaannya, kalau ikut sekarang ini *King Salman* dan Raja-raja terdahulu akan turun untuk beramah mesra dan makan jamuan pada petang raya tersebut. Seingat saya sejak daripada saya hadir dalam setiap kali pertemuan tersebut, Kerajaan Arab Saudi tidak pernah lekang dan tidak pernah lupa menyebut, Tabung Haji adalah merupakan contoh terbaik pengurusan haji dan juga pentadbiran haji yang dilakukan.

Jadi ini merupakan satu pengiktirafan dan sebab itulah Yang Berhormat, banyak negara-negara yang datang kepada kita dan ingin belajar daripada pengalaman. Cuma sikit tadi berikutan dengan jawapan tadi, saya rasa adalah baik untuk saya bacakan sikit apa yang saya maksudkan aplikasi digital pada hari ini yang dilaksanakan oleh Tabung Haji. Saya hanya menyebut sebentar tadi adalah Aplikasi THiJARI. Namun apa isi kandungannya itu, perlu saya minta sedikit masa untuk memberikan maklumat. Aplikasi THiJARI 2.0 dan juga perkhidmatan MyQ Tabung Haji ialah yang pertamanya pengenalan THiJARI, Aplikasi THiJARI 2.0 merupakan aplikasi mudah alih yang memberikan kemudahan kepada semua pendeposit Tabung Haji untuk membuat transaksi.

Keduanya adalah Aplikasi THiJARI turut memberikan perkhidmatan MyQ Tabung Haji. Pelanggan boleh mendapatkan nombor giliran, secara atas talian, semasa berurusan di Tabung Haji. Dalam erti kata mudah, tidak payah pergi ke pejabat, ambil nombor giliran dulu, bila sampai ke pejabat Tabung Haji, barulah nombor itu diguna pakaikan.

Kedua Aplikasi yang dimuat turun melalui My THiJARI ini, Aplikasi THiJARI ialah Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Google Play* dan *Appstore* secara percuma. Apakah kandungan THiJARI? Kandungannya ialah, ada pelbagai. Yang pertama ialah akaun Tabung Haji, di mana deposit, semak baki akaun, pindah wang, sejarah transaksi akaun, kedua haji, pendaftaran haji, semak pendaftaran haji, semak tawaran haji, cetakan slip pendaftaran haji dan semak jadual penerbangan dan juga seterusnya ialah Kelab TaHa, di mana pendaftaran ialah semakan Kelab TaHa bagi anak-anak dan juga remaja dan yang kedua kelebihan THiJARI ini perkhidmatan MyQ TH yang saya sebutkan sebentar tadi, membolehkan pengguna mendapat nombor giliran secara atas talian ataupun *prebook* bagi melakukan urusan di mana-mana kaunter pejabat Tabung Haji di seluruh negara.

Ketiga ialah informasi Tabung Haji di mana maklumat tentang korporat Tabung Haji, deposit, maklumat am dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Tabung Haji seterusnya haji, maklumat pengurusan haji, urusan di tanah air dan Tanah Suci serta soal jawab berkaitan haji yang seterusnya ialah anak syarikat, maklumat ringkas mengenai anak-anak syarikat Tabung Haji.

Keempat direktori Tabung Haji, memaparkan maklumat mengenai Tabung Haji, ibu pejabat, senarai pejabat Tabung Haji dan anak syarikat juga pandu arah ke pejabat Tabung Haji pilihan iaitu *Google Maps* dan *Waze.*

Kelima berita terkini, paparan berita terkini dari syarikat akhbar seperti Berita Harian Metro dan sebagai dan paparan berita lain mengenai Tabung Haji dan juga Haji serta Umrah sebagainya.

Keenam promosi, paparan iklan produk dan barangan daripada rakan strategik THiJARI seperti penerbangan haji dan juga umrah dan terakhirnya ialah yang ketujuh e-majalah iaitulah panduan dan maklumat berguna mengenai haji pengurusan kewangan serta sejarah penubuhan Tabung Haji sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara kelebihan dalam maklumat digital yang dimiliki oleh Tabung Haji yang menggunakan Aplikasi THiJARI. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya tidaklah mempersoalkan, malah mengalu-alukan soal pendigitalan yang telah pun dibawa oleh Tabung Haji. Akan tetapi sejauh mana pula, Tabung Haji sendiri memanfaatkan maklumat digital ini dalam berkomunikasi dengan pihak Arab Saudi, khususnya pihak muassasah, pihak muassasah Asia Tenggara dalam memastikan supaya pengimbangan antara pertambahan kuota bilangan jemaah haji dengan tempat tinggal, khususnya di khemah Arafah dan juga Mina, khususnya di Mina lah, sebab saya berkesempatan untuk menjadi tetamu di Mekah baru-baru ini. Saya lihat bila saya tanya kepada pegawai-pegawai di Tabung Haji yang berkhidmat, kenapa jemaah di Mina dalam khemah itu begitu ramai sangat dalam satu khemah. Khemah *Arabian Canopy* macam khemah kenduri, satu khemah dibelah empat petak, satu petak 18 orang.

Jadi bayangkan 18 orang, kalau badan-badan besar cicak kubing, saya ingat munasabah ataupun kita tidur berdiri. Ini menyebabkan ramai orang-orang tua yang sakit, yang uzur badan besar-besar yang uzur sebagainya, mereka berhadapan dengan masalah-masalah begini. Sedangkan kita telah pun dimaklumkan pertambahan kuota itu sewaktu lawatan King Salman ke Malaysia sebelum ini. Jadi sepatutnya sudah daripada awal dapat memastikan supaya khemah di Mina itu khususnya harus diperbanyakkan supaya tidak menjadi padat, sampai satu petak 18 orang. Masa itu khemah itu sampai hampir 80 orang. Bagi saya kalau satu petak 12 orang itu masih ada kemunasabahan, yang menyebabkan ramai sebahagian yang muda-muda ini bertolak ansur bagi orang tua yang uzur ini dia tidur selesa, mereka tidur di lorong-lorong, di tepi-tepi antara khemah dengan khemah.

Jadi saya rasa, ini sesuatu yang harus diperbaiki oleh Tabung Haji. Terima kasih.

■1130

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena dan saya juga hendak mengambil kesempatan untuk mengucapkan haji mabrur kepada Yang Berhormat Pokok Sena kerana baru balik dari haji. Saya juga mengucapkan mungkin barang kali tadi Yang Berhormat sebutkan masalah di Mina itu, mudah-mudahan kata orang lagi banyak ujian lagi banyak pahala lagi Yang Berhormat dapat sebab tempat yang agak sempit. Akan tetapi bukan itu jawapannya, bukan itu jawapan. Saya ingin menjelaskan bahawa jawapan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jawapan itu sama dengan ustaz-ustaz Tabung Haji yang bagi kuliah di sana. *"Kita jangan cakap benda-benda tak elok*". Jadi tegur Tabung Haji, kena tegur.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, biar Yang Berhormat Pokok Sena bangun kali yang kedua pun tidak mengapa sebab ini sama-sama Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hal yang berkaitan dengan jemaah haji di Mina ini perlu kita fahami dalam urusan penerbangan dari Malaysia ke Makkah ataupun ke Madinah terus secara langsung, ia merupakan urusan yang berkaitan dengan Tabung Haji. Akan tetapi dalam urusan yang berkaitan dengan Mina ia merupakan urusan yang 100 peratus di bawah urusan pihak muassasah yakni pihak yang dilantik oleh pihak Kerajaan Arab Saudi di mana mereka mengadakan – pemilihan ini pun lebih kurang pemilihan orang yang mengendalikan muassasah ini. Tuan Yang di-Pertua, sebab Tuan Yang di-Pertua pernah sama-sama dengan saya menunaikan haji.

Jadi kita semasa pergi sampai di Mina langsung tidak ada langsung pengurusan yang pihak Tabung Haji sebab ketetapan sama ada khemah atau pun juga tempat pilihan telah pun ditentukan oleh muassasah dan mereka pun sendiri pilih macam kita di pilih dalam Parlimen juga, nak masuk Parlimen kena bertanding di peringkat Parlimen masing-masing. Jadi mereka yang terpilih ini adalah merupakan orang yang mempunyai 100 peratus kuasa pengurusan dan pentadbiran.

Cuma dalam konteks pendigitalan yang ada di Tabung Haji sebagaimana Yang Berhormat Pokok Sena sebutkan tadi ialah apabila kita hendak berkomunikasi dengan mereka pula, mereka juga kena harus ada dia punya maklumat yang sama dengan kita. Akan tetapi bukan soal kerana pendigitalan tetapi termasuk juga kerana urusan pihak muassasah Arab Saudi yang mungkin pertama kali tahun ini diberikan tambahan kuota secara umum.

Biasanya tahun yang lalu 22,320 orang tetapi tahun ini dipertingkatkan, di seluruh negara juga banyak terlibat dengan penambahan-penambahan baru sebab itu pihak Tabung Haji tidak ada masalah di Mekah dan juga di Madinah penginapan, apabila sampai di Mina kita menghadapi tempat yang diberikan oleh pihak muassasah keluasan yang telah ditetapkan sama dan terhad walaupun ada peningkatan jemaah haji daripada seluruh dunia.

Jadi mungkin barangkali kita mengharapkan dan kita berdoa pengalaman yang telah dilalui sebelum ini oleh jemaah haji untuk muassasah Arab Saudi mempertingkatkan keluasan khemah dan juga tempat yang telah ditetapkan oleh jemaah haji Malaysia dan tambah pula jemaah bukan hanya dari Malaysia malah dari seluruh dunia yang sebenarnya yang terlibat. Jadi saya fikir banyak negara-negara yang akan menyampaikan maklumat sebab lepas daripada ini untuk haji tahun depan dia akan jemput untuk kita mengadakan satu sesi perbincangan khas setiap negara dan akan kita panjangkan dan saya fikir mungkin negara yang lain juga akan menyampaikan perkara yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan ini amat penting. Yang Berhormat Menteri, pada 11 September 2015 berlaku tumbangnya kren gergasi di Mekah menyebabkan 180 jemaah maut, 238 cedera dan di kalangan itu tujuh jemaah kita telah meninggal dunia dan 11 cedera. Sewaktu lawatan Raja Salman selepas kejadian kren tumbang itu dimaklumkan bahawa semua mangsa akan diberi pampasan iaitu satu juta Riyal untuk yang meninggal dan 500,000 Riyal bagi yang cedera.

Akan tetapi semalam, baru-baru ini dapat berita daripada *Saudi Gazette* mengatakan mahkamah memutuskan bahawa tiada pampasan kepada mereka dan kontraktor itu Binladin telah dibebaskan atas sebab-sebab *force majeure* ataupun kejadian yang disebabkan alam, natural. Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah pampasan yang disebutkan tidak dibayar tetapi yang disebutkan oleh Raja Salman mesti dibayar. Itu sebagai penjelasan. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kira laku sikit ini. Yang Berhormat Kota Tinggi, terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi tentang kren itu. Saya amat-amat bersetuju dan bersimpati sebagaimana yang kita faham bahawa apabila berlakunya kren tumbang di Mekah pada musim haji beberapa tahun yang terdahulu menyebabkan kematian daripada beberapa negara termasuk negara kita Malaysia. Pada masa tersebut kita mendengar satu pengumuman bahawa di mana mereka yang meninggal diberikan pampasan sebanyak satu juta Riyal seorang dan mereka yang tercedera diberikan juga diberikan pampasan sekitar setengah juta atau pun 500,000 Riyal.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, semasa berlaku kejadian tersebut jumlah pada awal yang berlaku kematian itu tidak begitu ramai, yang bukan kematian ramai, yang cedera ini. Akan tetapi apabila pengumuman itu dibuat kita melihat angka pendaftaran meningkat sebab mungkin barangkali peringkat awal itu dia tidak mendaftar diri kerana cedera yang tidak agak teruk ataupun mungkin dia berada di hospital agak terasing sedikit untuk lambat daftarkan, angka meningkat.

Akan tetapi kita melihat juga dalam masa yang sama kerajaan Arab Saudi telah mengarahkan satu tindakan di peringkat mahkamah untuk diambil tindakan kepada syarikat yang berkenaan khususnya yang menguruskan pembesaran Masjidilharam dan juga yang memiliki empunya kren yang tumbang tersebut iaitu syarikat Binladin. Jadi apabila di bawa ke mahkamah kita juga mendengar sama juga sebagaimana pihak Tabung Haji mendengar maklumat yang telah diumumkan semalam melalui *Saudi Gazette* yang telah menjelaskan bahawa daripada keputusan mahkamah mendapati tidak ada kesalahan daripada faktor kecuaian ataupun faktor kelemahan pihak yang membangunkan Masjidilharam dalam konsep pembesaran tetapi ialah disebabkan faktor alamiah ataupun faktor semula jadi yang telah menyebabkan berlaku ribut pasir yang begitu kuat dan yang telah menyebabkan hentakan ke atas kren dan telah menyebabkan kren tumbang dan berlaku kematian.

Jadi semalam telah pun diumumkan bahawa apabila faktor ini didapati bahawa tidak ada kesalahan pihak yang sepatutnya mengambil tanggungjawab kerana ia merupakan faktor alamiah maka pihak Arab Saudi dalam melalui – ini melalui ya Tuan Yang di-Pertua, belum lagi kita maklumat yang sebenar, telah menjelaskan melalui *Saudi Gazette* bahawa tidak ada pampasan. Maka sebab itu pagi tadi pun kita telah minta supaya Tabung Haji mendapat penjelasan daripada kerajaan Arab Saudi tentang kedudukan yang sebenar daripada pemakluman awal dan juga perkembangan terkini daripada pampasan tersebut. Apa pun kita melahirkan rasa simpati yang amat tinggi di atas kematian tersebut, lebih-lebih lagi jemaah haji yang sedang menunaikan ibadah haji pada waktu tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bila projek tebatan banjir Sungai Kedah-Anak Bukit yang sudah lambat akan disiapkan memandangkan Kota Setar mengalami banjir teruk dalam September yang mungkin dapat dielakkan sekiranya projek tersebut sudah siap.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran mula melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah dan Anak Bukit pada 17 September 2013 dan dijadualkan siap pada 19 Julai 2018 dengan mengambil kira lanjutan masa *extension of time* (EOT*)* yang ketiga dan sekarang status kemajuannya adalah – ini sehingga 19 Oktober 2017, adalah 74 peratus berbanding dengan jadual, 74 peratus juga setelah mengambil kira lanjutan masa.

Kelewatan pembinaan projek ini adalah disebabkan oleh beberapa isu yang timbul iaitu isu pengambilan balik tanah, isu kelulusan reka bentuk daripada jabatan lain yang berkaitan. Ketiga, isu kesesuaian tanah pembinaan tebatan banjir yang timbul sewaktu projek dilaksanakan dan keempat, isu gangguan sistem pengairan kawasan sawah. Gangguan sistem pengairan yang sedia ada di tapak kerana kita terpaksa akur dengan jadual pengairan.

■1140

Tentang kejadian banjir teruk yang berlaku pada September 2017, ia adalah disebabkan oleh taburan hujan yang luar biasa melebihi kapasiti sistem saliran yang sedia ada. Sehubungan dengan itu, JPS sedang merangka pelan khas untuk memastikan projek ini dapat disiapkan dengan secepat mungkin supaya kesengsaraan masyarakat setempat semasa fasa pembinaan ini dapat

diatasi dengan segera. Dengan pelaksanaan keseluruhan Projek RTB Sungai Kedah dan Anak Bukit ini, ia akan membawa kepada *outcome* yang telah dirancang. Sekian, terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan.

Yang Berhormat Menteri, dalam banjir yang telah melanda Kedah dalam bulan September, ia merupakan satu banjir yang agak serius yang mana lebih daripada 3,500 orang di Kedah telah pun dipindahkan kepada pusat pemindahan sementara dan beribu-ribu lagi yang telah pun mengalami kesusahan disebabkan banjir. Beberapa tempat di Kedah juga dilanda banjir iaitu Kota Setar, Kubang Pasu, Pokok Sena, Pendang, Kuala Muda dan banyak lagi tempat. Sehinggalah kita melihat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan satu kenyataan dalam *The Star,* di mana beliau telah pun membidas kerajaan dan meminta Kerajaan Perlis untuk menjawab disebabkan kelambatan menyiapkan Projek RTB Bintong yang mengakibatkan banjir berlaku di Perlis dan Kedah, Yang Berhormat Menteri.

Saya telah pun beberapa kali bertanya tentang Projek RTB Sungai Kedah-Anak Bukit. Dalam tahun 2013, saya telah pun bertanya soalan ini dan pada masa itu saya diberitahu bahawa projek ini telah pun bermula semasa Rancangan Malaysia Kesembilan dalam tahun 2009 iaitu sudah hampir lepas lapan tahun. Menurut jawapan yang diberikan daripada Menteri pada masa itu, projek ini akan diselesaikan dalam tahun 2016. Kita lihat bahawa memang ada kelambatan dan walaupun Menteri telah pun memberikan alasan-alasan kelambatan seperti ada *problem* dengan reka bentuk, kesesuaian tanah ataupun kontraktor, itu adalah jawapan-jawapan yang tidak munasabah seperti Yang Berhormat Bintulu selalu katakan, *"Ini jawapan kongkalikung".*

Sepatutnya Yang Berhormat Menteri harus memberitahu kepada kita, kepada Dewan yang mulia ini, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah kelewatan. Adakah masalah kontraktor? Kalau kontraktor, tukarlah. Kalau mereka tidak ada cukup orang ataupun tidak ada *specialization* ataupun tidak cukup wang atau— apa dia? Kita hendak tahu. Saya juga difahamkan memang sekarang mereka mendapat tahu bahawa tanah yang mereka hendak buat projek ini tidak sesuai dan mereka hendak bina pula satu jambatan. Kenapa perkara-perkara ini tidak diketahui daripada awal?

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab bagaimana dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang menyebabkan kelewatan ini?

Di samping itu, adakah kementerian juga akan melancarkan sistem-sistem pemberian amaran, *weather forecast and warning forecast* yang awal untuk banjir? Saya difahamkan kementerian telah pun mula ingin laksanakan di Klang dan di Pulau Pinang. Sama ada projek-projek ini akan sampai kepada negeri-negeri seperti Kedah? Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Memang kompleks dan pihak kementerian tidak menafikan.

Akan tetapi saya hendak sebutkan di sini ialah banyak sebabnya. Sebabnya ialah ia berkumpul kepada satu persoalan dan permasalahan besar yang menjurus kepada kejadian banjir yang sangat teruk. Tadi saya sebut tentang secara kebetulan projek sedang dilaksanakan, tiba-tiba berlaku pola taburan hujan yang sangat luar biasa akibat daripada perubahan iklim yang di luar kawalan kita. Kita tidak nafikan ada masalah di dalam proses pembinaan seperti yang saya sebutkan tadi dan sebahagiannya di luar daripada jangkaan kami. Kita akui di peringkat awal ada kelewatan tetapi apabila berlaku kelewatan pada peringkat awal, sudah tentu akan menyebabkan perancangan kemudian ataupun pelaksanaan semasa projek dijalankan di fasa yang terkemudian ataupun di peringkat yang kemudian akan juga terganggu. Pihak JPS terpaksa mengambil langkah-langkah lain untuk menyelamatkan projek tersebut. Itu di antara sebab-sebab yang boleh saya sebutkan di sini.

Tidak timbul soal reka bentuk dan sebagainya kerana ia mengambil kira data yang mutakhir pada masa itu. Data taburan hujan dan sebagainya.

Cuma, saya hendak sebut di sini ialah memang benar kerajaan telah pun memulakan langkah program baru tentang kesiapsiagaan yang boleh ditingkatkan dalam menghadapi banjir iaitu Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) yang melibatkan kos lebih kurang setengah bilion yang melibatkan seluruh kawasan di Malaysia. Daripada peringkat awal ini, kerajaan ataupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui JPS terpaksa menumpukan dulu kepada tiga negeri yang kritikal iaitu negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kedah tidak termasuk kerana pada waktu itu, negeri Kedah tidak termasuk dalam negeri yang kritikal berbanding dengan Kelantan, Terengganu dan Pahang dan kita buat secara berperingkat.

Kita tidak menjangka banjir yang buruk atau teruk berlaku baru-baru ini kerana memang di luar daripada jangkaan hujan. Sebab yang berlaku sekarang ialah pola taburan hujan yang berubah. Ertinya, masa atau musim hujan berubah tidak mengikut jangkaan ataupun jadual asal. Kedua, lokasi tumpuan hujan juga berubah daripada satu tempat ke satu tempat lain yang juga di luar daripada jadual kita ataupun jangkaan kita. Ketiga, jumlah hujan yang tertumpu kepada satu-satu masa yang juga di luar daripada jadual kita. Inilah di antara beberapa sebab.

Sebab-sebab ini ia berkumpul ataupun *integrated,* menjadikan kejadian banjir yang saya sendiri mengaku memang di luar daripada jangkaan dan boleh dianggap yang teruklah berlaku di Kedah, di Perlis. Sedangkan, negeri-negeri lain ada yang panas, ada yang hujan sedikit dan sebagainya berbanding dengan yang berlaku di Kedah dan Perlis baru-baru ini. Di Johor tidak berlaku banjir. Kalau berlaku pun dalam keadaan terkawal. Maknanya, yang kita telah jangka. Tetapi di Kedah dan Perlis, bulan September biasanya tidak berlaku hujan sebegitu buruk. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Aliran sungai yang samalah— saya setuju dengan Yang Berhormat Alor Setar— daripada Pendang ke pekan Alor Setar. Penebatan banjir ini saya dengar sudah lama dah. Sudah bertahun-tahun dah di Pendang ini. Pendang mengalami banjir setiap tahun. Hujan, kata Timbalan Menteri, *pattern* hujan berbezakah tetapi kami menghadapi banjir setiap tahun. Setiap tahun kerosakan berlaku. Padi rosak, barangan rosak, rumah tangga rosak.

Apakah kementerian mempunyai perancangan untuk membersihkan sungai-sungai yang telah cetek, sungai yang semak-samun yang menyebabkan aliran air itu tidak boleh bergerak dengan baik? Kalau tidak sempatlah hendak buat penebatan banjir ini, sekurang-kurangnya kementerian mempunyai perancangan untuk membersihkan sungai supaya aliran air itu cepat bergerak, supaya padi petani tidak tenggelam berminggu-minggu. Apakah kementerian mempunyai program untuk membersihkan dan mendalamkan sungai-sungai di seluruh negeri Kedah ini?

■1150

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang ada menghantar surat kepada kementerian, amaun peruntukan yang agak besar. Itu tidak dinafikan, maknanya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang. Ini adalah di antara beberapa buah projek yang selalu dalam permohonan Yang Berhormat Pendang, ada dalam rekod simpanan kami.

Kita telah pun sebenarnya sampai kepada satu peringkat akhir iaitu saya hendak maklumkan di sini bagi RTB Lembangan Sungai Pendang sahaja untuk makluman Yang Berhormat Pendang, walaupun Yang Berhormat Pendang tadi menyebut juga tentang sungai-sungai di seluruh negeri Kedah tetapi saya fokus kepada RTB Lembangan Sungai Pendang, telah dianggarkan dan peruntukan ini telah pun lulus sebenarnya. Sekarang dalam proses pengambilan tanah, salah satu bab.

Kita tidak boleh mengambil tanah kalau tidak ada *design* bukan? *Design,* dalam proses *design* berjumlah RM280 juta, suku bilion lebih. Ini bagi Pendang. Rancangan-rancangan jangka masa pendek dan rancangan jangka masa panjang, kita mengambil maklum. Sebenarnya kebanyakan daripada sungai-sungai yang kritikal sentiasa dibersihkan secara berkala. Akan tetapi kita memahami bahawa dalam kita menyelenggarakan sungai-sungai untuk dibersihkan dan sebagainya secara berkala ini, bagi peruntukan untuk penyelenggaraan memang sangat berkurangan kerana kita fokus kepada projek.

Oleh sebab itulah saranan daripada Yang Berhormat Pendang itu kita alu-alukan dan kita mengambil maklum supaya selepas ini oleh semua pihak, bukan sahaja Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, malahan juga pihak-pihak lain yang berkaitan termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, KPKT mestilah juga memperuntukkan peruntukan yang secukupnya bagi penyelenggaraan sementara kita menunggu projek yang lebih besar seperti yang saya sebutkan tadi, bagi RTB Pendang. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah Majlis Halal Malaysia (MHM) mengkoordinasi polisi dan memantau bagi memastikan ianya akan dilaksanakan sepenuhnya bersama kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia dengan berkesan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pengurusan dan pembangunan industri halal Malaysia merupakan aktiviti gabungan pelbagai pihak dan agensi Majlis Halal Malaysia ataupun ringkasnya MHM ditubuhkan adalah untuk menyelaras agensi-agensi yang terbabit sama ada di peringkat Persekutuan mahupun negeri untuk memastikan Malaysia terus menerajui halal global dan juga menjadi pusat rujukan halal dunia.

Keanggotaan MHM terdiri daripada pengerusi-pengerusi Majlis Agama Islam seluruh Malaysia, 11 orang Menteri berkaitan, Ketua Setiausaha Negara serta Peguam Negara. Peranan utama MHM adalah merupakan sebuah badan penyelaras dan pihak berkuasa Kerajaan Pusat untuk mempertimbangkan dan menyelaras perkara berkaitan pengurusan dan pembangunan halal Malaysia selaras dengan aspirasi kerajaan menjadikan Malaysia sebagai peneraju halal dunia menjelang tahun 2020.

Penubuhan Majlis Halal Malaysia (MHM) tidak akan menyentuh bidang kuasa negeri berkaitan pensijilan halal, bahkan ia akan dimantapkan dan diperkasakan. MHM diberi mandat untuk memperakukan segala perkara yang perlu atau sesuai serta bermanfaat berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya, termasuk untuk mengawal dan menyelaras entiti kerajaan berkenaan dengan pengurusan dan pembangunan halal negara. MHM juga boleh mengeluarkan arahan kepada mana-mana entiti kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam perkara yang berkenan dengan pengurusan dan pembangunan halal negara.

Justeru, kerajaan negeri dan juga Majlis Agama Islam Negeri turut digemblengkan melalui penubuhan MHM ini. Ia dilihat mampu mempertingkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat dalam dan juga luar negara terhadap pengurusan dan pembangunan halal Malaysia ke arah menuju halal global. Terima kasih.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya yang kedua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan tahniah kerana telah mengadakan ataupun membangunkan Majlis Halal Malaysia. Soalan saya adalah sama ada Majlis Halal Malaysia bercadang menubuhkan *working committee* dan melantik kesemua operator-operator hab halal di peringkat negeri-negeri yang berstatus HALMAS menjadi ahli Majlis Halal Malaysia supaya isu-isu di setiap hab halal dapat dibentangkan pada Majlis Halal Malaysia sebagai *one stop centre* yang lebih efisien memandangkan seperti Yang Berhormat Menteri sudah memberitahu, 11 orang Menteri berada dalam Majlis Halal Malaysia dan untuk lebih efisien membantu setiap hab halal daripada segi isu-isu dana dan infrastruktur, *review* untuk *bills of guarantee* dan terutamanya isu-isu yang dihadapi oleh pelabur-pelabur. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Manis. Apa yang dapat saya sebutkan bahawa sebagaimana Yang Berhormat Tanjong Manis nyatakan sebentar tadi bahawa kita memiliki 11 kementerian yang duduk bersama. Kalau dapat saya bacakan juga kementerian ini yang berkenaan, yang duduk bersama-sama dengan Majlis Halal Malaysia. Ini kerana apa yang menjadi fokus kita, perwujudan Majlis Halal Malaysia yang dilaksanakan pada 11 Februari 2016 yang lalu atas sifat dan juga hasrat tinggi Kerajaan Malaysia untuk Malaysia menerajui halal ini secara global di mana kita ingin menjadi peneraju dan juga kita merupakan negara yang sampai ke saat dan ketika ini dilihat sebagai sebuah negara yang mampu menerajui bidang halal. Walaupun ada negara-negara lain termasuk di negara Timur Tengah, Arab dan sebagainya, tetapi Malaysia dilihat sebagai orang yang paling ke hadapan, negara yang paling ke hadapan dalam bidang tersebut.

Justeru dalam masa yang sama, penubuhan Majlis Halal Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan melibatkan Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Sumber Manusia, Menteri Pendidikan Tinggi, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Termasuk dalam jawatankuasa itu juga ialah Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara dan wakil Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri turut dimasukkan dalam senarai ahli kepada Majlis Halal Malaysia.

Apa pun, kalau dapat saya sebutkan bahawa dalam suasana dan ketika yang seperti ini, kita amat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat Tanjong Manis tadi dalam *working committee* yang boleh kita libatkan termasuk bahagian-bahagian hab halal yang ada terutamanya di seluruh Malaysia untuk memberikan pandangan-pandangan. Oleh sebab sebelum daripada ini pun dalam pembentangan-pembentangan kertas kerja, kita melibatkan semua pihak yang berkaitan dengan selain daripada pihak kerajaan, yang menjadi penasihat penyelaras kepada bahagian halal

ini di samping yang sama ialah Majlis Agama Islam Negeri dan JAKIM sebagai pengeluar sijil halal dan bahagian penguatkuasaan di bawah KPDNKK yang masih menggunakan bidang kuasa peruntukan untuk tindakan-tindakan penguatkuasaan di bawah KDPNKK, begitu juga Jabatan Standard yang menentukan standard halal.

Jadi dalam masa yang sama juga, kita mengalu-alukan daripada pihak *players* dengan izin, ataupun pemain-pemain industri yang turut terlibat bagi menjayakan industri ini supaya sebagaimana harapan Yang Berhormat Tanjong Manis tadi ialah Majlis Halal Malaysia ini menjadi *one stop centre* ataupun satu tempat hentian setempat yang boleh menyelesaikan masalah industri halal. Pokok besarnya ialah kita ingin melihat negara kita Malaysia adalah merupakan peneraju bidang halal di Malaysia dan ia merupakan suatu perkara yang bukan angan-angan, tetapi realiti di hadapan kita. Apatah lagi ditambah pula soal berkaitan dengan halal industri ini, ia memberikan pulangan kewangan ekonomi yang amat besar. Bukan hanya sekadar bilion, tetapi trilion sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita maklum, Majlis Halal Malaysia ini telah menggantikan peranan Jawatankuasa Khas Kabinet, Pengurusan dan Pembangunan Industri Halal. Saya hendak tanya berkenaan dengan apa perkembangan berkenaan dengan kewujudan Akademi Kajian Halal Antarabangsa (HIRA) dan Institut Akademi Halal Malaysia dalam usaha untuk melahirkan generasi teknokrat dalam bidang industri halal dan menjadikan Malaysia sebagai *global halal hub*? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

■1200

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Berkaitan dengan HIRA ini ataupun HIRA ringkasan, *stands for International Research Academy* untuk bahagian halal, *Halal International Research Academy.* Ini kita perlu fahami perkataan ini diguna pakai bukan diwujudkan dalam bentuk satu entiti institusi tetapi ia digerakkan dengan mempunyai program-program yang dilaksanakan di peringkat dunia pada setiap tahun, dilaksanakan di Malaysia. Jadi mungkin ada sesetengah, bukan setakat Yang Berhormat Bukit Gantang, ada beberapa kali persoalan ditimbulkan dekat di mana institut ini diwujudkan.

Sebenarnya ia merupakan satu program di mana pertemuan saban tahun diadakan bagi membincangkan ke arah untuk kita mengantarabangsakan berkaitan dengan halal dan termasuk juga dengan apa yang dikatakan IHAB, *Halal Board Committee, International Halal Authority Board* iaitu IHAB bagi mengerakkan pensijilan halal Malaysia ke peringkat yang lebih global dan ia juga menjadi pusat rujukan, penyelidikan dan institut pensijilan halal antarabangsa.

Jadi langkah ini ialah sebagaimana yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi untuk menjadikan Malaysia pada tahun 2020 akan datang, Malaysia adalah sebagai peneraju halal dunia. Jadi ini ke arah langkah-langkah yang sedang kita lakukan dan termasuk HIRA dan juga IHAB ini akan diperkemas daripada masa ke semasa bagi mencapai matlamat dan tujuan 2020, Malaysia sebuah negara peneraju halal hab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi Sistem Insurans Pekerjaan yang ditadbir oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial untuk menyediakan faedah-faedah tertentu dan program penempatan pekerjaan semula kepada orang berinsurans sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan yang akan menggalakkan dasar pasaran buruh yang aktif dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[23 Oktober 2017]***

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung untuk menjawab, sila.

12.03 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan dalam jawapan yang dibangkitkan dalam perbahasan kali ini.

Yang Berhormat Tebrau bertanyakan sama ada aduan yang diterima oleh MAVCOM meliputi juga aduan-aduan terhadap penyediaan perkhidmatan penerbangan asing. Untuk makluman Yang Berhormat, MAVCOM menerima sebanyak 42 aduan terhadap syarikat penerbangan asing sejak penubuhannya pada Mac 2016 sehingga September 2017. Kesemua aduan-aduan tersebut telah dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Tebrau juga membangkitkan mengenai diskaun, caj kawal selia kepada negara ASEAN atau acara antarabangsa. Cadangan untuk membolehkan cadangan ini boleh dipertimbangkan selepas rang undang-undang ini diluluskan yang memberi kuasa kepada MAVCOM untuk mengecualikan secara sepenuhnya atau sebahagiannya bayaran apa-apa fi dan caj yang kena dibayar kepada MAVCOM.

Seterusnya Yang Berhormat Stampin telah membangkitkan mengenai pengurusan tertinggi MAVCOM yang terdiri daripada bekas-bekas pegawai MAS dan Khazanah. Untuk makluman, kesemua ahli pengurusan tertinggi telah dipilih dan dilantik oleh ahli-ahli suruhanjaya. Dakwaan komposisi kakitangan MAVCOM berat sebelah adalah tidak benar. Komposisi MAVCOM terdiri daripada kakitangan AirAsia seramai tiga orang iaitu mewakili 5.9 peratus, Malaysia Airlines juga tiga orang 5.9 peratus, Khazanah empat orang, 7.8 peratus dan selebihnya 41 orang daripada sektor awam dan swasta, 80.4 peratus yang kesemuanya 51 orang.

Berhubung isu ASEAN *Open Skies Policy* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, ASEAN *Open Skies Policy* ataupun Polisi Langit Terbuka ASEAN adalah merupakan satu aturan yang membolehkan syarikat penerbangan negara ASEAN untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan tanpa had kapasiti kekerapan ataupun jenis pesawat di antara mana-mana destinasi di negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun peruntukan hak trafik adalah berdasarkan polisi dan undang-undang yang diamalkan oleh setiap negara. Bagi Malaysia, pembahagian hak trafik adalah berdasarkan seksyen 66, Akta 771. Peruntukan hak trafik dilaksanakan dengan mengambil kira *sustainability* sesuatu laluan terutama memastikan wujudnya persaingan yang sihat serta impaknya terhadap pengguna.

Buat masa ini MAVCOM sedang meneliti perkara berkaitan persaingan bagi mewujudkan industri penerbangan yang mampan dan akan memberikan nasihat kepada kerajaan berhubung keberkesanan pelaksanaan perkara ini untuk pertimbangan kerajaan. Seterusnya Yang Berhormat Sungai Petani turut membangkitkan...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin bangun, Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya amat tertarik terhadap ASEAN *Multilateral Agreement* Yang Berhormat katakan tadi kerana dalam perbahasan saya, saya pun ada nyatakan terhadap *flight routes* yang *airline apply.* Saya faham bahawa apabila Yang Berhormat katakan *bilateral air*

agreement, dia ada *limit in slot* maka MAVCOM perlu membuat pertimbangan bagi memilih *airline* sesiapa bagi mereka supaya ada *fair competition.* Bagi ASEAN *Multilateral Agreement* Yang Berhormat nyatakan tadi, *there is no restriction*. Jadi soalannya kenapakah MAVCOM *have to apply restriction on our own country's airlines,* dengan izin.

Saya faham bahawa MAVCOM perlu mempertimbangkan isu-isu seperti *sustainability* dan berikutnya. *But there is a business decision that I think MAVCOM cannot* campur tangan. *And why MAVCOM did not restrict when foreign airlines apply for this ASEAN routes but we put restriction on our own airlines?* Dengan izin. Itulah sebabnya saya bangkitkan isu di mana *the top senior management* MAVCOM adalah bakal daripada ada Khazanah orang *Malaysia Airlines.* Adakah mereka kabur terhadap *the role they have to play as a MAVCOM or as a business entity?* Dengan izin.

I give an example. Kalau *Malaysia Airlines, fly an ASEAN route and perform better than AirAsia or Malindo*, *who are we to tell, to restrict Malaysia Airlines because they are doing better by providing better service. The opposite also true. If AirAsia or Malindo perform better than Malaysia Airlines* dengan izin siapakah kita ataupun MAVCOM *to restrict, to impose restriction on AirAsia or Malindo when they perform better than Malaysia Airlines? Let Malaysia Airlines or let AirAsia in that matter to improve their service.*

Maka saya tidak faham kenapa *we put restriction on our own* Malaysia, syarikat penerbangan Malaysia *but we did not put restriction when a foreign airline apply for this route? No restriction for them but we restrict our own airlines.* Jadi itu persoalan saya, terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Stampin membangkitkan perkara-perkara slot ya.

■1210

Mengenai *foreign airlines* tidak ada *restriction,* dilihat tidak ada *restriction*. Ini kerana situasinya sebagai contoh India memberi kita 22,000 slot *seats per week* dan *airlines* kita, kita guna boleh kata guna sepenuhnya. Akan tetapi untuk *Indian's carrier* dia hanya guna tidak sampai 2,000 walaupun dia ada 22,000 slot *seats* untuk ke Malaysia. Ini bergantung pada kemampuan *airlines* daripada negara masing-masing. Akan tetapi kebetulan *airlines* ataupun *carrier* daripada Malaysia ini agak tinggi.

Begitu juga dan kita bagikan kepada *airlines* slot *seats* masing-masing. Sebagai contoh di Australia, kita ada 33,000 *seats allocation* dan kita bahagikan kepada tiga-tiga AirAsia X, Malaysia Airlines dan Malindo. Untuk makluman, AirAsia X untuk Melbourne kita bagi *allocation* 5,278 sedangkan Malaysia Airlines kita beri 4,060 sahaja dan Malindo kita beri 1,960. Maknanya AirAsia X mendapat lebih mungkin kerana *frequency* dan kita membahagikan ini supaya kita memastikan semua *airlines* mendapat *load* yang mencukupi.

Jadi, perkiraan-perkiraan ini untuk makluman Yang Berhormat. MAVCOM mempunyai data-data untuk memastikan *airlines* kita *sustainable*. Oleh sebab itu ini satu kerja yang agak rumit dan sebab itu kita mahu MAVCOM membuat perkiraan ini dengan *harmonize*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan yang Yang Berhormat katakan. Saya faham apa yang jawapan yang Yang Berhormat katakan dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Akan tetapi, jawapan Yang Berhormat Menteri berikan tadi adalah *you are referring to bilateral air agreement*. Kalau contoh yang Yang Berhormat bagikan *between* Malaysia dengan India, *that is under bilateral agreement where you have limited slot. That I understand. That I also agree. You have to take care of each airlines in* Malaysia. Itu saya faham.

Akan tetapi apa yang saya *refer* sekarang adalah *ASEAN Multilateral Agreement*. Bukan India. India *is under bilateral agreement, you have limited slot. But under ASEAN Multilateral Agreement there is no restriction in slot between ASEAN countries.* Itu yang saya *referring to* dengan izin. Jadi, *under ASEAN Bilateral Agreement* contohnya *to ASEAN country you can have as many flights as you want between ASEAN country. That is the agreement*.

Akan tetapi, MAVCOM *imposed restriction* bagi syarikat penerbangan Malaysia *towards these ASEAN country*. *But,* apabila syarikat penerbangan daripada *ASEAN country applying for the flight routes*, *we agree*. MAVCOM *did not impose the restriction on the foreign airlines when they want to fly in to Malaysia. But, we imposed it when we want to fly to other ASEAN country*. Jadi, kenapa? Terima kasih.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, sudut yang sama juga. Semalam saya juga berbahas dengan rakan-rakan saya. Daripada apa yang saya boleh kutip daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, yang mengatakan semacam MAVCOM itu memainkan peranan *intervention*. Saya rasa dalam satu bidang penerbangan udara itu harus ada *open sky*. Itu sudah termaktub. Akan tetapi, kalaulah MAVCOM menggunakan kaedah yang tidak dipamerkan secara telus dan menentukan sesuatu syarikat penerbangan boleh terbang dan sesuatu itu tidak boleh kerana berdasarkan dasar-dasar *intervention* ini. Saya rasa dia bertentangan dengan hasrat *commercial optimization*.

Saya bagi satu misalan. Kalaulah satu syarikat penerbangan membuka laluan baru antara katakan Kuala Lumpur dengan Phnom Penh ataupun Kuala Lumpur sesama dengan Ho Chi Minh. Bukan sahaja laluan itu akan menyebabkan kos operasi tetapi untuk menampung kos operasi supaya dimaksimumkan pulangan komersial dia harus ada frekuensi yang tinggi. Frekuensi yang mantap yang itulah yang kita kira secara kaedah pemberian laluan kepada syarikat penerbangan. Ini kerana tidak ternampak ketelusan bagaimana MAVCOM beroperasi menentukan laluan mana dan juga menentukan bilangan frekuensi jadi ia akan menjejaskan *commercial optimization* bagi syarikat-syarikat penerbangan yang membuka laluan baru. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Stampin. Mungkin Yang Berhormat Stampin kurang jelas mengenai *open sky* ini. Walaupun dia *open sky*, tetapi kita juga terikat dengan *traffic rights allocation* yang diberi oleh negara-negara tersebut. Jadi maknanya walaupun di ASEAN ini dilihat *open sky* tetapi kerajaan-kerajaan ini juga memberikan *traffic rights allocation*. Jadi kita terikat dengan *traffic rights* —pembahagian hak trafik ini dan peruntukan-peruntukan ini diurus oleh MAVCOM.

Seperti saya sebut tadi. Sebagai contoh, Australia kita diberi hanya 33,000 ataupun dan 33,000 *seats* ini kita tidak boleh suka-suka tambah. Jadi, kalau tiba-tiba ada *airlines* hendak tambah frekuensi. *So, which mean to say* dia akan ambil slot *seats* yang diberikan oleh *airlines* lain. Jadi, sebab itu frekuensi ini pun tergantung kepada kapasiti *allocation*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, Australia ASEAN *country*?"

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seperti saya sebut tadilah. Untuk Melbourne, Perth, Sydney untuk AirAsia X kita sudah tetapkan *allocation* 5,278 *seats* setiap kuota.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ya. *That's Australia. But, I'm talking about ASEAN country*.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Sama juga. Walaupun dia *open sky* ini tetapi ada *allocation* masih ada *allocation seat* yang —fasal dia *reciprocal*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri kalau boleh saya minta satu permintaan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *How many flight, how many routes we applied from* syarikat penerbangan Malaysia *to all these ASEAN countries? How many* telah *rejected? You can give me all the answer in written form*.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: ...dan juga trafik yang *allocation to each ASEAN countries*.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, boleh.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Seterusnya, Yang Berhormat Sungai Petani turut memaklumkan bahawa Indonesia telah menurunkan kadar *Passenger Service Charge* (PSC). Ini suatu yang *misleading* —lah. Itu tidak betul. Ini kerana makluman yang kami dapat daripada pihak berkuasa Indonesia, PSC dia masih kekal, tidak turun. Jadi apa yang dimaklumkan itu tidak betul.

Seterusnya, Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan mengenai statistik penumpang bagi laluan ASEAN selepas pengenalan PSC ASEAN yang kita telah turunkan. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat September 2017 bagi semua lapangan terbang di Malaysia, jumlah penumpang bagi laluan ASEAN adalah sebanyak 17.65 juta berbanding pada tahun lepas Januari — September 2016 sebanyak 15.88 juta. Maknanya peningkatan 1.77 juta. Jadi ini satu perkembangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab isu berhubung kerusi roda di lapangan terbang oleh Yang Berhormat Bagan Serai dan juga Yang Berhormat Kota Raja. Perkhidmatan kerusi roda bagi semua penerbangan disediakan secara percuma kepada para penumpang OKU ataupun Orang Kelainan Upaya oleh kebanyakan syarikat-syarikat penerbangan. Mereka hanya perlu memasukkan nombor kad OKU semasa membuat tempahan penerbangan secara dalam talian dan mempamerkan kad tersebut semasa mendaftar masuk di lapangan terbang.

■1220

Seterusnya, Yang Berhormat Bayan Baru juga telah membangkitkan perkara kebersihan tandas di lapangan terbang. Untuk makluman Yang Berhormat, kebersihan tandas merupakan tanggungjawab pengendali *aerodrome.* MAVCOM akan melaksanakan satu rangka kerja *quality of service* untuk pengendali *aerodrome* pada tahun depan yang meliputi tahap kualiti perkhidmatan kemudahan yang disediakan dan ketersediaan kemudahan tersebut. Dengan adanya rangka kerja ini, MAVCOM dapat membantu dan memantau perkhidmatan yang diberikan kepada pengendali *aerodrome*.

Walau bagaimanapun, untuk makluman, situasi kebersihan tandas hari ini telah dapat diurus dengan baik setelah mendapat saranan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Seterusnya, Yang Berhormat Sandakan membangkitkan mengenai rancangan naik taraf lapangan terbang Kota Kinabalu. Untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu boleh menampung pengendalian penumpang sehingga sembilan juta orang setahun.

Berdasarkan statistik tahun 2016, jumlah pengendalian penumpang di KKIA adalah sebanyak 7.26 juta orang dan kemudahan-kemudahan di KKIA masih boleh menampung keperluan penumpang buat masa ini. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa bekerjasama dengan *Malaysia Airports* dalam usaha menaiktarafkan kemudahan di KKIA ini demi keselamatan penumpang.

Bagi jangka masa pendek, MAHB akan menaik taraf sistem saringan bagasi ataupun dengan izin, *in-line baggage screening system* dan *check-in counter* dan dijangka siap pada hujung tahun 2017 ini. Begitu juga, Kerajaan Negeri Sabah sedang menjalankan satu kajian pelan induk untuk hab penerbangan dan logistik fret udara di Sabah.

Untuk makluman, di KKIA ini, perkembangan agak memberangsangkan setelah perpindahan AirAsia ke Terminal 1 daripada Terminal 2. Peningkatannya amat positif dengan *double-digit growth*.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, boleh bertanya berkenaan dengan— terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Selepas AirAsia dan *airlines* lain semua pun dalam KKIA 1, masalah Imigresen iaitu *check-in* adalah agak serius. Lebih-lebih lagi bila kita *line-up* untuk *check security bag*. Di sana, *it is very heavy flow of people* dan biasa hanya dua kaunter dibuka di mana mereka *check bag*. Kadang-kadang ini membawa satu masalah dalam *timing* untuk pergi ke *gate departure flight*. *Thank you*.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Yang Berhormat Penampang, ini yang sedang dinaiktarafkan dan kita jangka bulan Disember ini penaiktarafan ini akan dapat diselesaikan. *Baggage* lepas ini tidak akan dibuat seperti sekarang, maknanya *screening* dulu baru *check-in. Insya-Allah*, pada bulan Disember, dekat *check-in* terus baru *screening*. *So*, perkara ini saya yakin pada hujung tahun ini selesailah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, *hand luggage check-in, hand luggage check point is a problem all the time in* KKIA.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *Hand luggage*? Okey. *I'll take note*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *That check-in luggage is okay but hand luggage* yang *carry luggage* itu.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey, saya ambil perhatian Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman, setelah perpindahan ini, *even* AirAsia telah meningkat 16.5 peratus. Daripada 69,000 *international passengers,* ia meningkat kepada 81,000. Walaupun PSC naik kepada RM65 tetapi *passenger* bertambah. Jadi ini bermakna PSC naik tidak menjejaskan kepada *tourist* datang ke Sabah. Seterusnya, dengan adanya *one terminal* ini, ada tujuh *airlines* baru daripada luar negara juga masuk ke KKIA. *Sorry* ya*, the PSC is RM73.*

Seterusnya, untuk makluman Yang Berhormat Bayan Baru yang membangkitkan mengenai cadangan naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan permohonan di bawah *rolling plan* kedua dan ketiga RMKe-11. Namun, sehingga hari ini belum dapat keputusan.

Walau bagaimanapun, pada masa sama, kerajaan sedang meneliti kaedah-kaedah pembiayaan untuk menaiktarafkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dengan MAHB untuk meningkatkan keselesaan penumpang. Kerajaan juga sedang meneliti tawaran syarikat swasta untuk membina lapangan terbang baru di utara tanah air bagi menampung kepadatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Seterusnya, Yang Berhormat Sibu membangkitkan kriteria...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, mengenai lapangan terbang Pulau Pinang.

Semalam saya tanya tentang apakah langkah yang terdekat yang boleh diambil supaya kita dapat mengatasi kekurangan *parking bay* bagi pesawat-pesawat serantau dan juga pesawat-pesawat tempatan untuk memenuhi obligasi mereka yang telah disyaratkan oleh MAVCOM. Itu yang pertama.

Jadi berkenaan juga dengan lapangan terbang Pulau Pinang, saya hendak tanya dan saya sudah tanya pun secara soalan lisan tetapi jawapannya tidak diberi secara lengkap iaitu salah satu syarat komersial di antara *Malaysia Airlines* dengan penumpangnya ialah *Enrich points* dan juga segala kemewahan dari segi *the golden lounge* yang disediakan oleh *Malaysia Airlines.*

Akan tetapi, saya sebagai seorang penumpang yang kerap kali menaiki MA *flights,* saya dapati bahawa *golden lounge* di Pulau Pinang telah pun ditutup sejak 10 bulan yang lalu dan pada permulaannya telah dikatakan bahawa ia akan mengalami *renovation*, pemuliharaan selama enam bulan.

Akan tetapi, enam bulan sudah berlalu, 10 bulan sudah berlalu, sekarang ini kemudahan *lounge* bagi penumpang *business class* ataupun mereka yang memegang kad platinum dan *gold* daripada *Enrich* tidak diberi layanan yang sepatutnya mengikut kontrak di antara penumpang dan syarikat penerbangan apabila tempahan tiket itu disempurnakan.

Saya minta penjelasan, bilakah *golden lounge* di Pulau Pinang akan dipulihkan? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Jelutong, mengenai soalan *parking bay* dan juga *golden lounge* ini, saya tidak ada jawapan. Saya akan jawab secara bertulis.

Seterusnya, Yang Berhormat Sibu membangkitkan kriteria mengenakan caj kawal selia MAVCOM. Berdasarkan perbandingan tatacara operasi badan berkuasa di negara lain, kutipan caj daripada penumpang adalah normal. Sebagai contoh, Singapura mengenakan *aviation levy* sebanyak SGD6 untuk setiap pengguna. Perkara yang sama juga turut dilakukan di Hong Kong, Australia dan United Kingdom. Caj kawal selia sebanyak RM1 ini bukan bertujuan untuk mengaut keuntungan, hanya untuk menampung kos operasi MAVCOM.

■1230

Yang Berhormat Lanang telah bertanyakan mengapa laluan Sibu ke Kota Kinabalu tidak diberikan kepada syarikat penerbangan selain MASwings. Untuk makluman, laluan Sibu ke Kota Kinabalu adalah salah satu daripada laluan perkhidmatan udara luar bandar ataupun *Rural Air Service* (RAS) yang mana ia merupakan laluan yang tidak komersial dan tidak menguntungkan. Oleh itu laluan tersebut diwartakan sebagai laluan RAS, *Rural Air Service* dan termasuk dalam subsidi RAS.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lanang bangun.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Minta penjelasan. Apabila saya menerima maklumat daripada AirAsia bahawa mereka tengah memohon perjalanan ini dari Sibu ke Kota Kinabalu dan mereka tidak memerlukan subsidi daripada kerajaan kerana ada banyak laluan ini tidak boleh dianggap sebagai RAS kerana banyak penumpang untuk terbang dari Sibu ke Kota Kinabalu. Ini adalah salah satu. Jadi selain itu juga Sibu ke Miri, Sibu ke Bintulu. Jadi mereka AirAsia ini, mereka telah memohon supaya laluan Sibu ke Kota Kinabalu dan mereka kata ini adalah *commercial decision.* Jadi mereka tidak perlukan subsidi dari kerajaan. Jadi saya mahu tahu, kenapa? Apakah alasan atau jawapan daripada kementerian. Kalau mereka tidak memerlukan subsidi, kenapa ini tidak boleh diberikan secara bebas dan hanya had kepada MASwings. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat boleh? Yang Berhormat Stampin.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Okey.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *This in my debate, thank you.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat beri jawapan bahawa *that is not a profitable route.* Saya tidak bersetuju dengan jika itu adalah alasan yang MAVCOM hendak bagikan. *Whether it is profitable or not profitable, it should be a business decision by the* syarikat penerbangan dan kenapakah MAVCOM campur tangan. Kalau MAVCOM campur tangan bahawa *it is not a profitable, therefore AirAsia cannot fly, therefore you have to have only* MASwings dengan izin. Maka, rakyat daripada Sarawak *have to pay few hundreds ringgit more.*

Adakah bermaksud bahawa duit daripada poket rakyat *now are used to finance* MASwings, *are forced to finance* MASwings dengan izin *and this is domestic flight.* Itulah sebab saya katakan *I still have doubt on the Asian country routes. If the domestic routes,* MAVCOM *can do like that towards* syarikat penerbangan Malaysia sendiri. *What more to other Asian routes* dengan izin. Itulah sebab saya katakan bahawa kenapakah komposisi *top level management in* MAVCOM *is* Malaysia Airlines, *ex*-Malaysia Airlines *or ex*-Khazanah*.* Adakah mereka punya *decision already been blurred between the line as a* peranan mereka sebagai suruhanjaya dan peranan mereka sebagai *a business entity. So now* MAVCOM *is a business entity or* suruhanjaya dengan izin. *That's why I said,* MAVCOM *now has to protect the industry player from* MAVCOM sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: Yang Berhormat Stampin dan Yang Berhormat Lanang mungkin tersalah anggap ya mengenai perkara ini. Untuk makluman, *route* antara Kota Kinabalu dengan Sibu ini, *load* dia kecil. Jadi sebab itu kita masih kekalkan. Kita ada buka laluan RAS ini kepada *route-route* lain ya. Kita buka 6 *route* RAS asalnya. Sebagai contoh Kota Kinabalu–Sandakan, kita telah buka. Kota Kinabalu–Tawau, kita pun sudah buka. Kota Kinabalu–Miri, pun kita sudah buka. Kuching–Miri, kita sudah buka. Kuching–Bintulu, kita pun sudah buka. Kuching–Sibu pun kita sudah *open.*

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Cuma kerana ini berdasarkan kepada *load.* Oleh kerana *load* dia sedikit, maka sebab itu kita kekalkan *route* ini bawah *route* RAS dan mengenai harga tiket tadi untuk makluman Yang Berhormat, kita kawal harga tiket ini. Kerajaan kawal harga siling tambang kelas ekonomi hanya RM243. Jadi apa yang dakwaan kata tinggi sangat, itulah harga siling.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat ini bukan dakwaan. *Load* dia sikit, mungkin harga dia mahal. *Why don't you let AirAsia go in and we are talking about specific route, Sibu–KK. Why don't* MAVCOM *let* AirAsia *come in and see how much they can offer.*

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Penampang bangun. Hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan soalan Yang Berhormat Stampin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah peluang AirAsia pergi ke Labuan sebab hanya MAS yang pergi ke Labuan sekarang dan kosnya saya baru *check* dalam saya punya *apps* bahawa pada 7 November ini, kos selama 30 minit saja antara jam 2.05 hingga 2.35 Kota Kinabalu ke Labuan adalah RM276. Maka, *on the same day* dengan izin *flight to* Kuala Lumpur dari Kota Kinabalu pada jam 5.35 hingga ke 8.00 a.m. ataupun 7.25 hingga ke 9.50 adalah RM270, *one way. One way* ke Labuan adalah RM276, maka *one way to* Kuala Lumpur adalah RM270. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ini harga tiket mana ini Yang Berhormat?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Malaysian Airlines, maaf. Sebab hanya Malaysian Airlines terbang daripada Kota Kinabalu ke Labuan dan balik ke Labuan ke Kota Kinabalu.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Menteri, minta sikit penjelasan dahulu. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada *cap* harga siling untuk *flight* dari Sibu ke KK. Jadi saya baru *check* ini yang itu maksimum RM243 tidak ada dalam *website* sini. Yang paling murah pun RM301.66, ini ekonomi *flight* sahaja, *one way.* Jadi ini tidak ada siling, yang paling murah pun RM300 lebih. Jadi saya hendak tanya apakah, adakah kerajaan, *I mean MAVCOM* akan membenarkan AirAsia supaya menjalankan laluan ini supaya kita ada lebih pilihan kerana tidak ada pilihan lain kecuali MASwings sahaja. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Lanang, untuk makluman, saya akan bawa perkara yang dibangkitkan ini untuk dibuat *review* lah dan satu kita pun...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, *last.*

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Let him answer first ya. There is some good point,* ada penting, ada *point* yg penting.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Satu kita pun akan sekiranya AirAsia *very serious, we have to get guarantee that they can service for 5 years at least.* Kita tidak mahu kita bagi, lepas itu setahun dia berhenti. *Then it will jeopardise the whole system.* Jadi *unless* AirAsia *can give a guarantee that can* – dia boleh memberi perkhidmatan selama 5 tahun berterusan tanpa berhenti. *Because* kerana macam RAS ini, dia berterusan ya. Jadi ini kerana kita dapati *load* rendah di KK ke Sibu.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *What about Labuan* Tuan Yang di-Pertua? *What about Labuan? That's quite a serious thing* sebab ramai orang Sabah kerja di Labuan dan *they come back during the weekends to Sabah.* Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya itu seperti harga tiket Malaysia Airlines ini komersial. Dia bukan RAS, jadi *we don't control* harga tersebut.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia cadang untuk buka kepada *airlines* yang lain ya untuk ke Labuan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *Correct* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *You mean* KK-Labuan Malaysia Airlines sahaja.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: AirAsia tidak pergi ke Labuan. *They have no route to Labuan, no return to Kota Kinabalu,* terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *Okay, I take note that one.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya hendak habiskan lah.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *No I'm confused with the answer that* Yang Berhormat *given just now. I'm very confused.* Kalau boleh minta *enlightenment.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *At first you say there is a cap from Sibu and KK.*

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *That one has been raised by* Yang Berhormat Lanang kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ya, *correct.*

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar. Kemudian Yang Berhormat Menteri kata dia akan balik semak.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya faham.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Nothing confusing there* ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Understand that.* Maksudnya jawapan yang dibagi oleh Yang Berhormat Menteri ini mungkin tidak betul *because* kalau Yang Berhormat Lanang tadi, *did not raise up the question or did not do the checking...*

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat Menteri betullah. Dia akan *check* semula kalau ada masalah siling itu dipecahkan, tidak betul. Dia akan *check* semula ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya faham tapi yang tentang *ASEAN countries* tadi, *the routes* tadi*, since the answer given is* bercanggahan, *right. Can* Yang Berhormat Menteri *give an example on routes whereby there is a limited slot. Because the example* Yang Berhormat bagikan adalah Australia–Malaysia, India–Malaysia *but no example from ASEAN countries.*

■1240

So, jawapan Yang Berhormat bagikan itu betul atau tidak? *Because* jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagikan tadi *clearly shows that MAVCOM already* campur tangan dalam hal ehwal *business decision* yang boleh menjejaskan perkembangan – usah khuatirlah, menjejaskan perkembangan syarikat penerbangan di Malaysia.

And it also stops competition, when you stop competition, you stop the airline from improving themselves including MASwings*.* Terima kasih itu sahaja.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat, seperti katakan tadi semua ini bergantung pada *traffic right* yang diberikan oleh negara masing-masing termasuk dalam negara ASEAN pun dia ada *traffic right* tersebut walaupun dia *open sky*. Semuanya terikat dengan peraturan-peraturan kerana masing-masing kerajaan dia mempunyai peraturan yang perlu kita patuhi.

Seterusnya Yang Berhormat, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Jelutong tadi, saya mendapat makluman bahawa G*olden Lounge* di Pulau Pinang akan dibuka pada suku tahun pertama 2018.

Seterusnya – jadi saya hendak maklumkan semua laluan RAS termasuk Kota Kinabalu-Sibu mempunyai *load factor* yang rendah dan masih belum berpotensi sebagai laluan komersial. Saya sebutkan tadi enam laluan yang lain kita sudah buka apabila kita dapati *load* dia tinggi. Akan tetapi yang ini masih *load*-nya rendah. Kebarangkalian syarikat komersial akan menghentikan operasi disebabkan kerugian operasi ke laluan tersebut adalah tinggi *because of the load factor*.

Dalam keadaan sedemikian, kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk mengawal syarikat penerbangan kerana keputusan untuk menyediakan perkhidmatan bagi laluan tersebut adalah semata-mata keputusan komersial syarikat. *Which means to say* kalau dia bagi lepas itu dia berhenti *then it will jeopardize the whole system*. Jadi pengekalan laluan ini sebagai laluan RAS adalah bagi menjamin *connectivity*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, c*an you explain to us how is it going to jeopardize the whole system if they stop?* Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *Jeopardize* begini. Contoh kita bagi AirAsia, kemudian MASwings pun berhenti, kemudian AirAsia pun berhenti. *Then* dia punya *connectivity* hilanglah. Sebab itu kita tidak mahu – kita hendak ada *sustainability*. Ini kerana *load* hari ini pun yang MASwings dapat pun *the most 70 percent*. Kadang-kadang *below than that.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *That's because the price is high. That because their price is high. That's why the load is low.*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Yang Berhormat...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Or because AirAsia are not allowed to fly.*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Untuk makluman Yang Berhormat, laluan ini disubsidi oleh kerajaan sebab itu kita ada harga siling, kita kawal harga ini. Dia tidak boleh sewenang-wenang harga yang tinggi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *But she just proved that there is no ceiling.* Terima kasih. *Sorry* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya akan *check* balik dengan MAVCOM kenapa berlaku begitu kerana kita kerajaan bagi subsidi. Kerajaan *spend* RM160 juta untuk laluan RAS ini.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Boleh minta jumlah subsidi yang dibagikan? Jawapan *written*.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: *[Bangun]*

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya, RM160 juta keseluruhan kepada MASwings.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi lagi jalan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Saya ingat saya hendak tutup sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua bagi pihak kementerian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan atas semua cadangan dan pandangan yang dikemukakan berhubung rang undang-undang ini. Segala pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Fasal-fasal 1 hingga 9 –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

12.45 tgh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada enam persoalan yang perlu dibangkitkan dan perlu penerangan daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Lazimnya 10 minit Yang Berhormat ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Saya belum mula lagi. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan dia spesifik, *so* saya boleh rumuskan dalam masa 10 minit. Pertama adalah berkenaan dengan pindaan seksyen 66 berkaitan dengan pindaan seksyen 2 berkenaan dengan takrifan hak trafik udara. Hak trafik udara sekarang berbeza daripada sebelum ini, daripada akta ibu di mana akta ibu tidak membezakan domestik dan antarabangsa. *So* akta ini digubal pada tahun 2015 dan pindaan dilakukan dalam masa dua tahun iaitu tahun 2017.

Saya harap pindaan ini dilakukan kerana berlaku ataupun ada kekangan daripada definisi hak trafik udara sebelum ini. Oleh sebab definisi sebelum tidak memecahkan kepada dua bahagian iaitu domestik dan antarabangsa. *So,* yang pertama adalah mengapa pada tahun 2015 apabila akta ibu ini digubalkan, takrifan adalah digabungkan, tidak ada dibezakan di antara domestik dan antarabangsa dan mengapa kini ada perbezaan? Dalam masa dua tahun ini apakah halangan dan kekangan yang kerajaan telah hadapi untuk membawa ubahsuaian takrifan utama dalam akta ibu ini.

Kedua berkaitan dengan isu yang sama adalah untuk hak trafik udara untuk Bahagian Pertama, domestik hak sesuatu syarikat penerbangan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya untuk mengadakan perkhidmatan udara bagi perjalanan berjadual dalam Malaysia dan sebagainya. Akan tetapi bila kita masuk kepada Bahagian B untuk antarabangsa, hak sesuatu syarikat penerbangan yang dilesenkan oleh Suruhanjaya dan ditetapkan dinamakan atau selainnya dibenarkan oleh kerajaan.

Di sini ada pula campur tangan daripada kerajaan selain daripada Suruhanjaya. Akan tetapi untuk penerbangan domestik tiada. Bila kita masuk kepada takrifan akta ibu sebelum ini, sebelum pindaan ini, kedua-duanya diberikan kepada kerajaan secara majmuk. Akan tetapi sekarang kita ada domestik diberikan kepada suruhanjaya tetapi antarabangsa ada campur tangan kerajaan. Masih lagi digunakan perkataan kerajaan, ikut akta ibu yang asal. *So* saya minta dua-dua aspek ini diberi penerangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Untuk fasal 3 berkaitan dengan perenggan baru *(fa),* sebelum ini dalam akta ibu *(f)* berbunyi sedemikian Tuan Pengerusi, dengan izin.

"Untuk mengenakan fi, kos atau apa-apa caj lain yang Suruhanjaya fikirkan patut bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya".

Sekarang kita akan tambahkan *(fa)* di bawah selepas *(f)* ini kita ada *(fa)* iaitu:

"Untuk mengenakan dan memungut caj ke atas penumpang di lapangan terbang di Malaysia bagi perkhidmatan pengawalseliaan yang diberikan oleh Suruhanjaya menurut akta ini".

So ini adalah penambahan kepada fasal *(f)*. Di sini kita ada menggunakan perkataan *"untuk mengawal selia".* Saya dalam penerangan, dalam situasi dasar semalam dan hari ini tidak ada penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah yang dimaksudkan perkhidmatan pengawalseliaan dan mengapa pengawalseliaan ini perlu dicajkan. Padahal dalam *(f)* kita pun sudah dekat sana untuk mengenakan fi, kos atau apa-apa caj lain yang Suruhanjaya fikirkan patut bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya.

So sekarang kita ada dua, *(f)* dan *(fa)* ada dua bahagian. Dalam *(f)* mengatakan untuk semua perkhidmatan yang diberikan, *(fa)* pula mengatakan untuk perkhidmatan pengawalseliaan.

■1250

Mengapa kita ada dua perbezaan di sini? Mengapa, perkhidmatan itu bukankah telah merangkumi pengawalseliaan? Untuk saya perkataan perkhidmatan ini sudah terbuka, sudah luas, boleh merangkumi sebarang pentadbiran, pengawalseliaan dan sebagainya. Mengapa kini tiba-tiba secara spesifik kita hendak letak *(fa)* dan merangkumi satu bahagian yang terperinci khusus yang dipanggil sebagai pengawalseliaan. Jadi saya menuntut Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk bagi saya penerangan secara terperinci mengapa wujudnya fasal 3 iaitu *(fa).*

Bahagian ketiga saya adalah berkenaan dengan pindaan seksyen 65. Ini berkenaan dengan lagi sekali kita menambah seksyen 4 di mana yang ini adalah satu fasal yang akan mengenakan satu penalti kepada sesiapa yang tidak mematuhi garis panduan. Sebelum ini kita ada subseksyen 1, 2, 3, kuasa untuk mengeluarkan garis panduan dan sekarang kita ada satu fasal yang akan mengenakan penalti. Yang ini pun tidak dipandang semasa akta ibu direka, di bahas dua tahun yang lepas. Dalam masa dua tahun kita bawa satu fasal yang akan mengenakan penalti kepada seseorang yang akan menyalahi garis panduan.

Kalau kita tengok kepada amaunnya Tuan Pengerusi, kalau seorang individu setakat tidak melebihi RM1 juta. Jika ia adalah satu pertubuhan, lima peratus daripada pusing ganti tahunan pertubuhan perbadanan itu dari tahun kewangan yang sebelumnya. Jadi saya perlu penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang had amaun yang telah ditetapkan dan untuk pertubuhan perbadanan ini, bagaimana pengiraan akan dilakukan apabila dikatakan lima peratus daripada tahun sebelumnya. Macam mana kita hendak kenal pasti sebab untuk mengetahui seseorang melakukan kesilapan, mungkin mengambil lebih daripada setahun.

Jadi apabila kita hendak kaitkan tahun sebelumnya, tahun sebelum itu yang dimaksudkan tahun apa? Tahun sebelum kesalahan dilakukan atau tahun di mana keputusan dibuat? Apakah efektif sangat, suruhanjaya ini akan mengambil setiap kes dalam masa setahun dan mereka akan selesaikan. Itu yang pertama.

Yang kedua adalah mengapa fasal ini diperkenalkan sekarang setelah baru dua tahun akta ini digubal. Seterusnya yang keempat adalah berkenaan dengan pindaan terhadap seksyen 69. Yang ini pun kita ada satu fasal baru selepas fasal atau perenggan *(d)* di mana kita akan memotong perkataan "dan". Pada awalnya seksyen 69 akta ibu berbicara tentang kod pengguna di mana ia ada subseksyen 1*(a), (b), (c), (d)* dan *(e).*

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi dan Dewan yang mulia ini, untuk bahagian *(d)* ia berbunyi *"perlindungan maklumat pengguna; dan".* Sekarang kita akan potong perkataan "dan" dan kita akan masukkan *(da)* dan ia akan berbunyi begini, *"perlindungan maklumat pengguna"*, *(da)* pula, "penentuan fi atau caj yang dikenakan ke atas pengguna oleh penyelia perkhidmatan penerbangan; dan" apa-apa perkara lain iaitu *(e)*. *So,* mengapa lagi sekali kita hendak masukkan *(da)* untuk di bawah kod pengguna atau di bawah akta ibu kod pengguna untuk menentukan fi atau caj yang dikenakan ke atas pengguna oleh penyelia perkhidmatan penerbangan? Dengan adanya fasal ini di bawah kod pengguna, bagaimanakah ia akan berfungsi untuk menjaga kebajikan untuk pengguna penerbangan melalui fasal tersebut?

Seterusnya, untuk pindaan seksyen 98 iaitu fasal 8. Lagi sekali Tuan Pengerusi, kita akan gantikan perkataan "membayar fi" itu dengan satu perkataan yang panjang lebar. Saya dengan izin membacakan, sekarang ia akan berbunyi begini, akta ibu dan gabungan akta pindaan. Akta ibu, *"menetapkan fi dan caj yang kena dibayar kepada suruhanjaya di bawah akta ini dan cara untuk memungut dan..."* Sebelum ini ada perkataan "membayar fi itu", sekarang kita akan potong "membayar fi itu" dan gantikan dengan perkataan ini, *"yang termasuklah mengecualikan secara sepenuhnya atau sebahagiannya bayaran apa-apa fi dan caj yang kena dibayar kepada suruhanjaya di bawah akta ini oleh mana-mana pesawat udara, penerbangan atau orang atau kelas pesawat udara, penerbangan, atau orang atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh suruhanjaya".*

Dalam kata lain, dua tahun yang lepas kita buat satu undang-undang, kita gubal satu undang-undang untuk menetapkan fi dan caj yang perlu dibayar kepada suruhanjaya. Dua tahun kemudian, kita masuk Dewan yang sama, kita bawa satu klausa pengecualian. Pengecualian ini adalah secara sepenuhnya atau sebahagian bayaran apa-apa fi dan caj yang kena dibayar oleh suruhanjaya. Mengapa tiba-tiba setelah dua tahun, baru dua tahun kita dah bawa klausa pengecualian. Bermaksud pada hari ini, sekiranya pesawat udara itu atas apa-apa terma dan persetujuan daripada suruhanjaya boleh dikecualikan sepenuhnya segala pembayaran.

Tadi kita dah bincang beberapa kali Tuan Pengerusi, dan telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Parlimen bahawa isu monopoli memang wujud. Sekarang kita bawa terma ini, klausa ini yang memberikan mereka satu pengecualian sepenuhnya. Jadi saya minta komitmen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang fasal ini.

Yang terakhir sekali Tuan Pengerusi, berkaitan dengan seksyen 98A iaitu fasal 9. Di sini kita ada satu fasal baru yang mengatakan bahawa "*Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, pekeliling dan arahan".* Yang menarik perhatian saya adalah apabila kita membaca perkataan dalam fasal ini yang berbunyi dengan izin Tuan Pengerusi, *"Bagi maksud akta ini atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta ini, suruhanjaya boleh mengeluarkan garis panduan, pekeliling, arahan, nota amalan atau notis sebagaimana yang difikirkannya sesuai untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam dan boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan patut".*

Yang menjadi perhatian saya adalah perkataan "ekonomi" dan ini dikaitkan dengan muka surat terakhir, huraian yang diberikan untuk rang undang-undang ini di mana dia kata – saya baca daripada huraian ini. *"Disebabkan pembangunan industri penerbangan yang pesat, peruntukan baru ini akan memudahkan pelaksanaan amalan terbaik dalam jangka masa yang lebih singkat".* Yang ini tidak ada kena-mengena ataupun tidak menyentuh langsung faktor ekonomi yang dibangkitkan dalam fasal ini.

Jadi fasal ini salah satu perkataan yang amat penting adalah untuk menyelia perkara-perkara ekonomi. *So,* saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bagaimana fasal baru ini akan dihubung kait dengan mengawal selia perkara ekonomi berhubung dengan industri ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

12.58 tgh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak panjang Tuan Pengerusi. Sebenarnya mula-mula saya tak hendak ambil bahagian pun tetapi bila saya melihat kepada cadangan-cadangan pindaan kepada seksyen ini, ada beberapa perkara yang saya ingin mendapat penjelasan dari Menteri.

Pertamanya mengenai seksyen 65 yang tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Kapar, mengenai *guideline*. Saya hendak tanya kepada Menteri, apakah rasional dipinda seksyen 65 ini dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri berkaitan dengan oleh kerana di sini ada dua jenis, dua bentuk pelanggaran. Satu pelanggaran daripada individu, satu lagi daripada *corporate body*.

Saya hendak tanya kepada Menteri, bolehkah terangkan kepada Parlimen ini, siapakah individu yang pernah yang mungkin telah melanggar *guideline* ini sebab saya rasa mungkin ada rasionalnya yang pernah berlaku peristiwa itu yang menyebabkan timbulnya usaha untuk meminda seksyen 65 ini, kalau tidak takkan saja-saja hendak pinda. Jadi saya minta penjelasan individu dan

juga *corporate body* yang telah pun mungkin sebelum ini pernah melanggar *guideline* tetapi tidak ada apa-apa tindakan dibuat. Itu yang pertama.

Yang keduanya Menteri saya hendak tanya juga, saya dapati apabila pihak kerajaan ingin memperkenalkan seksyen 98A yang baru ini yang juga berkaitan dengan antaranya *power to issue guidelines, circulars, directives* dan juga cadangan untuk mengenakan denda juga. Jadi saya, minta maaf Menteri saya hendak tanya, bukankah ini macam nampak satu dengan izin *multiplicity* ataupun juga *redundancy* sebab seksyen 65 dah ada satu peruntukan mengenai pelanggaran *guidelines*, selepas itu seksyen 98A kita ada satu lagi *power to issue guidelines* dan juga *power* untuk *impose* penalti kalau sekiranya mereka langgar *guideline*. Jadi macam ada dua seksyen, saya risau takut nanti mungkin ada mana-mana, walaupun kita hendak mengenakan hukuman tetapi janganlah sampai dua kali.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh sambung. Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak panjang, saya habiskan sajalah, sikit lagi tidak mengapa. Jadi saya ingin tanya dengan seksyen 98A ini, apa rasionalnya, adakah pihak kerajaan merasakan seksyen 65 tidak mencukupi untuk mengenakan satu penalti kepada mana-mana pihak yang melanggar sehingga kita perlu mewujudkan seksyen 98A. Jadi itu sahaja, terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Singkat sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur. Singkatkan Yang Berhormat.

1.01 tgh.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya penjelasan mengenai pindaan kepada seksyen 18 fasal 3. Saya hendak tanya Menteri, apakah kriteria yang akan digunakan untuk menentukan jumlah caj yang akan dikenakan ke atas penumpang ini? Apakah langkah yang ada untuk memastikan MAVCOM ini tidak akan menaikkan caj ini sewenang-wenangnya? Berapakah jumlah yang mereka perlu setahun untuk menjalankan kawalan selia perkhidmatan yang diberikan oleh MAVCOM ini sebab saya difahamkan walaupun RM1 seorang penumpang, ia akan menjana lebih kurang RM20 juta hingga RM30 juta setahun. Adakah apa-apa kriteria yang digunakan untuk memastikan ketelusan wang ini dibelanjakan?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Menteri akan jawab petang nanti.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, soalan berhubung takrif 'hak trafik udara' dibezakan dalam pindaan ini iaitu seksyen 66(1) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar. Antara fungsi yang dipindahkan daripada Kementerian Pengangkutan kepada MAVCOM adalah penguntukkan hak trafik udara domestik dan antarabangsa kepada syarikat-syarikat penerbangan Malaysia. Walau bagaimanapun, di bawah Akta 771 sedia ada, tidak dinyatakan dengan khusus mengenai penguntukkan hak trafik udara bagi laluan-laluan domestik. Sehubungan dengan itu, pindaan terhadap seksyen 2 dan seksyen 66(1) dibuat bagi memperjelaskan penguntukkan hak trafik udara domestik dan antarabangsa.

Seterusnya, Yang Berhormat Kapar juga membangkitkan mengapa terdapat campur tangan kerajaan dalam hak trafik antarabangsa tetapi tidak bagi laluan domestik. Campur tangan kerajaan diperlukan kerana hak trafik bagi laluan antarabangsa diperolehi melalui rundingan udara antara pihak kerajaan dengan kerajaan negara asing (G2G). MAVCOM bertindak untuk mengurus dan menguntukkan hak trafik tersebut. Walau bagaimanapun, hak trafik domestik yang memang merupakan hak milik kerajaan tanpa perlu mengadakan rundingan dengan mana-mana pihak lain.

Seterusnya, berhubung dengan fasal 3, subseksyen 18(2). Perenggan 18(2)(f) memberi kuasa kepada MAVCOM untuk mengenakan fi, kos atau apa-apa caj lain yang MAVCOM fikirkan patut bagi perkhidmatan yang diberikan oleh MAVCOM. Perkhidmatan yang dimaksudkan tersebut adalah terhad kepada perkhidmatan yang diberikan oleh MAVCOM kepada pengguna yang spesifik iaitu pengguna yang tiada menggunakan perkhidmatan MAVCOM sahaja dan tidak meliputi perkhidmatan pengawalseliaan yang diberikan oleh MAVCOM secara keseluruhan kepada masyarakat secara amnya.

Perenggan 18(2)(fa) yang baru diperkenalkan bagi membolehkan MAVCOM mengenakan caj bagi mengawal selia industri penerbangan di Malaysia, sebagai contoh, memberi keutamaan kepada hak-hak pengguna dengan memastikan segala aspek ekonomi telah dipenuhi oleh penyedia perkhidmatan penerbangan.

Soalan berhubung dengan fasal 7. Subseksyen 69(1)(da) merupakan peruntukan baru yang memberi kuasa kepada MAVCOM untuk mengawal selia fi dan caj yang dikenakan secara tidak adil dan sewenang-wenangnya demi melindungi pengguna. Ini sebagai contoh, kadang-kadang ada syarikat penerbangan yang mengenakan caj yang menggunakan *credit card* berlebihan. Ini semua adalah memberi kuasa MAVCOM untuk mengawal. Seterusnya, soalan berhubung fasal 8 iaitu mengenai seksyen 98(2)(k) Akta ibu. Pada masa ini, MAVCOM diberi kuasa untuk menetapkan kadar bayaran fi dan caj yang kena dibayar kepada MAVCOM di bawah Akta 771 oleh mana-mana pesawat udara penerbangan atau kelas pesawat udara penerbangan atau orang. Walau bagaimanapun, MAVCOM tidak diberi kuasa untuk mengecualikan fi dan caj perkhidmatan tersebut dalam situasi tertentu yang dilihat wajar seperti bagi tujuan kepentingan negara dan aktiviti-aktiviti bukan komersial.

Sehubungan dengan itu, pindaan kepada seksyen 98(2)(k) dicadangkan bagi membolehkan MAVCOM mengecualikan secara sepenuhnya atau sebahagiannya bayaran apa-apa fi dan caj yang kena dibayar kepada MAVCOM di bawah akta ini oleh mana-mana pesawat udara penerbangan atau orang, atau kelas pesawat udara penerbangan atau orang atas terma dan syarat yang difikirkan patut oleh MAVCOM.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Adakah ini bermaksud pindaan seksyen 98(2)(k) ini di mana saya tekankan tadi pengecualian itu hanya terhad kepada dua situasi iaitu satu apabila ada situasi kepentingan negara dan lagi satu adalah untuk tujuan bukan komersial? Selain daripada itu, ia tidak akan dipanjangkan kepada apa-apa faktor lain? Itu yang pertama.

Kedua adalah berkenaan dengan seksyen 69(1)(da), penentuan fi dan caj ini. Tadi saya dengar Suruhanjaya tidak terlibat dalam mengendalikan caj dan sebagainya. Di sini dikata *"Penentuan fi atau caj yang dikenakan ke atas pengguna"*. Adakah ini bermaksud caj yang dikenakan ini ada campur tangan Suruhanjaya atau Suruhanjaya hanya sekadar memperhatikan sahaja? Minta penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pertama, apa yang Yang Berhormat bangkitkan itu adalah benar. Ianya hanya untuk kepentingan negara dan aktiviti-aktiviti bukan komersial sahaja.

Kedua ini ialah mengenai mengawal selia fi dan caj yang dikenakan secara tidak adil. Kadang-kadang ada syarikat penerbangan yang ada *hidden cost* ataupun mengenakan caj-caj yang berlebihan, walhal caj itu sepatutnya kecil tetapi besar, tinggi. Macam contoh menggunakan kredit kad, sepatutnya fi itu kecil tetapi ditokok tambah. Jadi, yang ini MAVCOM perlu mengawal selia supaya tidak berlaku secara tidak adillah.

■1440

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, boleh? Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih untuk penerangan tadi. Ada satu persoalan di sini yang saya ingin bangkitkan terutamanya bila ada berkenaan caj yang tidak seimbang dan sebagainya. Siapa yang mengelola caj ini? Adakah syarikat penerbangan sendiri atau ada campur tangan suruhanjaya? Itu yang pertama.

Kedua adalah bagaimana perangkaan bayaran ini dikenakan? Sebagai contoh, saya ingin bangkitkan adakah destinasi, jauh destinasi ini menjadi salah satu faktor untuk kenakan sesuatu caj? Ini sebab rakyat biasa dekat luar dia apabila ada satu bayaran, dia bayar. Bukan semua tahu yang ini adalah caj yang berpatutan, *fees* yang berpatutan atau tidak. Mereka tidak tahu. Sebagai contoh, saya ada satu contoh di mana destinasi 30 minit dan destinasi 2 jam 30 minit mengenakan bayaran yang sama, pada hari yang sama, waktu yang lebih kurang sama, tetapi penerbangan dari satu destinasi 'A' ke 'B' cajnya adalah sama walaupun 30 minit penerbangan, manakala destinasi 'C' ke 'D' mengambil masa dua setengah jam tetapi harga sama. Macam mana kita nak pastikan bahawa caj-caj yang dikenakan ini adalah yang munasabah dan memberi satu kepekaan kepada masyarakat biasa untuk memberi aduan kepada suruhanjaya. Pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Yang Berhormat Kapar, itu bukan caj, itu tambang. Maksud caj ini ialah caj-caj yang MAVCOM ini *anticipated* sekiranya ada caj-caj *hidden cost* yang tidak sepatutnya dicaj tetapi dimasukkan. Jadi MAVCOM ini nak menjaga kepentingan pengguna, sebab itu subseksyen ini merupakan peruntukan baru memberi kuasa kepada MAVCOM untuk mengawal selia caj-caj yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penerbangan atau perkhidmatan penerbangan kepada pengguna. Jadi, MAVCOM nak kawal itu supaya tidak berlaku tidak adil kepada pengguna. Jadi, akta ini adalah untuk menjaga kepentingan pengguna.

Seterusnya...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Boleh mohon penjelasan?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jawapan kepada pindaan fasal 3 ini tetapi langsung tidak menjawab apa yang telah dibangkitkan oleh saya sebab fasal 3 ini adalah amat luas sekali, hanya mengatakan mengenakan dan memungut caj. Jadi soalan saya tadi, bagaimana ataupun apakah kriteria yang digunakan untuk menentu jumlah yang akan dikenakan dan bagaimana untuk memastikan MAVCOM ini tidak sewenang-wenangnya naikkan caj pada tahun yang ke hadapan atau macam mana. Ini sebab kita nak tahu secara ketelusan apa yang dibelanjakan sebagai perkhidmatan pengawal seliaan ini. Kita tidak boleh bagi satu *blanket power* untuk MAVCOM mengenakan caj seperti dalam pindaan, *I mean* yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Jadi kita nak tahu, rakyat nak tahu bila mereka kena bayar caj, apakah caj itu yang akan dikenakan.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ini saya sebenarnya sudah jawab dalam ucapan saya awal tadi iaitu bayaran ini maksimum RM1. Jadi dan itu untuk menampung kos operasi MAVCOM, itu saja. *No more than that*.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Maafkan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang itu sudah terjawab tetapi kita nak tahu, apakah langkah yang akan memastikan ia tidak akan naik ataupun...

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tidak, tidak. Dia tidak naik, maksimum RM1.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Maksimum untuk berapa lama ataupun selama-lamanya?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Selama-lamanya.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Selamanya-lamanya?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Ya. *Unless they want to change, they have to bring to the Parliament. So*, setakat ini selama-lamanyalah.

Jadi, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar, seksyen 98A, fasal 9 berhubung perkataan '*kawal selia ekonomi'*. Perkataan '*kawal selia ekonomi'* dimasukkan bagi memberi penekanan kepada fungsi MAVCOM sebagai pengawal selia ekonomi industri penerbangan awam negara. Garis panduan, pekeliling, arahan yang dikeluarkan oleh MAVCOM terhad kepada perkara-perkara ekonomi industri penerbangan awam negara sahaja.

Seterusnya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang, isu fasal 98A yang dianggap *redundant* dengan seksyen 65. Untuk makluman Yang Berhormat Sepang, seksyen 65 hanya terpakai kepada Bahagian VII iaitu berhubung perkara persaingan sahaja. Manakala fasal baharu 98A, adalah bagi memberikan kuasa kepada MAVCOM untuk mengeluarkan garis panduan, pekeliling, arahan, nota amalan dan notis bagi mengawal selia perkara ekonomi industri penerbangan bagi keseluruhan akta selain daripada Bahagian VII Akta 711.

Jadi seterusnya, soalan berhubung fasal 5 subseksyen 65(4) merupakan peruntukan baharu bagi membolehkan MAVCOM mengenakan penalti kewangan kepada ketidakpatuhan mana-mana garis panduan yang dikeluarkan berhubung persaingan. Setakat ini MAVCOM belum mengeluarkan apa-apa garis panduan berhubung perkara persaingan walaupun ada kuasa untuk mengeluarkan garis panduan tersebut. Oleh yang demikian, setakat ini tiada individu ataupun pertubuhan yang telah melakukan ketidakpatuhan. Sekian, terima kasih.

*[**Fasal-fasal 1 hingga 9** dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, (Dato' Henry Sum Agong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.49 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang untuk meminda Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 [Akta 617] dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Henry Sum Agong: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002, Akta 617 digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan serta mula berkuat kuasa pada 3 Mac 2003. Akta ini merupakan Akta Penubuhan Perbadanan Harta Intelek Malaysia MyIPO sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab mengawal selia dan menguatkuasakan perundangan harta intelek di Malaysia. Akta 617 ini belum pernah dipinda sejak dikuatkuasakan pada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta 617. Tujuan utama pindaan adalah untuk mewujudkan peruntukan baharu yang jelas bagi membenarkan MyIPO menubuhkan syarikat dalam usaha memperkasa dan mempelbagaikan

sumber pendapatan bagi memastikan kelestarian MyIPO sebagai pentadbir harta intelek di Malaysia. Pindaan terhadap Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 akan menambahbaikkan tadbir urus MyIPO dengan memperjelaskan lagi kuasa dan fungsi untuk mengawal selia dan menguatkuasakan perundangan harta intelek dan hal-hal yang berkaitan.

Keupayaan MyIPO untuk menjana pelbagai sumber pendapatan akan menjamin kelestarian MyIPO bagi mengukuhkan pentadbiran sistem harta intelek serta dapat mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan melalui sumber pendapatan baharu daripada anak syarikat yang bakal ditubuhkan. Secara tidak langsung inisiatif ini akan dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan terutama dari segi kos latihan, promosi dan program latihan awam dan akan menggalakkan program-program membudayakan inovasi dan kreativiti di negara ini. Seterusnya menyokong transformasi ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Jemaah Menteri yang telah diadakan pada 4 Ogos 2017 telah bersetuju supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bersama Jabatan Peguam Negara segera mengambil tindakan bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menggunakan kuasa di bawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 untuk menambah baik tadbir urus MyIPO melalui kuasa menubuhkan syarikat yang akan memastikan kelestarian MyIPO dan memperkasakan sistem harta intelek negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan pindaan adalah seperti berikut;

Memasukkan seksyen baharu 35A untuk memberi perbadanan kuasa untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016, Akta 777 tertakluk kepada kelulusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Menteri Kewangan untuk menjalankan dan menjaga, mengelola dan menguruskan apa-apa aktiviti projek inisiatif yang telah dirancang atau dijalankan oleh perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah perenggan 17(e)(f) atau (i). Ini membolehkan perbadanan mempelbagaikan aktiviti dan menjana pendapatan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada sesiapa yang menyokong?

[Tidak ada Ahli bangun menyokong]

[Dewan riuh]

[Mesyuarat ditangguhkan selama 10 minit]

■1500

3.08 ptg.

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.08 petang]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said**) mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1510

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kena bentang semula, kena bentang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, baiklah Yang Berhormat. Saya tadi saya minta tempoh kerana saya ada panggilan ke *washroom. [Dewan riuh] [Tepuk]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Strategi yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya pasti Yang Berhormat Kapar dengar apa ucapan dan perkataan saya keluarkan. Saya minta tempoh 10 minit untuk ke *washroom.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Taktik yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Memang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kan kita selalu minum teh bersama.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu pun idea daripada Yang Berhormat Kapar juga. Sila, kita balik kepada mesyuarat kita.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kena bentang semula. Tadi Menteri tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Saya mohon menyokong.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan bentang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dia sokong apa? Dia tak ada waktu bentang. Mana ada waktu bentang. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Entah-entah kah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bentang, bentang empat nombor ekor.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya sahkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan ada dalam Dewan dalam Kamar Khas dan beliau mendengar apa yang dibentangkan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mana boleh dia dengar? Dia dengar, dia *dok* jawab. *[Dewan riuh]*

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Dia tidak ada dalam Kamar ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dalam Kamar Khas dia dengar apa? Dengar sini kah dengar Kamar Khas?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia begini, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan semasa Yang Berhormat Menteri, boleh tak Yang Berhormat yang tiada dalam Dewan tidak boleh berbahas? Kan sama.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, bahas isu lain. Bahas lain. Ini bentang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okeylah, Yang Berhormat, kita jangan buang masa, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bentang benda lain?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tenom, sila.

3.12 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017.

Mungkin ramai yang kurang menyedari kewujudan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) biarpun ianya dikawal selia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, sebuah kementerian yang sememangnya cukup popular di kalangan rakyat. Tidak ramai yang benar-benar jelas mengenai fungsi dan matlamat MyIPO melainkan mereka yang terlibat secara langsung dengan MyIPO terutamanya dalam bidang hiburan, perdagangan dan juga perindustrian.

Secara amnya, fungsi MyIPO adalah menguruskan permohonan dan pendaftaran bagi perlindungan harta intelek iaitu hak eksklusif sesuatu produk oleh pemilik supaya ia tidak disalah guna atau dieksploitasi oleh pihak lain yang menyebabkan ancaman kepada ciptaan mereka. Tanggungjawab yang digalas oleh MyIPO walaupun tidak ramai yang menyedarinya, namun saya kira agak besar dan berat terutamanya dalam memastikan perlindungan kepada hak eksklusif produk oleh usahawan. Mereka peka mengenai peri pentingnya melindungi ciptaan usahawan ini supaya tidak ditiru dan dieksploitasi oleh golongan yang mengambil kesempatan ke atas kejayaan sesebuah produk itu.

Tuan Yang di-Pertua, jika dirujuk dalam Bahagian III Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 terutamanya pada perenggan 17(e), (f) atau (i), pindaan baru ini akan memberi lebih manfaat dan kemudahan kepada Perbadanan dalam memastikan mereka mampu menjalankan fungsi dengan lebih cekap dan juga berkesan. Sebagai contohnya, MyIPO galak dalam menjalankan program berkaitan kesedaran terhadap harta intelek termasuklah melakukan *roadshow* dan juga pameran. Malah, MyIPO juga melaksanakan program yang berunsurkan pendidikan kepada pelajar-pelajar seperti program *IP Summer Camp* dan *IP Fantastic* bagi mendedahkan generasi ini mengenai kepentingan dan juga hak cipta harta intelek.

MyIPO juga, saya melihat, ia giat mempromosi kepentingan harta intelek ini kepada usahawan perindustrian kecil dan sederhana (PKS) termasuklah bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan juga Majlis Amanah Rakyat (MARA). Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan pendekatan yang sangat baik kerana kebanyakan usahawan PKS kurang pendedahan mengenai perkara ini dan berkemungkinan produk inovasi mereka dieksploitasi adalah sangat tinggi. Contoh-contoh ini menjelaskan bahawa MyIPO sememangnya mempunyai fungsi dan peranan yang penting dalam memastikan hal ehwal berkaitan hak intelek dapat dilaksanakan secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan program dan memastikan kelestarian usaha mereka, MyIPO pastinya memerlukan sumber pendapatan yang lebih banyak supaya lebih konsisten dalam melaksanakan fungsi dan juga dapat meneruskan pada tahap yang terbaik. MyIPO melaksanakan fungsi mereka dengan menggunakan sepenuhnya peruntukan yang diberikan oleh pihak kementerian menerusi belanjawan negara. Namun, jumlah peruntukan yang diterima agak kecil dan pastinya tidak mencukupi jika mereka ingin mempelbagaikan lagi aktiviti dan inisiatif seperti mana yang tertakluk dalam Bahagian III, seksyen 17(e), (f) atau (i).

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet pada tahun ini, peruntukan bagi pembangunan sistem MyIPO adalah sebanyak RM7.5 juta manakala peruntukan bagi NKEA MyIPO adalah sebanyak RM14 juta. Peruntukan yang diberikan oleh kementerian kepada MyIPO tidaklah begitu besar dan saya pasti wujud kekangan buat mereka terutama daripada aspek pengurusan dan pelaksanaan lebih banyak program.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan yang terhad, adalah agak mustahil bagi MyIPO untuk mempelbagaikan lagi aktiviti dan juga inisiatif mereka. Sebaliknya, mereka mungkin terpaksa mengurangkan atau mengehadkan lagi perjalanan aktiviti mereka sekali gus fungsi mereka seperti mana yang tertakluk di dalam Bahagian III, seksyen 17(e), (f) atau (i) juga terpaksa dihadkan.

Seperti yang kita sedia maklum, pemindaan akta ini bakal memasukkan seksyen baru 35A yang memberi kuasa penuh kepada Perbadanan bagi menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2006 *[Akta 777]*. Pindaan ini akan membolehkan MyIPO menjana pendapatan mereka sendiri dan juga mempelbagaikan aktiviti yang mana boleh mendatangkan perolehan dana kepada mereka. Penubuhan syarikat di bawah MyIPO juga akan menyebabkan MyIPO tidak terlalu bergantung sepenuhnya kepada peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan sebaliknya mampu untuk berdiri sendiri dalam menjalankan aktiviti yang membantu kepada perolehan dana. Saya juga yakin, Tuan Yang di-Pertua, MyIPO mampu mengendalikan syarikat yang ditubuhkan dengan baik dan kebijaksanaan anggota di dalam Perbadanan ini juga mampu memacu MyIPO jauh lebih ke hadapan dan maju seiring dengan objektif mereka.

Penubuhan syarikat di bawah sesebuah perbadanan bukanlah sesuatu yang pelik mahupun merugikan. Ini kerana ada banyak badan berkanun atau agensi yang lain yang turut mempunyai syarikat di bawah seliaan sendiri. Keberkesanannya dapat kita lihat yang mana ia memberikan kesan positif kepada pengurusan dan pembangunan sesuatu badan ataupun agensi tersebut. Ini juga akan dapat memperlihatkan kemampuan mereka untuk berdiri sendiri dalam sesuatu bidang tanpa melibatkan campur tangan daripada pihak kerajaan.

Begitu pun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, bagaimanakah sistem tadbir urus syarikat tersebut dan apakah bentuk-bentuk aktiviti-aktiviti yang

utama yang bakal akan dijalankan? Bagaimanakah pihak kementerian akan dapat memastikan tidak wujud sebarang konflik kepentingan atau pertindihan yang memberikan impak negatif kepada MyIPO?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan kepentingan mendaftar hak intelek sesuatu produk. Pendaftaran hak kita bagi sesuatu produk adalah tidak diwajibkan dan ini menyebabkan ramai usahawan mengambil ringan isu berkaitan hak cipta produk mereka.

■1520

Mungkin kurangnya kesedaran menyebabkan mereka mengambil ringan perkara ini sedangkan impaknya adalah tinggi dan mempunyai pengaruh yang agak besar. Saban tahun jumlah pendaftaran bagi hak intelek menunjukkan peningkatan namun pertumbuhannya agak perlahan dan masih pada tahap yang kurang memberangsangkan. Menerusi statistik yang dikeluarkan oleh MyIPO, sehingga Oktober 2016, sebanyak 31,954 permohonan yang telah diterima sama ada daripada Malaysia ataupun luar negara bagi mempatenkan hak intelek mereka dan 27,063 berjaya didaftarkan. Manakala statistik terkini sehingga Jun 2017 sebanyak 23,403 permohonan harta intelek telah pun diterima.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua sejak tahun 1983 sebanyak 773,259 permohonan telah diterima dan 316 telah pun didaftarkan. Hal ini menunjukkan selama 30 tahun dengan melalui pelbagai fasa penjenamaan dan juga penyusunan semula MyIPO telah membuktikan peranannya yang penting dalam memastikan hak eksklusif sesuatu produk itu dilindungi dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh lihat betapa banyak produk yang telah ditiru dan dijual semula di pasaran dengan harga yang lebih rendah namun kualiti juga berkali-kali ganda lebih rendah berbanding dengan produk-produk asli yang telah dihasilkan. Bukan hanya produk antarabangsa malah produk tempatan ini memberikan impak negatif kepada usahawan tersebut dan produknya kerana peniruan ini mendatangkan kerugian berterusan dan menjatuhkan reputasi mereka.

Jika kita perhatikan Tuan Yang di-Pertua, setiap kali KPDNKK membuat serbuan ke kawasan-kawasan perniagaan tertentu, pasti banyak produk-produk tiruan yang dihasilkan daripada paten dan cap dagang jenama terkenal yang telah berjaya dirampas. Sebagai contoh bagi produk daripada jenama yang terkenal seperti LV, Chanel, jam tangan Rolex, Polo, telefon pintar Samsung malahan produk-produk kecantikan juga banyak menjadi mangsa eksploitasi yang menyumbang kepada lambakan produk palsu di pasaran kita. Bagi produk tempatan, jenama pakaian dan tudung sering menjadi mangsa kepada peniruan paten.

Selain itu juga muzik, lagu dan juga filem turut menjadi mangsa eksploitasi hak cipta apabila penjualan karya secara haram dilakukan secara berleluasa. Bukan itu sahaja produk makanan juga berani dicipta dan dijual kepada orang ramai. Ini bukan lagi melibatkan isu hak cipta produk malah melibatkan isu keselamatan dan juga kesihatan kepada masyarakat kita Tuan Yang di-Pertua. Bayangkan impak yang diterima oleh pengusaha produk tersebut apabila ada yang terjejas disebabkan kewujudan produk tiruan.

Satu lagi contoh Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kepentingan mendaftarkan hak intelek ini adalah mengenai hasil hutan dalam negara kita. Malaysia yang kaya dengan pelbagai sumber asli, sumber semula jadi yang wujud di negara kita menjadi suatu keistimewaan yang unik. Apa yang menjadi isunya apabila ada orang luar masuk ke hutan negara kita menggunakan kepakaran orang tempatan untuk kajian mereka dan apabila mereka balik ke negara asal, mereka patenkan hasil dan kajian itu hingga menyebabkan kita kerugian kerana sumber semula jadi negara kita telah pun dicuri ataupun dieksploitasi oleh golongan-golongan tertentu sedangkan sumber ini adalah hak negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, situasi ini memperjelaskan betapa pentingnya mendaftarkan hak intelek supaya hak eksklusif sesuatu produk itu dapat dipelihara dan tindakan secara undang-undang yang tegas juga perlu dilakukan bagi melindungi hak cipta produk tersebut. Usahawan seharusnya lebih peka dalam melindungi harta intelek mereka agar hak sebagai pemilik produk terjamin dan seterusnya dapat memastikan tiada pihak yang sesuka hati mencuri idea ataupun produk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain kerumitan dalam penyediaan spesifikasi produk, mungkin fi yang dikenakan bagi mendaftar hak intelek dirasakan mahal lalu menyebabkan mereka mengambil ringan hal ini. Namun secara peribadi saya merasakan ini tidak seharusnya menjadi kekangan kerana faedah yang diterima adalah sangat-sangat baik. Saya ingin memberi contoh jika dibuat

hitungan, kos bagi mendaftarkan cap dagangan secara manual adalah sebanyak RM1,020 dan ia sah terpakai sebagai hak eksklusif kepada pemiliknya selama 10 tahun. Ini bermakna mereka hanya membelanjakan RM102 setahun ataupun RM8.50 sahaja dalam sebulan.

Jika dikira mengikut hari pula ia 28 sen sehari. Fi ini saya kira sangat berpatutan dan sewajarnya memberi galakan kepada usahawan di luar sana untuk mendaftarkan hak intelek produk-produk mereka. Ada yang beranggapan tiada guna mendaftar hak cipta mereka kerana penguatkuasaan belum benar-benar kukuh. Andaian ini tidak seharusnya menjadi kekangan kepada kita semua kerana secara perundangannya mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan barangan tiruan atau cetak rompak boleh didakwa di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan juga Akta Hak Cipta 1987. Selaku pemilik sah mereka boleh melakukan tindakan perundangan ini bagi mempertahankan hak mereka.

Saya Tuan Yang di-Pertua ingin membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan hak intelek ini. Bagaimanakah kementerian memastikan penguatkuasaan terhadap hak intelek ini diperkukuhkan dengan lebih kuat lagi. Ini kerana jika kita lihat banyak pusat perniagaan yang secara terang-terangan menjadi produk tiruan namun kurang penguatkuasaan sehingga mencetuskan polemik di laman-laman sosial yang mempertikaikan kredibiliti dan juga tanggungjawab pihak berkenaan.

Saya ingin bertanya bolehkah pihak kementerian menyatakan berapa banyakkah statistik serbuan yang telah dijalankan ataupun telah pun dilakukan ke atas premis-premis perniagaan barang-barang tiruan ini? Apakah produk tempatan yang menjadi mangsa produk tiruan serta tindakan yang dilakukan bagi melindungi hak intelek produk-produk tersebut? Apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam membawa pulang produk-produk atau karya Malaysia yang sedang berada di luar negara dan mempatenkannya supaya tidak sewenang-wenangnya diciplak dan mendatangkan kerugian kepada pemiliknya dan negara?

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua usaha dalam membawa pulang dan juga menghimpunkan karya Usman Awang yang berada di luar negara supaya dapat dibukukan dan dapat memberi kelebihan daripada sudut royaltinya. Bagaimanakah kementerian membantu memastikan karya ataupun warisan-warisan ini dapat dipelihara dan tidak dapat dicabuli haknya.

Tuan Yang di-Pertua kesedaran terhadap sesuatu perkara dalam sesuatu subjektif dan tidak mudah mewujudkan kesedaran kepada masyarakat kerana bukan semua individu mahu menerimanya. Kita perlu menyokong dan menghargai usaha yang dilakukan oleh mereka yang bersusah payah dalam mencipta legasi tersendiri. Kita juga perlu menyokong usaha pihak MyIPO yang tidak putus-putus untuk memastikan perlindungan eksklusif sesuatu produk yang dapat kita pertahankan.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua dengan wujudnya syarikat di bawah perbadanan ini nanti MyIPO mampu menjana lebih banyak perolehan dan mampu mempergiatkan lagi aktiviti yang menyumbang kepada kesedaran mengenai hak cipta harta intelek. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

3.28 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut sama berbahas walaupun tidak panjang terhadap pindaan ke atas Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 ini, yang mana untuk membolehkan perbadanan ini melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya maka dicadangkan untuk membenarkan perbadanan ini menubuhkan syarikat-syarikat yang mana wang-wang yang ada di dalam perbadanan boleh dilaburkan.

Antara yang kita lihat di dalam peruntukan yang sedia ada di bawah 17(e), (f) atau (i) kebanyakan daripada atau ketiga-tiganya menyebut mengenai penyelidikan, memajukan penyelidikan, *documentation* dan sebagainya dan tidak secara khususnya disebut perniagaan ataupun lain-lainnya. Jadi saya menganggap penubuhan syarikat-syarikat ini di bawah Akta Syarikat bukan sangat untuk melaksanakan urusan-urusan perniagaan.

■1530

Ini kerana saya melihat di bawah kuasa perbadanan yang sedia ada, contohnya di bawah perkara 18(2)(e) untuk bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan atau perbadanan atau agensi

kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsi perbadanan. Jadi disebut juga fungsi-fungsi perbadanan yang ada termasuk mungkin memastikan paten ini dijaga. Kita ada badan-badan kerajaan yang lain seperti dalam hal urusan halal dan haram pun ada yang memantau, yang merekodkan dan mendaftar, kita ada SIRIM dan sebagainya.

Jadi setakat fungsi-fungsi yang disedia atau ditetapkan dalam perbadanan ini saya rasa peruntukan sedia ada telah cukup membolehkan perbadanan ini melaksanakan tanggungjawabnya dan tidak perlu kepada satu urusan pendaftaran syarikat yang lain yang mana hanya akan menjadi saingan kepada syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan ataupun agensi-agensi kerajaan yang sedia ada. Ini boleh juga menyebabkan *overlap*. Kita difahamkan kerajaan punya dasar *Blue Ocean Strategy* yang kalau boleh pelbagai kerja itu disatukan di bawah satu badan. Jadi kalau kita makin menubuhkan lebih banyak syarikat untuk bersaing sesama sendiri, saya rasa ini tidak boleh menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan tidak semestinya menjadikan ianya lebih efisien.

Kalau kita lihat dalam peruntukan 34 dalam akta yang sedia ada ini pun kita sudah lihat bahawa perbadanan ini mempunyai kuasa yang cukup untuk meminjam, untuk mendapat ataupun menjual bon, *debenture*, saham dan sebagainya. Ertinya sudah cukup kekuasaan ataupun peruntukan yang kita luluskan di dalam akta asal ini bagi membolehkan Perbadanan Harta Intelek ini untuk melaksanakan semua tanggungjawabnya.

Jadi apakah sebenarnya hasrat meminda dan menambah supaya boleh ditubuh di bawah Akta Syarikat ini, agensi-agensi lain yang juga akan melaksanakan tugas-tugas yang sama. Saya khuatir ianya akan menjadi satu lagi urusan yang melebarkan dan membesarkan lagi struktur di dalam kerajaan kita yang akan memberatkan lagi tanggungjawab kerajaan dan tidak semestinya membawa pulangan yang lebih baik.

Jadi saya anggap akta yang sedia ada ini agak lengkap peruntukan-peruntukannya dan tidak memerlukan satu perubahan yang besar yang mana kemungkinan ada di sana nanti salah guna kuasa dalam perniagaan, akan timbul isu kerugian, salah guna peruntukan dan sebagainya. Jadi saya hendak mencadangkan supaya dipertimbangkan semula keperluan untuk mewujudkan peruntukan yang kita bahaskan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tebrau.

3.33 ptg.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harta intelek adalah harta yang dihasilkan dan idea ataupun pemikiran manusia. Rang undang-undang ini memang bertujuan untuk meminda Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 untuk memasukkan seksyen baru 35A. Tadi saya dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa seksyen 35A ini memberi kuasa kepada perbadanan untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 untuk menjalankan dan menjaga, mengelola dan mengurus apa-apa aktiviti, projek, inisiatif yang telah dirancang ataupun dijalankan oleh perbadanan dan pelaksanaan fungsinya di bawah perenggan 17(e), (f) atau (i)

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa fungsi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang digariskan di bawah seksyen 17(e), (f) atau (i) Akta 617 adalah seperti berikut:

(i) untuk menggalakkan dan meningkatkan latihan dan penyebaran pengetahuan dan maklumat mengenai harta intelek;

(ii) untuk mengadakan, menggalakkan dan menyediakan program kerjasama di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa mengenai isu dan perkara yang berhubung dengan harta intelek; dan

(iii) untuk menjalankan penyelidikan dan untuk meng-*commission*-kan kajian mengenai isu ataupun perkara yang berhubung dengan harta intelek.

Manakala pada saya, saya percaya bahawa syarikat ini akan mendatangkan manfaat yang baik seperti berikut:

(i) ia akan membolehkan MyIPO mempelbagaikan sumber pendapatan tanpa menjejaskan misi dan objektif MyIPO sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan penguatkuasaan perundangan harta intelek;

(ii) MyIPO dapat menjana pendapatan bagi kelestariannya untuk jangka masa yang panjang serta meningkatkan keupayaan kawalan ke atas pengusahaan hasil MyIPO; dan

(iii) MyIPO akan mempunyai sumber pendapatan baru dan tidak hanya bergantung kepada sumber pendapatan utama daripada *fee* dan *charge* yang diterima bagi permohonan dan pendaftaran harta intelek sedangkan pendaftaran harta intelek adalah tidak wajib.

Kepelbagaian sumber pendapatan ini juga akan dapat membantu MyIPO menampung kos bagi menjalankan fungsi-fungsi lain seperti mengadakan program kesedaran awam dan latihan harta intelek secara meluas dan memerlukan kos yang tinggi yang akhirnya keupayaan MyIPO untuk menjana pelbagai sumber pendapatan akan mengurangkan beban kewangan kerajaan secara tidak langsung dari segi kos latihan, promosi dan program kesedaran awam.

Tuan Yang di-Pertua, harta intelek terdiri daripada enam komponen utama iaitu paten, cap dagangan, reka bentuk, perindustrian hak cipta, penunjuk geografi dan reka bentuk susun atur tidak bersepadu. Dunia sekarang telah masuk ke era renovasi dan kreativiti. Alat ataupun *equipment* baru, produk ataupun ubat baru, idea keusahawanan baru dan lain-lain. Maka, penambahbaikan akta mudah-mudahan akan menggalakkan lebih ramai orang khususnya orang muda menjadi kreatif dan inovatif.

Saya hendak tanya bolehkah konsep baru perniagaan dan idea-idea baru di patenkan? Misalnya dulu kita tidak pernah dengar konsep perniagaan macam *e-hailing* dan sebagainya. Jadi kalau ada *rare*, kita ada idea yang baru, cara perniagaan ataupun konsep perniagaan baru, bolehkah mereka juga mohon dipatenkan?

Kegunaan – satu lagi saya hendak tanya, kalau sekiranya ada satu jenis ubat yang sudah dapat paten dan selepas itu mereka dapati bahawa *e-book* ada kegunaan yang baru. Jadi macam mana dia - apa pengaruh kepada paten yang sedia ada. Adakah tempoh masa itu dipanjangkan ataupun tidak?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang berikut ialah sekiranya pihak ketiga membuat sedikit penambahbaikan dan memohon untuk mempatenkannya sebagai produk baru, adakah ia dibenarkan? Dia bukannya sama dengan yang lama. Dia ada penambahbaikan dan ia akan paten sebagai satu harta intelek baru. Bolehkah ini dibenarkan.

Selepas membuat kiraan segala kos pendaftaran harta intelek seperti paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan sebagainya, kosnya hampir RM4,000.

■1540

Bagi sesetengah SME ataupun perniagaan kecil jumlah ini mungkin banyak kerana ini belum mengambil kira kos penghasilan ataupun pembuatan dan sebagainya. Yuran tersebut pula adalah yuran asas dan tidak termasuk yuran yang dikenakan oleh ejen untuk mengendalikan permohonan tersebut. Apakah langkah untuk mengelakkan berlakunya penipuan oleh sesetengah golongan ejen? Tempoh proses pendaftaran harta intelek perlu dikurangkan untuk memberi manfaat kepada teknologi baru kerana sebagai contoh tempoh proses pendaftaran harta intelek paten adalah 26 bulan.

Namun dalam masa ini, mungkin teknologi yang tertentu sudah menjadi tidak relevan, adakah tempoh proses pendaftaran semua harta intelek yang dipohon itu boleh berjalan seretak misalnya cap dagangan 12 bulan, reka bentuk perindustrian lapan bulan dan sebagainya. Kalau boleh dijalankan serentak jadi mungkin boleh disingkatkan tempoh proses itu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang berikutnya adakah pemohon diberikan bantuan guaman sekiranya hak intelek mereka ditiru ataupun mereka ingin membuat tindakan undang-undang? Saya percaya tindakan undang-undang akan mengambil masa yang agak panjang dan oleh sebab tempoh perlindungan harta intelek juga berbeza seperti paten 20 tahun, cap dagangan dan sebagainya dengan pembaharuan yang perlu dilakukan dalam tempoh yang berbeza ini mungkin menjadi penghalang kepada orang Malaysia memohon MyIPO.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya tentang cara penyelesaian *dispute,* kalau ada *dispute* tentang harta intelek ini mana pihak yang akan selesaikan. Adakah mahkamah sahaja ataupun mungkin KPDNKK akan tubuhkan tribunal untuk kes-kes yang kecil dan juga saya percaya ini juga akan singkatkan lagi penyelesaian *dispute*. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang berikut ialah apakah aktiviti projek dan inisiatif yang akan dijalankan oleh syarikat yang ditubuhkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)?

Saya minta Menteri menjelaskan sumber kewangan bagi penubuhan syarikat di bawah MyIPO dan juga berkenaan dengan aktiviti yang akan dijalankan oleh syarikat ini akan menimbulkan konflik kepentingan dengan fungsi MyIPO? Soalan yang berikut ialah saya minta Menteri memberi penjelasan mengenai keperluan menubuhkan syarikat dalam keadaan ekonomi sekarang? Saya juga hendak tanya apakah usaha pihak-pihak kementerian dalam melindungi reka bentuk tempatan terutamanya daripada perusahaan industri kecil dan sederhana?

Akhir sekali soalan saya ialah saya minta Menteri menyatakan tindakan yang boleh diambil oleh MyIPO untuk melindungi pemunya ataupun pencipta karya berhak cipta sekiranya sesuatu karya tersebut seperti foto ataupun lukisan digunakan tanpa kebenaran daripada pemunya ataupun pencipta karya tersebut. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Tebrau menyokong rang undang-undang ini sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput.

3.44 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini isu undang-undang harta intelek sudah jadi satu kebiasaan, memang ini tidak berlaku dulu, hanya selama 150 tahun sahaja konsep paten telah wujud di dunia ini. Sebelum itu pun manusia telah cipta barang-barang, tidak perlu satu monopoli untuk cipta barang-barang. Akan tetapi ini sejak era kapitalis saya ingat dalam pertengahan abad 19, dia sudah mulakan di Amerika sebagai satu paten.

Akan tetapi kriteria yang diguna, walaupun sekarang di seluruh dunia dipakai tetapi kriteria yang di guna untuk memberi paten berbeza, dia amat longgar di Amerika. Jika di Amerika ubat yang sama tetapi *packaging* nya ditukar daripada *liquid* ke *solid*, dia boleh dapat paten yang baru dia *evergreen* tetapi kalau kita kaji di India ataupun South Africa dia punya standard mengatakan ini satu inovasi yang baru yang perlu monopoli selama 20 tahun, jauh lebih tinggi. Ini kerana ada orang-orang di dunia ketiga macam di negara India dan South Africa yang rasa sistem intelek hak intelek ini, paten ini adalah satu cara baru untuk negara-negara yang kaya, untuk syarikat-syarikat gergasi untuk wujudkan monopoli supaya ia dapat mengaut untung lebih tinggi dan boleh dapat kekayaan yang dicipta di sini, mereka boleh kenakan caj yang besar *so terms of trade* lebih baik untuk mereka.

Ada negara-negara macam India di mana standard atau kriteria yang dipakai jauh lebih *demanding* untuk mengatakan ini satu paten, harus diberi kerana ini inovasi yang baru. Jadi daripada ini saya khuatir bila kita wujudkan syarikat-syarikat yang mungkin akan buat *business* dengan pemohon paten. Pemohon paten datang, kita buat *business* dengan mereka, adakah kita akan dipengaruh dan kita akan beri dia apa yang dia pohon?

Saya hendak tanya Menteri, syarikat apa yang kita akan wujudkan, apakah *business* mereka, siapakah *client* mereka? Jika *client* mereka adalah pemohon untuk paten *then it is not a good idea,* memang akan ada *conflict of interest,* saya rasa ini yang penting. Saya juga hendak tanya Menteri, dalam Malaysia dalam lima tahun yang lalu berapa pemohon paten adalah daripada Malaysia? Berapa pula daripada negara-negara yang maju? Jika tidak salah saya, 95 peratus daripada pemohon paten di Malaysia adalah daripada negara maju hanya 5 *percent* atau bawah daripada itu ada di Malaysia. *So,* ini pun kita kena tengok.

Saya khuatir, jika kita kenakan beban untuk cari pendapatan pada MyIPO mungkin peranan dia untuk memastikan benda-benda yang bukan begitu inovatif juga dapat paten dan ini akan menaikkan kos untuk rakyat biasa iaitu akan menaikkan kos untuk industri lain yang memerlukan barang itu *maybe it's short sighted, penny wise and pound foolish* dengan izin

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Sungai Siput. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkait dengan pindaan seksyen baru 35A yang membolehkan MyIPO mendaftar syarikat-syarikat baru. Saya ingat ada insiden pada tahun 2014 dibangkitkan ketika itu bahawa MyIPO telah meluluskan sebanyak empat badan kutipan royalti Yang Berhormat, tugasan ianya khas seperti Badan MACP, komposer dan penulis lirik, PPM, syarikat rakaman, Recording Performers Malaysia Berhad dan PRISM.

Semua badan ditubuhkan, badan-badan pelesenan atas tujuan yang sama iaitu untuk membuat kutipan royalti. Jadi saya tidak pasti apakah keberkesanan tetapi ternyata ia membawa

rungutan daripada banyak seniman dan pemuzik tanah air bila masa kutipan royalti pun yang sepatutnya menjadi sebab utama kenapa mana-mana artis dan sebagainya mendaftarkan harta atau royalti mereka untuk mendapatkan *royalty, the intellectual property* dengan izin.

Jadi saya fikir adakah kebimbangan yang besar dan serius di sini bila masa kita tanya kenapa kah pindaan dan rasional diberikan dalam hal menubuhkan syarikat bila masa sebelumnya dalam beberapa tahun ini isu *efficiency*, isu *credibility* MyIPO itu tidak dilihat sebagai satu badan yang mampu untuk melunaskan bayaran ataupun perlindungan harta intelek dengan sewajarnya. Mohon pandangan Yang Berhormat.

■1550

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya ingat saya akan tujukan itu pada Menteri untuk jawab isu itu. Saya rasa yang penting sekali ialah kita kena tengok apakah peranan MyIPO. Saya kira peranan MyIPO ialah untuk memastikan kita hanya bagi paten, kita hanya wujudkan monopoli untuk benda-benda ciptaan yang betul-betul inovatif. Bukan *evergreening* punya produk ya. *So,* ini yang penting. Jika ia masuk dalam bidang perniagaan dan peranan utama ia dilemahkan, *then it is a bad idea*.

So, saya harap Menteri akan menerangkan apakah jenis-jenis perniagaan yang akan dijalankan, siapakah klien-klien dalam perniagaan ini? Adakah kemungkinan pertindihan di antara peranan MyIPO untuk hanya wujudkan monopoli baru untuk kes-kes yang betul-betul *deserve it*, yang betul-betul buat satu produk yang baru, yang inovatif? Saya harap Menteri boleh jawab semua ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

3.51 ptg.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran untuk saya memberikan sedikit pandangan. Tahniah kepada pihak kementerian yang telah pun mengemukakan cadangan untuk pindaan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 ini.

Cuma, dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin meminta penjelasan daripada Menteri nanti berkenaan dengan cadangan dalam pindaan yang disebutkan ini. Di dalam seksyen 35A tidak mengatakan secara jelas di sini tentang keupayaan ataupun kebolehan kepada syarikat yang akan ditubuhkan ini dari segi kebenaran untuk membeli, menjual, meminjam ataupun memiliki ataupun melupuskan apa-apa aset ataupun apa-apa bon.

Jadi dalam hal ini, kita melihat kekuatan yang akan wujud kepada sesebuah syarikat yang akan ditubuhkan, terutama sekali syarikat di bawah GLC di bawah satu perbadanan, mesti dinyatakan secara jelas tentang kebolehan ini. Sama ada mereka boleh membeli ataupun menjual aset ataupun meminjam atau melupuskan atau juga memiliki. Jadi, perkara ini adalah amat penting kerana dalam operasi syarikat, kalau kebenaran ini tidak diperturunkan kepada syarikat yang berkenaan, maka syarikat yang akan ditubuhkan itu akan dilihat seperti tepu ataupun tidak mempunyai satu bidang kuasa yang setaraf, yang secukupnya sebagaimana ia dicadangkan penubuhan tersebut.

Kemudian yang kedua, kalau kita melihat di dalam penubuhan syarikat ini juga, kita perlu melihat tentang kawalan ekuiti syarikat. Jadi, di sini saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada syarikat yang ditubuhkan ini dimiliki ekuitinya seratus peratus oleh Perbadanan ataupun dimiliki oleh pihak-pihak lain? Pihak ketiga dalam beberapa peratus yang ditetapkan.

Hal ini kerana, kalau syarikat ini dimiliki seratus peratus oleh Perbadanan Harta Intelek, bermakna itu adalah merupakan satu bentuk kawalan yang sepenuhnya terhadap apa juga keputusan yang akan dibuat oleh syarikat yang berkenaan. Akan tetapi kalau pemilikan ekuiti atau sahamnya itu tidak seimbang, maka ia boleh menjejaskan keputusan atau kebolehan untuk membuat keputusan di dalam urus tadbir syarikat yang berkenaan.

Jadi dua perkara ini, saya minta diperhalusi dan diberikan penjelasan di dalam Dewan kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rasah.

3.54 ptg.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan perbahasan saya. Jadi, saya rasa pindaan untuk rang undang-undang ini, ia fokus kepada membenarkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia untuk menubuhkan satu syarikat. Saya rasa bagi perkara untuk menubuhkan syarikat, sebenarnya segala usaha untuk mengurangkan beban kerajaan harus kita alu-alukan.

Cuma, apa yang saya bimbang, sebenarnya apa yang ingin saya sampaikan adalah sebelum ini salah satu syarikat dimiliki oleh kerajaan kita, 1MDB telah pun menyebabkan banyak kerugian kepada negara kita. Saya amat berharap syarikat yang akan kita tubuhkan melalui MyIPO ini tidak akan menjadi 1MDB 2.0. Itu harapan saya dan juga saya rasa semua rakan-rakan. Kita berharap syarikat tersebut dapat membawa keuntungan kepada MyIPO.

Kedua, apakah jenis perniagaan ataupun perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh syarikat tersebut, yang akan ditubuhkan oleh MyIPO? Saya rasa perkara itu ramai yang ingin ketahui. Apakah *business model* ataupun bagaimanakah syarikat ini boleh mendapat dana ataupun keuntungan untuk menampung perbelanjaan MyIPO? Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, khususnya kepada Timbalan Menteri, jikalau pihak MyIPO merasakan ada kekangan kewangan, jadi apakah perbelanjaan tahunan sebenar yang telah dibelanjakan oleh pihak MyIPO? Saya rasa yang sangat penting sekali, pihak MyIPO perlulah mempergiatkan usaha mereka untuk terus menarik ataupun meningkatkan kesedaran rakyat kita terhadap hak-hak intelek. Itu sedikit sebanyak daripada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong.

3.57 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas pada petang ini. Jadi, saya terus melihat kepada perbahasan dan perbahasan saya tidak akan mengambil masa yang panjang.

Saya tengok seperti tadi Yang Berhormat Rasah nyatakan, fokusnya adalah untuk membenarkan kuasa untuk menubuhkan satu syarikat. Saya juga mengalu-alukan usaha yang dibuat. Hal ini kerana MyIPO akan kurang bergantung kepada caj dan juga fi yang akan diterima melalui permohonan dan juga pendaftaran harta intelek dan juga bantuan kewangan daripada kerajaan. Namun, ada beberapa perkara yang saya hendak kemukakan dan saya bangkitkan dan saya perlukan penjelasan mengenai pindaan yang akan dilakukan ini.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apabila usaha ini dibuat, bagaimanakah Perbadanan akan mengekalkan— ataupun adakah perancangan jangka pendek kah, jangka panjang kah untuk mengekalkan kelestarian sumber pendapatan ini dengan penubuhan syarikat ini apabila ia diluluskan nanti? Saya juga hendak minta supaya pihak kementerian untuk menyatakan untuk tiga tahun kebelakangan ini dari segi jumlah permohonan dan juga jumlah pendaftaran harta intelek yang diterima oleh MyIPO kebelakangan ini, adakah terdapat apa-apa peningkatan? Kalau boleh, dinyatakan jumlahnya juga.

Dalam waktu yang sama juga, saya ingin bertanya, melalui penubuhan syarikat ini, saya melihat kemungkinan adakah pihak Perbadanan akan membuatkan program kesedaran? Ini kerana kita melihat bahawa kesedaran untuk pendaftaran ini agak kurang dan agak banyak lagi yang perlu dilaksanakan. Adakah ia akan ditingkatkan melalui *amendment* ataupun pindaan yang akan kita buat ini?

Seterusnya, saya juga ingin bertanya mengenai gejala penyebaran hak harta intelek yang secara haram yang kita tengok agak berleluasa sekarang ini, terutamanya di persekitaran kita yang begitu mencabar iaitu di dalam digital. Jadi, apakah tindakan pihak kementerian dalam membendung gejala muat turun secara haram ini menyebabkan banyak karya seni negara mengalami kerugian?

■1600

Saya hendak bagi contoh. Contoh karya *Didi & Friends*, macam *Upin & Ipin* yang banyak dikongsi secara rantaian bersama di *Facebook* dan saya tengok jumlah perkongsiannya agak tinggi. Jadi persoalannya, bagaimanakah ataupun apakah tindakan pihak kementerian ke atas kes-kes macam ini? Adakah kes harta intelek seperti ini perlu dibawa ke mahkamah dan segala yuran

guaman itu, adakah nanti akan ditanggung oleh mereka sendiri ataupun pihak kementerian mempunyai satu inisiatif guaman untuk membantu mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh pengkarya seni tempatan ini.

Ini kerana kadang-kadang permohonan dan bayaran fi untuk harta intelek ini tidaklah membebankan pemilik IP berkenaan, tetapi yang membebankan pemilik IP ini adalah menuntut hak mereka dan juga proses untuk membabitkan kesalahan kepada penciplak yang memakan wang guaman yang agak tinggi. Jadinya, saya memohon untuk pihak kementerian untuk memberikan maklumat mengenai perkara ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Juga, apakah jenis bantuan yang akan disediakan dalam usaha untuk menaik taraf harta intelek di Malaysia? Apakah usaha MyIPO dalam mengurangkan bebanan yuran guaman yang perlu ditanggung oleh pemilik harta intelek ini bagi menuntut hak mereka melalui pindaan dengan memasukkan seksyen 35A. Dengan itu, yang lainnya Parit Sulong menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong.

4.01 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ucap dengan pendek sahajalah kerana ia satu perenggan sahaja, tetapi dengan erti atau makna yang sangat mendalam. Ini kerana di dalam itu lebuh raya yang semakin hari semakin cepat untuk multimedia ini, kita memang perlu langkah yang baru, inovasi yang baru untuk menangani masalah yang kita hadapi. Ini kerana di dalam multimedia ini dan dengan harta intelek ini, memang lebih rumit kerana *super highway* yang lebih pantas. Di sini saya memang, kita tidak membantah kerana hendak menubuhkan syarikat, diberi kuasa untuk menubuhkan syarikat di bawah akta ini tertakluk kepada kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan.

Pertama, saya beri peringatan kepada Tan Sri, misalnya FELDA. FELDA ini memang tujuan dia hendak bantu rakyat dan ada ramai juga dapat bantuan daripada FELDA. Akan tetapi kerana ada diberi kuasa untuk menubuhkan syarikat yang boleh berniaga di luar negara, maka masalah timbul. Saya tidak tahu, apa sahaja berlaku dengan syarikat seperti FELDA ini dan kita tunggulah keputusan mahkamah macam mana penemuan mereka, apakah sebenarnya berlaku, apakah kesalahan. Akan tetapi ini bermakna walaupun diberi kuasa untuk menubuhkan syarikat, untuk pergi ke luar negara bagi berniaga, ini tidak bermakna kita menyeleweng daripada tujuan atau maksud yang pertama termaktub di dalam Dewan yang mulia ini.

Di sinilah saya menekankan kepada kementerian supaya mengambil perhatian, jangan kita menganggap tertakluk kepada kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan itu cukup. Ini mungkin akan datang, Menteri atau Menteri Kewangan lalai sedikit ataupun tidak memahami apakah itu implikasi ataupun tempiasnya daripada kegiatan syarikat-syarikat yang ditubuhkan ini dan membuat keputusan yang salah atau membenarkan mereka berbuat apa sahaja mengikut kehendak hati. Ini saya tidak boleh terima Tuan Yang di-Pertua.

Ini bukan sahaja menimbulkan masalah dengan FELDA, dulu pun ada dengan Bank Negara. Bank Negara diberi kuasa yang sangat besar, tetapi ada satu kuasa yang mereka tidak ada iaitu melakukan perdagangan dengan risiko yang tinggi seperti *foreign exchange.* Kononnya kerana hendak dapat wang lebih banyak, hendak untung, dengan demikian walaupun tidak ada kuasa, Bank Negara dengan kelulusan kementerian dan kelulusan Menteri Kewangan, mereka buat perniagaan sehingga kita rugi berpuluh bilion ringgi, kerana terlibat dengan *forex* yang sepatutnya Bank Negara tidak terlibat di dalam hal sedemikian. Ini kerana bukan peranan Bank Negara untuk berniaga di dalam pasaran *forex,* bukan.

Dengan kedua-dua contoh ini, saya berharap kementerian dapat mengambil perhatian dengan sepenuhnya, dengan telitinya supaya jangan kita mengulangi hal seperti ini. Sebelum saya mengakhiri, saya setuju kerana dengan *super highway* ini, multimedia dengan maklumat *super highway* ini, kita mesti menyesuaikan diri untuk menghadapi cabaran-cabaran akan datang. Di sini saya hendak memberi peringatan, kalau kita hendak buat macam itu, kecepatan internet kita, *megabyte*, *megabyte* kita. Korea Selatan sudah lebih satu ratus, lebih satu ratus, kita hanya berapa itu? Ini saya tidak boleh terima. Walaupun kita mesti mengambil kira di luar bandar, misalnya di Sabah dan Sarawak dan juga di Pendang, luar jauh daripada Kuala Lumpur, tetapi dia punya kelajuan internet dia, dia memang lambat. Memang lambat berbanding dengan kita di sini.

Akan tetapi walau bagaimanapun, walaupun kita mempertimbangkan keperluan luar bandar, kita mesti mengambil kira begitu pantasnya orang seperti Korea Selatan. Kalau kita hendak tubuh syarikat, kita pun mesti jaga semua aspek, pelbagai aspek multimedia kita supaya kita janganlah tertinggal sangat ke belakang. Akan tetapi bagi saya, walaupun ada usaha daripada kementerian untuk memperbaiki, memang ada, tetapi usahanya belum mencukupi. Melantik syarikat-syarikat, kita mesti lantik syarikat-syarikat, kontraktor-kontraktor yang mampu bekerja, mampu memajukan internet di Malaysia. Kelajuannya dan sebagainya.

Saya berharaplah dengan sedemikian, kelulusan rang undang-undang hari ini ataupun esok, kita mengambil kira kelemahan-kelemahan timbul dengan contoh-contoh yang telah saya sebutkan di sini. Semoga kita dapat mengadakan multimedia atau internet ataupun sosial media dan dunia siber ini boleh menandingi dengan mana-mana negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila yang hadapan. Ya.

■1610

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pindaan rang undang-undang ini adalah meminda Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia bagi memasukkan seksyen baharu 35A untuk memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 untuk menjalan dan menjaga, mengelola dan mengurus aktiviti projek dan inisiatif yang dirancang. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kepentingan untuk mendaftar produk menerusi Pertubuhan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang berfungsi untuk menggalak dan meningkatkan latihan dan penyebaran pengetahuan dan maklumat mengenai harta intelek amat penting sekali.

Selain itu, MyIPO berperanan untuk mengadakan, menggalakkan dan menyediakan program berkaitan kesedaran berhubung harta intelek. Merujuk kepada pindaan rang undang-undang ini, saya yang mencadangkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat untuk menjalan, mengelola dan sekali gus menguruskan sebarang aktiviti projek di bawah kelolaan Perbadanan, ingin saya bertanya kepada pihak kementerian, sejauh mana pihak Perbadanan sebelum ini aktif menganjurkan aktiviti yang melibatkan kesedaran tentang kepentingan melindungi harta intelek? Penubuhan syarikat bagi mengawal selia aktiviti adalah wajar sekiranya MyIPO aktif menjalankan pelbagai aktiviti. Apakah perancangan rapi dalam usaha menjana pendapatan sampingan?

Saya juga ingin bertanya sama ada aktiviti yang dijalankan oleh syarikat ini berpotensi menjejaskan fungsi Perbadanan? Mohon penjelasan pihak kementerian. Selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Boleh mencelah sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Yang Berhormat Kota Samarahan sebut tadi berkenaan dengan peranan untuk beri kuasa dalam pindaan ini kepada Perbadanan untuk tubuhkan syarikat. Sepatutnya kalau kita lihat kepada apa yang dikemukakan, fungsi untuk tubuhkan syarikat tersebut adalah spesifik iaitu di bawah perenggan akta yang berkenaan 17(e), (f) atau (i).

Kalau kita rujuk kepada akta ibu, Akta 617, (e) adalah untuk menggalakkan dan meningkatkan latihan dan penyebaran pengetahuan dan maklumat mengenai harta intelek. Ini tidak ada masalah. Saya rasa Perbadanan tersebut boleh lakukan tugas tersebut dan (f) adalah untuk mengadakan, menggalakkan dan menyediakan program kerjasama di peringkat kebangsaan atau antarabangsa mengenai isu atau perkara yang berhubungan dengan harta intelek. Ini pun tidak ada masalah. Perbadanan boleh buat tugas tersebut.

Cuma saya ada masalah soal (i) untuk menjalankan penyelidikan dan untuk mengkomisikan kajian mengenai isu atau perkara yang berhubungan dengan harta intelek. Ini bermakna tujuan untuk beri kuasa untuk tubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat adalah untuk *business.* Ini bukan untuk kawal selia pendaftaran harta intelek,bukan untuk promosi harta intelek, bukan untuk mendidik rakyat soal harta intelek. Akan tetapi tujuan untuk daftarkan satu syarikat di bawah Akta Syarikat adalah untuk buat *business* dalam harta intelek, promosikan harta intelek atau pun menggunakan harta intelek yang diuruskan oleh Perbadanan supaya boleh buat *business* dalam tersebut. Saya rasa perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Sepatutnya *business* ini sepatutnya diberikan kepada pemegang harta intelek dan bukan di bawah Perbadanan. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Samarahan? Sekian.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih, Yang Berhormat Gopeng. Saya merasakan kita boleh melihat pandangan Yang Berhormat Gopeng ini dalam satu aspek yang berbeza. Namun bagi saya, mungkin pihak Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan dengan lebih lanjut. Bagi pihak saya, saya mendapati bagi tujuan mempromosi barang-barang intelek ini

boleh dilakukan bersama dalam program-program yang dilaksanakan oleh MyIPO. Itu pandangan saya. Namun kita harap pihak Yang Berhormat Menteri boleh memberi sedikit penjelasan lagi berkaitan dengan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gopeng.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya apabila berbicara tentang hak paten, hak intelek saya lebih cenderung terhadap industri kecil dan sederhana yang kurang mendapat perhatian pendedahan tentang kepentingan memelihara hak intelek mereka. Kita sedia maklum pelbagai produk desa telah dihasilkan melalui pelbagai inisiatif yang diberikan oleh kerajaan menerusi pelbagai agensi dan kementerian. Namun sejauh mana pihak MyIPO mengambil berat tentang pengusaha PKS ini terutama melibatkan golongan-golongan seperti ibu tunggal. Sehingga kini berapakah jumlah harta intelek melibatkan pengusaha kecil sederhana dan apakah usaha sama kementerian secara NBOS bersama agensi dan kementerian lain untuk melindungi reka bentuk produk tempatan agar tidak dieksploitasi? Mohon penjelasan yang sewajarnya dari pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang kepentingan memelihara harta intelek dalam talian. Umumnya mengetahui teknologi dewasa ini, penularan penggunaan media sosial secara meluas melibatkan karya seni dan kini setiap karya dimuat turun dengan mudah. Kini pelbagai inisiatif juga untuk menjana pendapatan menerusi muat turun karya ini di media sosial misalnya di *YouTube*. Namun ada setengah pihak yang seolah-olah yang mencuri karya berkenaan dengan hanya dengan *post* dan *share*. Perkara ini tentu menggusarkan individu berkenaan. Oleh yang demikian, apakah usaha pihak kementerian bagi melindungi harta intelek dalam talian? Apakah tindakan yang bakal diambil oleh pemilik-pemilik karya dalam talian sekiranya karya mereka dirompak secara digital?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai program IP Easy yang telah dijalankan di tiga negeri pada bulan Mac yang lepas. Apakah hasil daripada program berkenaan dan apakah usaha untuk menambahbaikkan program berkenaan di negeri lain? Difahamkan program IP Easy bertujuan untuk memberi gambaran jelas mengenai proses permohonan dan seterusnya memfailkan permohonan harta intelek masing-masing. Usaha ini memang patut dipuji. Menerusi statistik jumlah pendaftaran harta intelek masih lagi didominasi oleh syarikat dari negara asing seperti di Amerika Syarikat, Eropah, Jepun berbanding syarikat tempatan. Pada tahun 2017 sehingga Julai lalu, sebanyak 15,093 pendaftaran diterima daripada syarikat dari negara asing. Manakala hanya 8,226 pendaftaran dari syarikat tempatan. Apakah punca hal ini berleluasa? Apakah tindakan yang telah diambil bagi mengatasinya?

Tuan Yang di-Pertua, kita amat mengharapkan agar pelbagai usaha bagi meningkatkan usaha kesedaran pendaftaran harta intelek diteruskan agar semua pihak mendapat manfaat daripadanya. Tuan Yang di-Pertua, Kota Samarahan mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang.

■1620

4.20 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya, pertamanya ingin menyatakan bahawa saya masih ingat lagi semasa saya belajar syariah dulu, kita ada berbincang tentang isu *intellectual property* ini ataupun harta intelek ini. Saya masih ingat lagi ada seorang ulama', namanya Abdurrahman Taj mengatakan bahawa Islam juga mengambil berat soal perlindungan terhadap *intellectual property* atau harta intelek ini. Pada hari ini kita dihadapkan dengan sebuah pindaan ke atas harta ataupun undang-undang berkaitan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia ini. Saya minta maaf kepada pihak kerana saya tidak boleh menyokong pindaan ini dan saya akan kemukakan alasan-alasan saya kenapa saya tidak boleh menyokong.

Saya telah dapat membaca Akta Ibu walaupun mungkin tidak secara – baca dengan laju-lajulah sebab hari ini baru dapat baca. Saya dapati bahawa pindaan ini kalau kita luluskan, dia mungkin menimbulkan masalah. Kenapa saya kata begitu Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana walaupun pindaan ini pada hakikatnya adalah satu pindaan yang minor kerana ia hanya memperkenalkan satu seksyen iaitu seksyen 35A tetapi dengan izin, *repercussion* dia begitu besar. Izinkan saya membacakan pindaan yang dicadangkan, *"Perbadanan boleh dengan kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas, mengelolakan dan menguruskan apa-apa aktiviti, projek atau inisiatif yang telah dirancang atau diusahakan oleh Perbadanan dalam pelaksanaan fungsinya di bawah perenggan 17(e),(f) atau (i)".*

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita mesti melihat siapakah yang menganggotai *corporation* ataupun perbadanan itu. Berdasarkan seksyen 6 Akta Ibu, adalah jelas bahawa ahli-ahli yang terlibat ataupun *members, membership of the corporation* adalah terdiri daripada pertamanya *Chairman* ataupun pengerusi, empat anggota yang mewakili kerajaan dan juga ahli-ahli lain yang mempunyai pengetahuan dan juga pengalaman dalam harta intelek ini dan juga *Director General.*

Dalam seksyen 6(2), mengatakan bahawa Menteri hendaklah melantik ahli-ahli yang telah di-*specified* dengan izin, di bawah *paragraph 6(1)(a)(b)* atau *(c).* Maknanya, poin saya adalah Menteri terlibat dalam pelantikan ahli-ahli *corporation* itu. Oleh kerana Menteri terlibat dalam pelantikan anggota *corporation,* maka di situ akan wujudnya *conflict of interest* di mana Menteri juga dalam cadangan yang dipinda ini akan dilibatkan dalam penubuhan syarikat. Jadi, kalau ahli perbadanan itu sendiri adalah ahli-ahli yang dilantik oleh – Menteri kata orang ada *say* dalam pelantikan itu, tiba-tiba Menteri juga terlibat dalam penubuhan syarikat yang *corporation* hendak dirikan, maka saya percaya ini akan menimbulkan satu konflik dan ia adalah satu benda yang tidak boleh dibenarkan. Kalau kita lihat kepada beberapa peruntukan dalam akta ini, Akta Ibu, ia telah menunjukkan bahawa peranan Menteri agak – peranan Menteri dalam akta ini adalah satu peranan yang agak *significant*, dengan izin dan kita tidak boleh memandang ringan perkara ini.

Saya hendak beri contoh. Seksyen 8(1)(ii), mana-mana anggota yang dilantik oleh Menteri, yang diluluskan pelantikannya oleh Menteri, mereka boleh diberhentikan oleh Menteri dan apabila Menteri memberhentikan mereka, Menteri tidak perlu beri *reason* pun, tidak perlu bagi alasan *without assigning any reason.* Kenapa seksyen ini bagi saya adalah bahaya? Sebab mungkin ada ahli *corporation* nanti yang mungkin membantah terhadap penubuhan ataupun perjalanan syarikat. Akan tetapi Menteri mungkin berdasarkan seksyen 8 ini boleh memberhentikan dia sebab tanpa beri alasan pun kerana dia mungkin membantah syarikat mungkin dilabur - pelabur terlibat dalam pelaburan yang mungkin tidak menguntungkan dan sebagainya.

Kita kena ingat bahawa *intellectual property* ini mempunyai satu dana yang dipanggil *Intellectual Property Funds*. Jadi saya hendak tanya pada Menteri, berapakah jumlah dana ini dan dana ini terdiri daripada beberapa sumber kewangan? Antaranya, geran daripada kerajaan. Kerajaan akan memberikan geran kepada dana *intellectual property* ini. Jadi saya tanya kepada Menteri, berapakah jumlah dana yang diberi setiap tahun? Jadi dengan dana yang begitu besar ini dan peranan Menteri ada, Menteri juga terlibat dalam pengurusan *intellectual property* ini ataupun Perbadanan ini, maka dengan penubuhan syarikat ini, saya percaya ia akan menimbulkan banyak konflik dan juga masalah-masalah yang mungkin akan timbul nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini sama ada kita suka atau tidak suka, kita terpaksa menerima hakikat suatu yang pahit bahawa kita ada pengalaman buruk dengan syarikat dalam negara kita ini. Semua orang tahu bahawa asalnya mungkin niat untuk menubuhkan 1MDB itu baik tetapi apa yang berlaku sekarang, dia telah menjadikan negara ini sebagai satu negara yang ditertawakan oleh dunia dan yang terbaru ini, yang terbaru yang baru berlaku sekarang ini, orang sudah mula ketawakan. Apa yang berlaku apabila Timbalan Perdana Menteri menjawab soalan daripada Ahli Parlimen Gombak dan ini telah menjadi satu bahan yang diceritakan dalam media-media sosial. Walaupun pada asalnya dilaporkan Jho Low hendak dikesan oleh Interpol, tiba-tiba dikatakan bahawa hendak tutup siasatan.

Pada hari ini saya telah membaca satu laporan daripada *Malaysiakini* yang menyatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri menafikan jawapan dia begitu dan dia mengatakan bahawa jelas jawapan – Ini jawapan daripada Timbalan Perdana Menteri yang telah dibuat satu *statement* mengatakan bahawa Jho Low tidak akan disabitkan. Saya tidak tahu siapa yang beri nasihat memberikan *statement* itu. Ini satu *statement* dengan izin, satu *statement* yang paling teruklah. Minta maaf. *How can you* mengatakan dia tidak disabitkan. Hendak sabit macam mana? Sabit ini mahkamah sahaja yang boleh sabit. Jho Low tidak ditangkap, tidak disiasat, tidak dibawa ke mahkamah, tidak dibicarakan, macam mana hendak sabit? Jadi kalau Menteri kata, *"Jho Low tidak disabitkan",* ini satu *statement* yang melucukan. Hendak sabit macam mana, dia tidak bawa ke mahkamah. Tangkap pun tidak. Tiba-tiba kita kata tidak disabitkan. Ini apa punya kenyataan saya tidak tahulah. Memalukan. Bukan memalukan di Malaysia, memalukan dunia. Sebab itu kita ingin mengatakan bahawa, kita tidak boleh hendak suka-suka tubuhkan syarikat ini.

Saya percaya bahawa Menteri terlibat banyak dalam akta ini. Maka sebab itu kita sepatutnya mengurangkan kuasa Menteri, bukan kita semakin beri lagi kuasa yang lebih besar. Saya hendak beri contoh yang lain. Perbadanan ini ada kuasa untuk meminjam di bawah seksyen 34(1), *"The corporation may with the approval with the prior approval of the Minister and the Minister of Finance".* Maknanya, berdasarkan Akta Ibu ini seksyen 34(1), Perbadanan boleh meminjam wang dan peminjaman itu mestilah mendapat persetujuan daripada Menteri dan juga Menteri Kewangan.

Begitu juga seksyen 34(2), *"The corporation may from time to time, with the prior approval of the Minister and the Minister of Finance, borrow money by the issue of bonds, debentures, stocks and other securities".*

Jadi ini semua menunjukkan bahawa kuasa Menteri ini begitu luas.

Seterusnya seksyen 35...

■1630

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Sepang, sikit boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Yes.*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Sepang. Ini kerana tadi Yang Berhormat Sepang bercakap dengan penuh semangat mengenai Jho Low dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Sepang berasa bimbang dengan pindaan ini, kita akan melahirkan lagi dua, tiga orang Jho Low dan syarikat-syarikat yang akan membebankan kita?

Kedua, Yang Berhormat Sepang, adakah Yang Berhormat Sepang tidak nampak logik di sebalik pindaan ini? Saya nampak seolah-olah kerajaan tidak mampu lagi dari segi kewangan untuk menampung Perbadanan Harta Intelek ini. Oleh sebab itulah mereka terpaksa mengemukakan pindaan ini untuk membuat beberapa syarikat yang tentunya akan memberikan pulangan dari segi kewangan kepada Perbadanan. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada rakan saya daripada Bukit Katil. Saya bersetuju dengan soalan pertama ini. Soalan kedua ini, minta maaf, saya tidak nampak rasionalnya. Apa yang saya nampak apabila tubuh syarikat ini, ia akan mendedahkan kewangan negara kepada risiko yang tinggi sebab kita ada pengalamannya tadi, pengalaman yang pahit. Sebab, saya percaya bahawa walaupun niat mungkin baik tetapi apa yang berlaku itu sudah cukup menjadi pengajaran kepada kita bahawa kita mesti berhati-hati menubuhkan mana-mana syarikat apatah lagi dalam keadaan di sana wujudnya *conflict of interest* yang jelas yang seperti mana saya telah hujahkan sebelum ini. Jadi saya minta maaf, Yang Berhormat Bukit Katil, saya tidak boleh terima walaupun saya mungkin nampak rasional itu tetapi saya nampak pindaan ini tidak rasional. Saya tidak boleh nampak...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Boleh celah sikit? Celah sikit soal *conflict of interest.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang.

Kalau kita merujuk kepada Akta ibu, fungsi utama Perbadanan tersebut adalah untuk memastikan bahawa peruntukan akta ini dan perundangan harta intelek ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi. Ini sepatutnya fungsi korporat Perbadanan tersebut. Akan tetapi apabila kita masukkan kepada seksyen 17(i) yang saya sebutkan tadi, ini memberi kuasa kepada Perbadanan atau *Commission* untuk buat penyelidikan, kajian dan sebagainya. Ini jelas ada *conflict of interest* sebab, sebagai contoh, kalau hari ini saya ada satu harta intelek yang saya ingin dapatkan *patency* daripada Perbadanan, jadi saya perlu kemukakan harta intelek saya dengan dokumen-dokumen yang *complete* kepada Perbadanan. Orang yang akan meluluskan ataupun tidak meluluskan adalah Perbadanan. Dia boleh sengaja tidak lulus dan gunakan apa yang saya ada ini untuk serahkan kepada satu syarikat yang ditubuhkan oleh Perbadanan untuk lakukan siasatan, penyelidikan yang seterusnya dan menjadikan harta intelek itu sebagai harta intelek di bawah syarikat tersebut. Saya akan dirompak harta intelek tersebut daripada saya. Apabila perkara ini berlaku, ini jelas ada *conflict of interest* dan tidak sepatutnya diberikan kuasa untuk tubuhkan syarikat.

Saya rasa tujuan untuk tubuhkan syarikat bukan untuk subseksyen (e) dan (f) tetapi saya rasa tujuan di belakang pindaan akta ini adalah untuk subseksyen (i) di mana adalah khusus untuk hendak buat *business* dalam Perbadanan. Pandangan Yang Berhormat Sepang.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Sepang, tambah sikit?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak pandangan sebaliknya. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sepang. Mungkin pemilik harta intelek ini tidak mampu untuk dikomersialkan. Jadi sekarang ini Perbadanan ini menubuhkan syarikat untuk membantu komersialkan harta intelek dia. Maknanya jadikan sebagai *business*. Saya rasa banyak kalau dalam bidang sains, mereka tidak mampu untuk komersialkan.

Jadi tentulah kerajaan dengan syarikat ini membantu untuk komersialkan. Itu pandangan saya. Macam mana pandangan Yang Berhormat Sepang?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih kepada kedua-dua sahabat saya daripada Gopeng dan juga Hulu Langat.

Yang Berhormat Hulu Langat nampak cakap macam suara Barisan Nasional lah. Minta maaf, minta maaf. *[Disampuk]* Tidak, betul. Bagi saya, kalau BN hendak *justify* ini, inilah jawapannya. Akan tetapi bagi saya... *[Disampuk]* Tidak, saya cakap *"Macam"*. Relakslah. Lagipun PAS sudah baik dengan BN, apa yang hendak marahnya? Tidak tahukah? Ini kata orang, satu *public knowledge* sudah. Memang PAS baik dengan BN pun.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eleh Yang Berhormat Setiu, buat-buat tidak faham pula, Yang Berhormat Setiu. Semua orang tahulah...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kalau sudah habis, rasa hendak habis, berhenti sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Relaks lah. Yang tidak baik...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang tidak baik, bergaduh. Yang tidak baiknya bergaduh ya. Kalau berbaik, tidak ada salahnya. Dalam Islam pun menggalakkan kita berbaik-baik dengan semua orang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya lah, Islam memang baik-baik tetapi Islam juga tidak membenarkan kita sokong rasuah, sokong kezaliman. Sampai duit juta-juta hilang pun hendak sokong, mana boleh. Apalah Yang Berhormat Setiu, benda itu pun tidak faham.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sokong tipu pun tidak boleh juga.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak tuduh apa? Ini 1MDB ini semua orang tahu sudah, tidak payah tuduhlah. *Too obvious*-lah*. Come on*-lah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei, yang hendak tumbang, BN tadi. Tadi tidak ada orang sokong, hampir tumbang ini. Berlagak pula. Hendak sokong akta ini pun susah, hendak berlagak lagi. Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa layan budak-budak jahat itu. Budak-budak nakal lah, budak-budak nakal.

Okey, tentang soalan daripada Yang Berhormat Gopeng tadi, saya percaya, saya setuju dan saya minta supaya ucapan beliau itu dijadikan sebahagian daripada ucapan saya. Saya ingin menyatakan bahawa saya percayalah walaupun tujuan syarikat ini lebih hendak di-*confine* kepada bagi mencapai beberapa matlamat dalam subseksyen (d), (e) dan (i) yang mana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gopeng tadi, subseksyen (i) itu lebih kepada soal *research* ataupun soal pendidikan. Maknanya kita boleh gunakan syarikat ini untuk membuat penyelidikan.

Saya boleh setuju memang patutnya begitulah tetapi saya kata tadi, kita apabila kita buat undang-undang ini, kita dibayangi oleh apa yang dipanggil skandal 1MDB yang boleh dikatakan sampai tidak boleh dikawal lagi sudah. Oleh sebab itu kita berhak untuk suspek mana-mana syarikat yang ditubuhkan ini— saya minta maaf, dengan BN saya terpaksa bersangka jahat. Minta maaf. Untuk BN sahajalah, untuk lain mungkin tidaklah. Oleh sebab Barisan Nasional ini mempunyai pengalaman yang pahit mengendalikan syarikat, habis semua sudah, sebab itu kita tidak boleh dalam Parlimen ini hendak bersangka baik dengan Barisan Nasional. Minta maaf.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Sepang, boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh, boleh. Silakan Yang Berhormat Kelana Jaya..

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Dalam pindaan ini, isunya nampak jelas bahawa perlukan kelulusan Menteri Kewangan. Kita semua tahu— setuju atau tidak, kita semua tahu siapa itu Menteri Kewangan kita dan isu 1MDB memang jelas di bawah kawalan Kementerian Kewangan. Jadi minta pandangan Yang Berhormat Sepang, patutkah kita lebih berhati-hati dalam perkara ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya nasib baik, saya bukan Tun Dr. Mahathir. Kalau Tun Dr. Mahathir, dia hari-hari dia panggil Menteri Kewangan kita ini macam-macam istilah yang saya tidak hendak gunakanlah, malulah bukan? Hari ini pun Dr. Mahathir kata *"Malaysia Darul Penyangak"*. Darul penyangak. Ini Tun Mahathir bukan orang main-main, bekas Perdana Menteri kita. Bekas BN ini. *[Dewan riuh]* Tidak, dia kata...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Maha firaun, maha firaun. Penyangak dengan firaun lagi teruk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa ini? Yang Berhormat Setiu, kalau hendak bercakap, hendak minta pencelahan, kena bangun minta peraturan mesyuarat macam contohnya Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Gopeng. Ini bekas hakim pun tidak pandai, macam manalah.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang pun tidak ikut peraturan. Ikut suka cakap sahaja. Lain daripada ini pun dia bercakap. Tengok. Lain daripada pindaan pun. Melalut. Ini yang kata Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang ini mulut dia memang jahat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Whatever*-lah*, whatever*-lah*.* Layan sahajalah macam mana pun.

■1640

Saya ingin nyatakan Yang Berhormat Setiu sebenarnya ini peringkat perbahasan dasar, Yang Berhormat Setiu kena baca Peraturan 54.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bacalah 36(1)...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Baca juga Peraturan 54...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: 36(1) baca juga.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: 54 kata...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: 36(1) tidak boleh sentuh kepada akta induk. Sekarang Yang Berhormat Sepang bercakap pasal akta induk. Inilah masalahnya sekarang, bacalah betul-betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini bangun bawah peraturan...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: ...Pindaan, nanti selepas ini saya *explain*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini bangun peraturan apa pula ini. Tanpa kebenaran Speaker bangun, peraturan apa pula? Cakap pasal...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya belajar daripada Yang Berhormat Sepang lah ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya kalau – tidak apalah Yang Berhormat Setiu ini bolehlah, macam mana dia jadi hakim pun saya peliklah patut lah tidak naik pangkat jadi hakim Mahkamah Sesyen *je last*. Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Belum sampai masa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Belum sampai masa. Sudah berapa ramai yang sudah melepasi saya? Tidak adapun.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini sudah bercakap ini memang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dia menggunakan perkataan-perkataan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk Ahli Yang Berhormat. Duduk dahulu. Yang Berhormat Sepang duduk. Saya membiarkan tadi seolah-olah berdialog pasal baru saya

makan ubat tadi untuk kasi tenang fikiran. Jadi sekejap lagi ubat yang saya makan tadi kesannya akan hilang. Sila, teruskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua macam saya makan ubat juga. Sebab Yang Berhormat Setiu kacau saya tadi, saya lupalah, minta maaf. Jadi saya ingin menyatakan beginilah. Dalam akta induk ini, kita lihat banyak sangat peranan-peranan *Minister* dan yang lebih merisaukan saya, saya hendak beri contoh. Saya hendak bagi contoh seksyen 21(4). *"Minister may by order make notification as may be necessary to the scheme and terms and conditions…"* dan seterusnya *"…for the purpose of removing difficulties as the consequence of the provision of the section'.*

Maknanya kalau sekiranya dalam mengimplementasikan *provision* dalam akta ini, adanya wujudnya kesusahan-kesusahan, kepayahan-kepayahan *Minister* boleh tahu. *Minister* boleh *remove difficulty* itu. Jadi kalau sekiranya saya risau yang agak saya *concerned* ini ialah kalau sekiranya ada anggota – tadi ada kata anggota boleh dibuang tanpa sebarang sebab, selepas itu kalau *Minister* rasa peruntukan-peruntukan dalam akta ini mungkin boleh mengganggu hak dia untuk mungkin membenarkan syarikat ini berjalan mengikut yang dia hendak, dia boleh *remove difficulty* itu. Ini memberi peruntukan dalam akta. Sila baca Yang Berhormat Setiu. Saya sudah baca.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Setiu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, sila baca bukan suruh cakap.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya rasa Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sila baca, bukan suruh Yang Berhormat Setiu bangun.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang yang tak baca betul-betul. Ini syarikat dengan *corporation* berbeza, faham? Itu berkenaan dengan *corporation.* Ini berkenaan dengan syarikat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya lah.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Itulah yang kata, inilah yang susah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang, duduk. Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu tadi tanya Yang Berhormat Sepang kalau faham. Sekarang saya mahu tanya kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat, faham kah apa yang saya sebut tadi? Kesan ubat yang saya makan...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: ...sekejap lagi akan hilang.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey Tuan Yang di-Pertua, saya faham Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu Yang Berhormat Setiu faham tidak pasal apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi sebab Yang Berhormat Setiu tidak makan ubat, dia tidak fahamlah, saya mungkin faham kot.

Okey Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak katakan bahawa ada beberapa peruntukan dalam syarikat ini yang mana Menteri boleh saya katakan tadi, dia boleh macam kata orang itu macam *set aside* ataupun biarkan peruntukan-peruntukan ini tidak mengganggu dia. Ini yang saya risaukan sebab dalam membuat syarikat nanti ataupun katakan hendak menubuhkan syarikat tiba-tiba syarikat ini mungkin terlibat dalam perbuatan-perbuatan yang mungkin boleh mengancam kedudukan *corporation* itu tiba-tiba dia boleh *remove provision-provision* tertentu ini, yang ini sebab itu kita rasa akan menyebabkan *corporation* itu berada dalam bahaya sebab itu saya sebagai kesimpulannya menolak dengan sekeras-kerasnya pindaan yang dicadangkan ini. Saya tidak percaya ini akan menguntungkan *corporation,* terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Setiu.

4.45 ptg.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Giliran saya pula. Terima kasih, terima kasih. Daripada awal lagi saya rasa Yang Berhormat Sepang ini tidak faham langsung dengan peruntukan yang kita ada. Dalam peruntukan kita sekarang jelas, dia hendak bagi kuasa kepada perbadanan itu sendiri menubuhkan syarikat. Boleh menubuhkan syarikat dan kuasa Menteri hanya memberikan kebenaran, itu sahaja. Tidak disebut langsung maknanya kuasa Menteri dalam hal-hal syarikat. Langsung tidak sebut. Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang semua mengarut. Dia bercerita pasal perbadanan, dia tidak bercerita pasal syarikat. Ini masalah dengan Yang Berhormat Sepang. Ini kalau *lawyer* macam ini matilah, tidak tahulah saya.

Jadi kita kena lihatlah, okey. Jadi penubuhan syarikat ini sebenarnya hanya untuk yang disebut tiga perkara tadi. Berapa perkara, (e), (f) dan (i). Jadi perkara-perkara ini sahaja yang fungsi sebenar kepada syarikat itu, syarikat yang bakal ditubuhkan. Kalau tidak hendak tubuh pun tidak apa, kalau hendak tubuh pun boleh, itu sebenarnya apa yang diperuntukkan dalam akta kita. Ini bercerita mengarut benda-benda lain, kadang-kadang saya pun tidak faham.

Jadi kita kena lihat tujuan– tengok tujuan pindaan adalah ke arah itu sebab kita kena lihat selama ini perbadanan ini hanya dia *collect fees* dengan bayaran-bayaran tertentu sahaja, caj-caj tertentu sahaja jadi tidak banyak hasilnya. Akan tetapi kalau sudah diberi kuasa untuk membuat penyelidikan dan juga komersialkan hasil penyelidikan, sebab kita tidak kalau ada syarikat lain yang buat penyelidikan dan syarikat kita pula– yang ini syarikat bawah perbadanan hendak membuat penyelidikan kita tidak akan bertembung, buat penyelidikan hanya kepada perkara-perkara yang belum dibuat. Kalau yang orang lain sudah buat, kita membantu mereka, cara-cara macam mana hendak komersialkan penyelidikan mereka. Inilah sebenarnya fungsi-fungsi dan tugas Perbadanan Harta Intelek.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan Yang Berhormat Setiu.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya ingin bertanyakan Ahli Yang Berhormat Setiu, adakah kerja-kerja penyelidikan tidak dapat dilakukan jikalau tiada syarikat ditubuhkan. Saya rasa ini tidak menjadi satu masalah kerana memang mereka telah diberikan kuasa. Semua kerja ini boleh dilakukan oleh perbadanan walaupun tanpa syarikat ditubuhkan. Minta penjelasan.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Perbadanan, dia tidak ada kuasa untuk membuat penyelidikan dan komersialkan sebab dia perbadanan. Jadi dia beri kuasa kepada syarikat untuk membuat penyelidikan dan juga membantu penyelidik-penyelidik lain. Itu jawapan saya kepada soalan.

Jadi kita kena lihat banyak kalau aktiviti-aktiviti perbadanan ini hendak bagi kesedaran kepada orang awam, hendak bagi latihan, hendak bagi promosi dan sebagainya memerlukan kos-kos yang tinggi. Jadi kos-kos yang tinggi ini, kita kadang-kadang tidak mampu kalau sudah terlampau banyak. Dengan ada kesedaran nanti mungkin akan ada mereka-mereka yang faham, yang mereka sedar perlu daripada hasil penyelidikan mereka perlu dikomersialkan maknanya akan banyak lagi tugas-tugas yang perlu dibuat oleh pihak perbadanan itu sendiri. Jadi di sini lah pentingnya kenapa seksyen 35A itu diadakan, itu sangat penting.

Kalau disebut dari segi pelaburan, maknanya dalam kes kita ini dia boleh melabur dalam komersialkan hasil penyelidikan. Kita boleh ikut contoh agensi lain, contohnya katalah yang EPF katakan. EPF cara dia melabur, dia boleh melabur ke US, makna pelaburan yang dibuat selama ini sudah dalam dua tahun ini lebih kurang tujuh *billion* US. Banyak sudah yang dilaburkan.

■1650

Jadi adanya pelaburan baru hendak dibuat tiga atau empat bilion adalah satu perkara yang baik. Akan tetapi, masalahnya sikap kita, rakyat kita bukan rakyatlah sesetengah Ahli Parlimen atau yang di luar-luarlah yang suka mencari salah kerajaan. Bila EPF hendak melabur sudah macam-macam, tuduhan-tuduhan. Padahal, EPF melabur hanya 29 *percent* sahaja. Dia tidak banyak dia melabur. 29 *percent* daripada pelaburan keseluruhan di luar negara 29 *percent*.

Akan tetapi, hasilnya melebihi pelaburan dalam negara walaupun dalam negara 71 *percent*. Jadi, itulah yang boleh dibayar sahaja kepada dividen-dividen setiap tahun. Melebihi 5 peratus. Tidak macam satu masa satu ketika. 2002 kita tengok, dividen dia bayar hanya 4 peratus. 2002, zaman siapa 2002? Zaman siapa? Zaman bila? Kerana apa? Masa itu dia *bail out,* dia beli syarikat-syarikat yang bankrap. Kerajaan beli syarikat bankrap. Itu menyebabkan ekonomi merudum dan apa jadi?

Jadi, tidak ada dividennya kepada rakyat. Sekarang kita buat satu syarikat yang ke arah itu. Jadi, tidak salah. Jadi, itulah bermacam-macam tuduhan liar. Bila EPF hendak melabur dekat US, tuduhan-tuduhan liar datang. Orang itu beri arahan, orang ini beri arahan. Dia tidak sedar bahawa dalam EPF itu sendiri ada akta. Seksyen 18 dalam EPF sendiri menyebut siapa dalam panel pelaburan. Dia ada wakil daripada Bank Negara. Ada tiga orang yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan dan juga dalam pelaburan.

Jadi, mereka-mereka ini sebenarnya yang menentukan ke mana hendak dilaburkan. Begitu juga dengan di sini. Syarikat yang bakal ditubuhkan itu sebenarnya yang akan menentukan pelaburan-pelaburan yang perlu dibuat. Apa penyelidikan yang perlu dibuat. Kita tidak boleh main ambil penyelidikan orang lain dan kita komersialkan. Tidak. Tidak benarkan langsung. Jadi, kena faham. Dalam kita bercakap ini kadang-kadang lari daripada tujuan sebenar akta ini dipinda.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Setiu. Laluan sebentar. Soalan sedikit. Adakah tepat apa yang Yang Berhormat Setiu katakan tadi bahawa dia tidak boleh menggunakan penemuan orang lain untuk diniagakan atau diusahakan oleh syarikat yang ditubuhkan oleh perbadanan. Ini kerana saya faham daripada penubuhan syarikat ini ialah untuk menubuhkan satu syarikat yang mana harta intelek orang itu yang tidak diusahakan boleh diusahakan oleh syarikat yang ditubuhkan oleh perbadanan. Terima kasih.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh: Tidak timbul. Kalau kita baca 17(i) jelas. 17(i) itu dia kata untuk menjalankan penyelidikan. Bermakna bukan makna ambil penyelidikan orang lain —tidak. Menjalankan penyelidikan dan untuk mengkomersialkan kajian. Itu sahaja. Yang kita buat, yang syarikat baru yang bakal ditubuhkan buat. Bukan maknanya syarikat yang telah buat, kita ambil daripada dia orang —tidak. Yang dia orang sudah buat kita bantu. Itu sahaja.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Setiu, mencelah boleh?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh: Jelas.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Ini balik kepada persoalan yang sama yang saya bangkitkan tadi. Ini, kita adakan perbadanan untuk urus tadbir, untuk tadbirkan soal harta intelek. Jadi, perbadanan ini sebagai *regulatory body*. Takkan *regulatory body* sendiri pun hendak buat *business* dalam bidang di mana dia sendiri jadi *regulatory body*. Ini jelas *conflict of interest*. Ini misalannya kalau kita katakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), SPAD yang berikan lesen untuk pemandu lori dan sebagainya.

Kalau SPAD sendiri hendak uruskan hendak buatkan syarikat teksi, syarikat *transport* — bolehkah itu? Memang tidak boleh. *Conflict of interest*. Kalau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) beri lesen untuk pemandu. JPJ boleh buat sekolah memandu kah tidak? Mesti tidak boleh. Sebab itu *clear cut, conflict of interest*. Perkara macam ini pun sama. Sebab kalau apabila ada satu syarikat ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan sudah jelas seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu itu bahawa tujuan syarikat itu adalah supaya boleh dapat keuntungan. Dapatkan pulangan.

Jadi, apabila ada syarikat swasta didaftar sebagai Akta Syarikat. Jadi, pasti syarikat itu perlu tunjukkan keuntungan dan perbadanan ini bertanggungjawab atas pendaftaran paten. Jadi, apabila ada saintis yang kemukakan paten *application* untuk paten, permohonan untuk paten. Perbadanan ini ada hak. Ada kuasa untuk sama ada terima daftar tersebut ataupun tolak daftar tersebut. Bagaimana kita boleh menjamin bahawa pemohon paten tersebut tidak dibelakangkan, *betrayed*. Sebab kita pernah lihat apabila paten tersebut mungkin perbadanan boleh berikan alasan bahawa *or* atas sebab-sebab tertentu, tidak memenuhi syarat untuk dijadikan, didaftar sebagai paten dan seterusnya paten itu ditolak.

Kemudian, syarikat itu boleh teruskan penyelidikan supaya dia boleh sempurnakan dan didaftarkan sebagai paten. Jadi, orang asal yang buat penyelidikan itu rugi. Kalau sampai, okey kalau kita katakan syarikat ini hendak buat penyelidikan. Kita ada universiti, ada syarikat swasta, ada individual, ada SME-SME yang boleh buat penyelidikan. Kenapa kerajaan perlu buat penyelidikan? Kerajaan *cannot do business orientated research*. Tidak boleh. Kalau hendak pun *social science*, ekonomi, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tanya Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat. Tanya Yang Berhormat Setiu punya pendapat boleh ke tidak?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Inilah, belum sampai soalan itu. Soalan ini seperti Tuan Yang di-Pertua. Boleh tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Jalan terlampau panjang Yang Berhormat Gopeng. Ini mencelah sahaja. Yang Berhormat Setiu punya *floor*.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Adakah Yang Berhormat Setiu setuju pandangan yang saya sampaikan tadi? Sekian. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh: Kalau Yang Berhormat Gopeng tanya saya, tidak setujulah. *[Ketawa]* Dia tidak ada *conflict of interest*. Itu saya sudah beritahu. Saya sudah *explain* tadi. Penyelidikan maknanya bukan kita ambil yang orang punya. Penyelidikan baru, yang orang lain tidak buat. Kalaulah sepatutnya ada perjumpaan-perjumpaan baru sepatutnya kita boleh komersialkan ia dan menjana ekonomi negara dan kita membantu negara. Tidak salah. Itulah yang jawapan saya.

Sebelum saya menutup. Saya ingin kongsilah beberapa perkara mengenai dengan harta intelek ini. Dalam dunia kita ini ada pemilik-pemilik, kita tengok harta intelek ini yang berada di dalam ranking yang teratas dunia. Kalau kita lihat macam Coca-Cola, Google, IBM, McDonald's dan sebagainya. Dalam kes-kes cap dagangan juga, kita tengoklah ada dalam kalau Malaysia kita ini, ada TV3 didaftarkan dalam cap dagangan, Proton dan sebagainya. Kalau kita lihat dahulu ada satu masa dahulu, tahun 2006 tidak silap saya lebih kurang kes McDonald's dengan McCurry bergaduh fasal cap dagangan. Akan tetapi, akhirnya saya rasa McCurry yang menang.

Jadi, inilah yang perlu sebenarnya rakyat kita ke arah itu. Di Thailand kalau kita lihat ada macam Starbucks Coffee itu dia tukar kepada Starboom. Jadilah sudah tidak bolehlah. Makna orang lain yang ikut cap dagangan yang sama dan lain-lain juga kita tengok dalam reka bentuk perindustrian. Kita tengok ada kes lampu di Putrajaya. Macam mana pemasangan lampu yang berteraskan mengikut dua syarikat England ini, dia kata sama dengan apa yang dia reka. Lampu itu dalam bentuk tepak sirih dengan kerongsang cocok sanggul. Dia ada bengkok sedikit. Itu dia kata dia punya.

Dalam ada juga perkara yang berkenaan dengan petunjuk geografi. Dalam kita lihat, iaitu dalam menentukan indikasi sesuatu barang itu berasal. Kalau kita lihat di Sarawak kita ada Beras Bario. Beras Bario.

■1700

Kalau di Sarawak juga kita ada Sarawak *pepper*, semua didaftarkan tapi satu lagi yang kita rasa perlu daftar juga gambir Sarawak, ada orang Sarawak? Tidak ada ya? Gambir Sarawak pun kalau boleh kita daftarkan. Kita tahulah apa dia punya manfaatnya daripada gambir Sarawak ini. Kalau di Sabah kita tengoklah, ada Yang Berhormat Tenom? Tidak ada ya. Tenom *coffee* pun dia daftar, tengok. Minyak kelapa dara Borneo, Sabah Tea. Semua itu daftar. Ini yang penting, yang lain-lain juga kita perlu daftarkan juga.

Kalau di luar negara kita tengok, kalau contoh paten itu luar negara ia ada penghasilan kuda dengan zebra dikahwinkan. Bapanya zebra, ibunya kuda jadi kalau tengok separuh ada belang, ada putih separuh. Nama apa tidak tahu. Nama saya tidak boleh bagi tahulah. *[Disampuk]* Lebih kurang. Ia macam itulah, benda-benda macam inilah kita kena cari. Inilah tujuan penubuhan syarikat. Saya rasa setakat itu sahaja dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, jaket putih. Silakan.

5.01 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar ucapan daripada rakan-rakan saya sini, sama ada sebelah sana dan juga sini. Saya rasa kita semua ada satu pertanyaan iaitu syarikat yang akan ditubuhkan di bawah MyIPO ini. Apakah jenis fungsinya ataupun tugasnya kerana ia tidak jelas.

Di sini saya rasa kita nampak Kerajaan Pusat kita ini adakah itu sebab tidak cukup duit. Semua perkhidmatan kerajaan nampaknya mahu diswastakan. Saya lihat di Kementerian Dalam Negeri, pendaftaran pekerja asing mesti melalui MyEG dan visa bagi warga China untuk melancong di Malaysia ini itu mesti melalui satu syarikat swasta. Perkara-perkara yang sebenarnya dibuat yang boleh dilakukan oleh pegawai kerajaan kita semuanya saya nampak diswastakan. DBKL parkir tepi jalan pun diswastakan, yang sebelum ini yang parkir di tepi jalan di pusat bandar Kuala Lumpur ini dikutip oleh pegawai penguatkuasaan DBKL tapi ini diswastakan.

Saya lihat sekarang satu lagi perkhidmatan yang di bawah MyIPO ini diswastakan. Jadi saya hendak tanya kalau semua perkhidmatan ini diswastakan oleh MyIPO, apa tanggungjawab MyIPO lagi? Saya baru masuk tengok laman web MyIPO ini dia ada buat beberapa perkara, adakah semua ini diswastakan atau kementerian akan pilih satu, dua bentuk perkhidmatan yang mereka rasa perlu diswastakan? Saya rasa bila Menteri jawab haruslah beritahu kepada kita semua di Dewan yang mulia ini supaya kita tahu apakah tujuan bagi kementerian untuk menswastakan ataupun menubuhkan syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tanya selepas penubuhan syarikat, kerja yang dilakukan oleh pegawai kerajaan diswastakan kepada syarikat. Jadi adakah ini bermaksud Kerajaan Pusat tidak perlu bagi peruntukan kepada bahagian MyIPO ini? Adakah ini salah satu cara bagi kerajaan untuk jimatkan wang? Jadi semua ini saya rasa Timbalan Menteri kita perlulah jawab.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kerajaan betul-betul perlu tubuhkan syarikat di bawah MyIPO ini. Saya hendak cadangkan supaya satu suruhanjaya khas didirikan untuk semak latar belakang anggota lembaga syarikat swasta. Saya hendak cadangkan supaya suruhanjaya khas itu terdiri daripada wakil daripada Persatuan Pengguna, organisasi harta intelek dan wakil daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kesihatan selain daripada Kementerian Kewangan.

Saya rasa ini adalah perlu, tujuan penubuhan suruhanjaya khas ini adalah untuk yang pertama, membendung tambahan fi untuk apa-apa jenis permohonan dan pemprosesan harta intelek yang dilakukan oleh syarikat itu. Kedua, membendung keputusan yang mempunyai unsur penyelewengan dan keputusan yang tidak adil atau berpihak dari segi pemberian pendaftaran harta intelek atau apa-apa keputusan dalam perbalahan intelek. Jadi wakil-wakil dalam suruhanjaya khas ini akan memastikan supaya penyelewengan tidak akan berlaku.

Ketiga, yang tujuan suruhanjaya khas adalah untuk memastikan supaya Menteri tidak boleh buat keputusan untuk luluskan apa-apa syarikat sahaja dan yang mana suruhanjaya khas ini haruslah membantu Menteri untuk menyemak, untuk *vet* latar belakang syarikat dan juga anggota lembaga pengarah dalam syarikat itu. Semua ini adalah juga untuk memastikan penubuhan syarikat ini dilakukan secara adil dan juga telus.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin hendak tanya Timbalan Menteri, dengan penubuhan syarikat ini adakah tender terbuka akan dilakukan kerana saya pernah mencabar keputusan DBKL untuk menswastakan parkir di tepi jalan itu di mahkamah. Saya cabar dengan cara *judicial review* di mahkamah kerana saya mendapati yang syarikat yang diswastakan itu sebenarnya DBKL tidak pilih melalui tender terbuka. Jadi adakah pihak MyIPO atau kementerian ini akan lakukan ini melalui tender terbuka?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin bangkitkan satu perkara yang saya rasa pihak kementerian dan MyIPO haruslah juga ambil perhatian kerana saya dengar tadi Yang Berhormat Setiu di kata bagi paten, bagi beras, kopi termasuk kopi Tenom dan sebagainya. Saya agak bimbang dengan cadangan seperti itu. Kalau ini dibuat maksudnya harga barang kita ini akan naik lagi kerana semua ada paten, kena bayar paten, fi paten. Bagi petani kena bayar fi paten kepada syarikat-syarikat tertentu.

Saya hendak menarik pihak kementerian tentang apa yang berlaku oleh sesetengah syarikat besar di luar negara di mana syarikat yang besar seperti Monsanto, DuPont dan juga macam RiceTec di Texas dan sebagainya. Mereka telah pun menggunakan dalam bentuk mengadakan kajian bioteknologi tapi mereka menggunakan tumbuhan yang semula jadi, yang asli itu. Dijadikan – mereka patenkan dan lepas itu yang para petani kena bayar fi yang tinggi, paten yang tinggi untuk beli bijian daripada syarikat-syarikat besar ini. Khususnya kita lihat macam dalam kes Monsanto, yang syarikat Monsanto ini di mana 95 peratus daripada bijian kapas, *cotton seeds* di India ini sebenarnya di kawal oleh syarikat Monsanto. Ini adalah salah satu bentuk menjadikan sesuatu tanaman itu lebih mahal. Ini adalah yang mana kita tidak mahu berlaku di negara kita.

Saya harap pihak kementerian dan MyIPO ini boleh ambil perhatian yang apa-apa barangan untuk memastikan makanan, perubatan, flora dan fauna tidak dimiliki atau dimonopoli oleh syarikat besar dan syarikat asing seperti Monsanto, Bayer dan juga yang lain. Ada benda yang disebut tadi macam sawah padi dan beras ini sebenarnya tidak harus adakah paten demi menjamin supaya harga makanan kita ini di bawah kawalan. Kerajaan mesti membangunkan dan melindungi hak intelek kita ini supaya rakyat – demi melindungi kebajikan rakyat supaya bukan bagi pihak syarikat swasta untuk mengaut keuntungan.

■1710

Di sini sebenarnya saya juga hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang saya tahu pakar sains di negara China telah cuba mendaftarkan paten herba di Malaysia di negara China dan ini dibantu oleh juga pakar sains Malaysia yang sebenarnya yang bekerjasama dengan mereka. Jadi, saya hanya bimbang, lain kali kalau mungkin sesetengah herba yang mana ini tumbuhan Malaysia ini, ia di *patented* dan kita perlu bayar harga yang tinggi untuk mendapatkan yang sesuatu herba itu. Sebenarnya, sekiranya kita mempunyai pemilik harta intelek yang berwarga Malaysia yang berlainan di Malaysia, jadi semakin kurang kesihatan dan kewangan kita ini dikawal oleh syarikat besar.

Akhirnya, saya juga hendak cadangkan yang syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan oleh pihak MyIPO ini, syarikat ini mestilah tulus dari segi laporan tahunan mereka. Mereka haruslah- saya rasa yang laporan tahunan ini dan juga prestasi mereka ini adalah lebih baik kalau ia dipantau oleh suruhanjaya khas yang saya cadangkan itu supaya kita boleh pastikan yang syarikat itu bukan untuk mengaut keuntungan dan mengabaikan kepentingan kita semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.12 ptg.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan Yang Berhormat Kota Tinggi untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Harta Intelek ini. Saya ingin menyentuh mungkin dari perspektif berbeza sikit daripada rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya ingin melihat sudut dari segi potensi yang dapat kita garap hasil daripada kita mengadakan satu mekanisme yang kita panggilkan atau undang-undang yang membolehkan perbadanan ini mewujudkan syarikat dan dibanding kalau kita tidak mengambilkan langkah-langkah awal kini dan menyebabkan kita kerugian di masa depan.

Saya ingin menyentuh sikit tentang potensi yang ada di dalam *Intellectual Property Rights* ini. Secara awalannya, menurut laporan daripada *United States Trade Representatives Department, Office of Investment Affairs, that climate statement* pada tarikh 25 Julai 2017, masih baru lagi. Malaysia yang kita faham dulu telah keluar daripada *Watch List 301* tahun 2012 dan kita telah pun *comply* dengan *World Intelectual Property Organization* (WIPO) dan pada 2003 kita telah melangkah lebih baik lagi, kita mengadakan langkah-langkah untuk membuat perlindungan kepada hasil intelektual ini melalui beberapa inisiatif oleh kerajaan, melalui *Special Anti-Piracy Task Force* contohnya dan iaitu *Special Internet Forensic Unit* (SIFU) yang mana elemen perlindungan ataupun *anti-piracy* ini atau penguatkuasaan ini amat penting untuk memastikan bahawa *intellch property rights* kita atau hasil intelektual ini tidak terganggu. Sekiranya kita dapat lakukan secara sistematik dengan struktur yang baik, maka ini akan memberi keyakinan yang banyak kepada bukan sahaja rakyat tempatan dan juga kepada pelabur-pelabur yang ingin membuat *research* atau *development* atau pendidikan atau *development* kepada produk-produk, terutamanya hasil yang kita dapatkan daripada hasil dalam negeri.

Contoh, baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita telah luluskan rang undang-undang mengenai biodiversiti contohnya. Kita tahu negara kita antara negara yang tertinggi di dunia mempunyai biodiversiti, aset biodiversiti yang tinggi. Ini boleh diterjemahkan dalam bentuk-bentuk produk-produk yang boleh menjana perdagangan, pelaburan berskala besar yang akan menjamin kesejahteraan negara dalam jangka masa separa dan panjang. Kita lihat kalau ada, kita sudah luluskan biodiversiti dengan Protokol Kyoto, sekarang ini kita hendak luluskan rang undang-undang ini dan saya rasa ini adalah bertepatan sekali. Cuma yang banyak diperbincangkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat tadi tentang pentadbiran, pengurusan, mungkin dari segi siapa boleh lantik siapa dan sebagainya.

Akan tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa negara kita akan menjadi negara maju tahun 2020 dengan KDNK kita mencecah RM2 trilion. Akan tetapi menurut *PricewaterhouseCoopers,* tahun 2030 tidak lama, 13 tahun daripada sekarang. Kita punya KDNK atau *gross domestic product* kita akan mencecah USD1.506 trilion. Atau kalau kita ikut *purchasing power priority,* kali 4.2, ia akan mencecah RM6 trilion. Tahun 2020 - RM2 trilion, tahun 2030 - RM6 trilion. Ini Malaysia saja, tidak termasuk ASEAN. 6 negara ASEAN terbesar mempunyai KDNK *purchasing power priority* sebanyak hampir USD15 trilion. Bukankah ini satu potensi-potensi yang kita kena melihat secara holistik? Oleh kerana kalau kita tidak mempunyai satu kerangka yang kuat dalam negara yang menggalakkan *intellectual property* berkembang dengan subur dalam negara, kita akan mengalami satu defisit di mana negara-negara yang sekeliling kita, Thailand, Vietnam. Saya ada senarai sini Tuan Yang di-Pertua, yang akan berada hampir dengan kita, Vietnam USD1.3

trilion, Philippines USD1.6 trilion, Thailand USD1.7 trilion dan Indonesia USD5.4 trilion yang mana potensi kita agak seimbang.

Kalau sebelum ini macam Yang Berhormat Seputeh cakap, Mosanto, buat pengetahuan sekarang, KDNK dunia tidak sampai USD80 trilion. Akan tetapi tahun 2030, ia akan menjadi USD130 trilion hingga USD140 trilion. Tambahan USD60 trilion yang mana ini datang hasil daripada pembangunan yang begitu pesat di negara-negara contohnya Vietnam, Thailand, Malaysia, India, Pakistan, Bangladesh, Jepun, Korea dan China terutamanya. Ini akan- dengan keadaan seimbang ini menjadi pra-syarat kepada negara ini untuk bersaing, mempunyai kapasiti intelektual rakyat yang tinggi dalam negara. Kalau ini tidak kita punyai, kalau ini tidak menjadi kekuatan kita, kita akan kehilangan dalam masa yang tidak lama. 13 tahun, 15 tahun kita akan tertinggal.

Itu sebabnya kita kena melihat usaha kerajaan yang amat-amat murni untuk menyediakan satu kerangka yang kuat untuk membina kapasiti dalam negara yang akan mengetengahkan produk-produk yang mempunyai *property rights* dari negara kita sendiri dan kita mempunyai aset dan potensi untuk berkembang ke arah itu. Itu sebabnya kita memerlukan satu kerangka yang spesifik, yang bersifat dinamik, yang bersifat berdiri atas kaki sendiri dan ia sentiasa memantau pada tahap *day to day* yang secara seiring supaya kapasiti ini dapat dibina dalam cepat dan ia akan memberi peluang, potensi, yang begitu baik kepada negara kita.

Kita mesti bercakap fasal ekonomi sebab bila ekonomi yang besar, itulah pernyataan bahawa ada permintaan yang tinggi. Kalau kita buat perancangan penyelidikan, kita tidak dapat tolak daripada melihat kepada keperluan permintaan yang tinggi. Kita maklum bahawa kepentingan permintaan di negara kita, di rantau kita, di kluster India, Bangladesh dan Pakistan, di kluster China dan Korea begitu besar sekali. Kita telah lakukan langkah-langkah yang terbaik. Biodiversiti kita telah lulus. Kita telah gerakkan Akta Perdagangan Perkapalan Saudagar untuk menarik lebih ramai tumpuan kegiatan ekonomi di sekitar kita. Kita telah luluskan MAVCOM untuk mengembangkan lagi industri penerbangan kita.

Ini satu lagi inisiatif yang saya sangat– amat bertepatan untuk kita *complement* atau menyediakan satu kerangka yang *solid* untuk negara kita mendepani persaingan yang akan mendatang sehingga tahun 2030 dan seterus kepada tahun 2050. Jadi bagi saya, pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, keperluan rang undang-undang ini mesti dilihat di konteks yang lebih besar. Kalau kita dapat menggalakkan begitu ramai kapasiti dalam negara, menggarap kebolehan dalam negara untuk menghasilkan produk-produk yang mempunyai *intellectual property rights* yang tinggi, yang bukan sahaja hanya untuk domestik tetapi bersifat global, dan kita mempunyai potensi untuk pergi ke global dan ini akan dapat membantu kita pada jangka masa yang panjang.

Hari ini persekitaran dunia sudah berubah. Kalau dulu kita lihat kereta-kereta pakai *internal combustion engine.* Tahun 2030, sudah banyak sudah syarikat-syarikat, negara sudah memastikan, mewajibkan kereta-kereta ini akan pakai elektrik atau hybrid.

■1720

Baru-baru ini Volvo yang dimiliki oleh Geely, ini bermakna Volvo dengan Proton ini sepupulah. Volvo akan mengadakan kereta elektrik dan hibrid pada tahun 2030. Semua kereta dia mesti ada sama ada hibrid ataupun *electric base*. Maknanya dia akan *make way* dengan *internal combustion engine*. Ini memerlukan satu lonjakan yang besar dan memerlukan begitu banyak produk lain atau line items yang akan memenuhi permintaan-permintaan ini. Negara-negara besar seperti China juga sedang menghampiri ke arah itu. Ini satu contoh perubahan yang mana kita mesti mempunyai kebolehan untuk *adapt*, berubah dan kita mesti mempunyai kapasiti untuk mendepani perubahan-perubahan ini.

Antara lain ialah mesti mempunyai kapasiti dalam negara yang tinggi dan kita tidak terkecuali daripada mempunyai aset-aset yang baik. Contohnya dalam *agrobusiness*, kita ada FELDA contohnya mengeluarkan hasil benih sawit 'Yangambi' yang begitu popular. Kita ada produk-produk lain tetapi malangnya produk-produk yang begitu besar *branding* ini tidak begitu banyak. Ada yang besar tetapi tidak begitu banyak kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang hebat bersaing dengan kita hari ini.

Negara-negara ini saya yakin sedang kita bercakap dalam Dewan ini, negara ini juga memikirkan kerangka yang *solid* untuk negara-negara mereka membina kapasiti untuk mengeluarkan produk-produk, *the property right* ini yang akan boleh menjana ekonomi masa depan. Malaysia mempunyai kelebihan. Itu sebabnya kita kena tarik bukan sahaja pakar-pakar ataupun *institute development* dalam negara menghasilkan produk-produk ini yang mempunyai- dan terjamin.

Kita juga berupaya menarik pelaburan di luar yang akan menjadikan Malaysia sebagai *base* untuk mengeluarkan hasil-hasil produk yang begitu luas, contohnya produk-produk farmaseutikal. Contohnya produk-produk yang berkaitan dengan *agrobusiness.* Contohnya produk-produk yang berkaitan dengan kecantikan dan sebagainya yang mana kita tahu contohnya Korea, telah berjaya menggerakkan ekonominya melalui *branding* K-pop yang bukan hanya muzik dan hiburan tetapi melibatkan cara hidup, *lifestyle*, kecantikan dan khususnya kesihatan.

Perkara yang sama juga kita perlu lihat dalam konteks yang besar. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pembentukan perbadanan ini dengan kapasiti yang akan kita *empower* melalui undang-undang ini akan membolehkan mereka menjalankan program-program *engagement* atau memberi kesedaran atau menggalakkan dan sebagaimana Yang Berhormat Hulu Langat cakap tadi, ramai antara *researcher* kita mempunyai kebolehan tetapi tidak mempunyai kapasiti yang cukup untuk menjadikannya *commercially viable*.

Saya juga setuju dengan Yang Berhormat Rasah tadi, kalau kita semata-mata mengharapkan *government*, ini bukan satu trend yang menurut. Kita ke arah negara maju, kita mesti memudahcarakan, *facilitate* atau menggalakkan badan-badan perbadanan seperti ini supaya mereka mempunyai kapasiti, membina kapasiti agar kita mempunyai *research development* yang tinggi, kita mempunyai harta intelektual yang tinggi dan yang terbaik ialah kita boleh menarik mereka dari luar negara bukan sahaja untuk melabur, tetapi juga membina kapasiti *research development* dalam negara kita. Juga universiti-universiti yang sekarang ini terbabit dengan *translational research development* juga membuat *engagement direct* dengan kumpulan-kumpulan masyarakat di bawah sana dan memberi mereka peluang untuk meningkatkan kapasiti mereka dan menjadikan mereka sebagai berpotensi juga untuk menghasilkan produk-produk yang boleh berdaya saing dan akhirnya membina ekonomi yang lebih besar. Jadi saya rasa, rang undang-undang yang kita bincang pada hari ini adalah sesuai dan selaras dengan usaha dan inisiatif keseluruhan kerajaan dalam Dasar Transformasi ini untuk menjadikan negara kita lebih kompetitif pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga pada hari ini dengan baru-baru ini kita diiktiraf sebagai negara yang paling baik untuk melabur atau *investment* oleh *Wharton School of Business* daripada *University Pennsylvania* pada tahun 2017 dan kita diiktiraf oleh *World Bank* melalui Laporan *Doing Business.* Negara kita adalah di ranking ketiga dalam dunia daripada segi perlindungan kepada *investment* dan *investor*. Jadi, ini adalah satu lagi petanda bahawa kita boleh menarik lebih ramai pakar intelektual untuk menggerakkan aktiviti yang boleh meningkatkan lagi kapasiti *intellectual property right* di Malaysia. Dengan adanya rang undang-undang ini, saya rasa kita menuju ke arah landasan yang betul. Cuma kita kena melihat perkara-perkara *detail* tentang pelaksanaan yang boleh meningkatkan lagi keyakinan mereka untuk datang ke Malaysia.

Satu lagi, saya tengok dengan adanya rang undang-undang ini, kita memberi *empowerment* atau pemerkasaan kepada perbadanan dan melalui syarikat-syarikat tadi untuk mereka dapat buat *continouos engagement* ataupun membuatkan penyeliaan secara berterusan tentang trend-trend atau perubahan-perubahan atau keperluan-keperluan yang terkini yang menjadi permintaan berasaskan *demand driven*, permintaan daripada industri yang sentiasa berubah daripada semasa ke semasa. Dengan adanya pakar-pakar ini, dengan adanya syarikat-syarikat ini dan melalui penyeliaan daripada perbadanan, kita yakin bahawa negara kita akan mempunyai kapasiti yang baik supaya kita dapat menjadikan negara kita pusat kepada pembangunan.

Dan juga kita juga mempunyai kelebihan sebab kita juga sedang merancang untuk membina kapasiti digital ekonomi kita pada tahun 2020 dan seterusnya. Malaysia juga mempunyai kapasiti yang tinggi sebagai pusat produk-produk yang halal. Ini antara lagi aset yang kita ada yang perlu kita garap bersama supaya ekonomi kita dapat dibina berdasarkan produk-produk yang boleh kita mempunyai *intellectual property right* dan dengan adanya rang undang-undang ini, perbadanan ini atau mekanisme ini dapat kita jadikan satu batu loncatan untuk memberi pulangan yang lebih besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak lagi nak cakap tetapi saya ingat masa dah pendek. Jadi, saya ingin menyokong rang undang-undang ini dan saya menyeru kepada seluruh Yang Berhormat untuk melihat aspek rang undang-undang ini daripada sudut yang lebih besar dan sudah tentu kita akan perbaiki daripada semasa ke semasa. Kalau kita melihat daripada sudut dan segi negatif, kita tidak bergerak ke mana-mana. Jadi kita jangan berprasangka, kita kena melihat ini sebagai kepentingan negara. Oleh kerana atas sebab itu saya menyeru supaya rang undang-undang ini diberi sokongan. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.27 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan ini pendek. Saya rasa ada tiga minit atau empat minit sahaja. Saya akan terus kepada poin saya. Saya dah dengar tentang isu kecurian harta intelek dan juga kelemahan *enforcement*. Itu isu besar. Tiap-tiap tahun isu yang sama. Saya nak bahas sedikit tentang dasar-dasar lain. Bagi saya, harta intelek adalah juga satu isu negatif. Harta intelek bakal memberi keuntungan yang melampau kepada syarikat-syarikat khasnya syarikat media dan juga syarikat farmaseutikal. Yang Berhormat Sungai Siput dengan saya memang di TPP dulu, isu farmaseutikal ini penting sangat.

Jadi bagi saya, kita perlu risau juga sekiranya undang-undang harta intelek ini terlalu *stringent, too tough.* Ia boleh mencekik kreativiti dan juga *abuse or stop the right of people to knowledge and information.* Ini adalah apa yang dikatakan iaitu bahawa pengguna-pengguna internet suka dengan konsep *creative commons* untuk memperkuatkan hak cipta yang boleh ditambah pulih dan tambah baik mengikut undang-undang. Oleh yang demikian, pada dasarnya saya meminta Ahli-ahli Parlimen untuk memberi perhatian yang lebih tentang isu ini.

Kawan baik saya Yang Berhormat Kota Tinggi, ya memang perlu kita kena *protect intellectual property* tetapi kita kena lihat *the other side of the coin also*. Bukan semua undang-undang harta intelek adalah baik dan bukan semua *creative commons* jahat. Isu asasnya bagi saya ialah sama ada undang-undang harta intelek yang *stringent* ini memberikan pulangan terlampau atau tidak kepada gergasi-gergasi korporat. *That is the final test* pada *intelectual property right.* Tuan Yang di-Pertua, saya dulu peguam korporat dan juga peguam *information technology*. Memang penting, kita kena tanya, *are they earning too much money* sebab banyak rakyat, satu dunia perlukan *the right to knowledge and information*.

Saya merujuk kepada kes Pharma Bro ataupun Martin Shkreli, bekas CEO Turing *Pharmaceuticals* yang menaikkan harga ubat *anti-parasite* yang bernama Daraprim secara melampau daripada USD13 satu biji naik kepada USD750. Ini berlaku. Jadi kita kena prihatin bahawa isu-isu *intellectual property* perlu dipantau dengan baik. Bagi saya, pindaan klausa 35A ini, rakan-rakan kita semua dah cakap. Saya lihat tadi Yang Berhormat Tasik Gelugor, *very good point.* Yang Berhormat Tasik Gelugor ada? Tak ada? *Very good point.* Apabila kita buat satu subsidiari, mengikut Akta Syarikat 2016, subsidiari bermakna 51 peratus *control*.

Kenapakah MyIPO ini membuat satu struktur di mana dia kemungkinan besar ada *partner* 49 peratus? *We cannot allow this to happen,* Tuan Yang di-Pertua. Kalau nak buat pun, Menteri kena dedah secara transparen dan telus siapakah syarikat ini, apakah milik syarikat ini oleh Kerajaan Malaysia, baru kita boleh lihat sama ada pindaan ini boleh disokong atau tidak. Itu sahajalah. Masa dah cukup. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 25 Oktober 2017. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]